

PERTUMBUHAN PELABURAN LESTARI

LAPORAN
PRESTASI
TAHUNAN
MALAYSIA

2022



KANDUNGAN

1.0 TINJAUAN TAHUN 2022

1.1 Meneroka Cabaran dan Peluang 8-15

- Tahun Mencabar Seluruh Global
- FDI Global Perlahan – Tumpuan pada Tenaga Diperbaharui
- Prestasi Ekonomi Menggalakkan di Sebalik Cabaran
- Pembentukan Modal Tetap Kasar (GFCF)
- Pelaburan Domestik Berbanding Asing Mengikut Sektor Pada Tahun 2022
- Kedudukan Cemerlang Malaysia di Peringkat Antarabangsa

1.2 Pemacu Domestik yang Mantap 16-19

- Rancangan Rancak Malaysia
- Strategi Pelaburan MIDA

Kotak Artikel - MIDA Memudah Cara Pelaburan Malaysia-Türkiye Melalui Pejabat Istanbul Baharu 20-21

2.0 PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN

2.1 Kelestarian Berdaya Tahan 24-29

- Prestasi Kukuh dan Stabil
- Kekuahan Pelaburan FDI
- Persekitaran Pelaburan Domestik
- Industri Utama
- Peningkatan Permintaan Terhadap Bakat
- Pelaburan Modal Setiap Pekerja (CIPE) Melengkapi Projek Berkualiti
- Pelaburan Negeri Teratas
- Projek Perkilangan Dilaksanakan


2.2 Bersiap Sedia ke Arah ESG 30-65

- Industri Elektrik dan Elektronik (E&E)
- Kelengkapan Pengangkutan
 - » Automotif
 - » Pembinaan dan Pembaikan Kapal (SBSR)
 - » Aeroangkasa
- Produk Logam Asas
- Jentera dan Kelengkapan (M&E)
- Produk Fabrikasi Logam
- Tekstil dan Produk Tekstil

• Kulit dan Produk Kulit		
• Produk Mineral Bukan Logam		
↳ Sistem Binaan Berindustri (IBS)		
• Industri Pelbagai		
• Peralatan Saintifik & Pengukuran		
• Pengilangan Makanan		
↳ Produk Makanan Berasaskan Minyak Sawit		
• Minuman dan Tembakau		
• Perabot dan Lekapan		
• Kayu dan Produk Kayu		
↳ Produk Kayu berasaskan Biojisim Sawit		
• Kertas, Percetakan dan Penerbitan		
• Kimia dan Produk Kimia		
↳ Kimia		
↳ Kosmetik dan Peralatan Dandan Diri		
↳ Farmaseutikal		
↳ Oleokimia		
• Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)		
• Produk Plastik		
• Produk Getah		
Kotak Artikel - Penggunaan Konsep Inovasi <i>Triple Helix</i> dalam Industri Elektrikal dan Elektronik (E&E)	66-67	
Kotak Artikel - Memastikan Keterjaminan Makanan Di Malaysia Pada Masa Hadapan	68-69	
3.0 PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN		
3.1 Memudahkan Landasan	72-77	
↳ Sorotan Sektor Perkhidmatan Tahun 2022		
↳ Pelaburan Lestari Untuk Masa Hadapan		
3.2 Perkhidmatan Memberangsangkan	78-97	
↳ Pertubuhan Global		
↳ Hab Prinsipal (PH)		
↳ Pejabat Perwakilan / Pejabat Wilayah (RE/RO)		
↳ Maklumat dan Komunikasi		
↳ Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)		
↳ Teknologi Hijau		
• Perkhidmatan Logistik		
• Perkhidmatan Kesihatan		
• Perkhidmatan Pendidikan		
• Hotel dan Pelancongan		
• Hartanah		
• Perkhidmatan Kewangan		
• Utiliti		
• Perdagangan Pengedaran		
• Perkhidmatan Pengangkutan		
• Perkhidmatan Lain		
↳ Status Bionexus		
Kotak Artikel - Melabur di Malaysia dengan Lebih Hijau demi Masa Depan	98-99	
Kotak Artikel - Memanfaatkan Sepenuhnya Pasaran Karbon Baru Muncul dan Ekonomi Rendah Karbon Malaysia	100-101	
4.0 PRESTASI SEKTOR UTAMA		
Peluang Cerah	104-107	
↳ Pertanian		
↳ Perlombongan		
↳ Perladangan dan Komoditi		
Kotak Artikel - Meningkatkan Juara Global Masa Hadapan	108-109	
Kotak Artikel - Membentuk Bakat Masa Hadapan	110-111	
5.0 MELANGKAH KE HADAPAN		
Tindakan Seiring Global	114-127	
6.0 LAMPIRAN	128-141	

I.O





TINJAUAN TAHUN 2022

"Lebih banyak pelaburan diperlukan namun kadar semasa masih belum mencukupi untuk mengekalkan saham modal, apatah lagi untuk meningkatkannya. Kekangan pelaburan yang dihadapi meliputi peningkatan berterusan kos modal, iklim FDI yang tidak memberangsangkan dan permintaan fiskal yang tinggi terhadap modal global daripada kalangan kerajaan ekonomi maju."

David Malpass, Presiden Kumpulan Bank Dunia (Ucapan Pembukaan di Pelancaran Laporan *Global Economic Prospects*, Januari 2023)



1.1

MENEROKA CABARAN DAN PELUANG

Tahun ini bermula dengan pencapaian yang lebih memberangsangkan susulan pembukaan semula ekonomi, namun pemulihan berterusan daripada sekatan selama dua tahun di seluruh dunia yang telah menjelaskan kehidupan dan mata pencarian menjadi semakin perlahan akibat perperangan Rusia-Ukraine dan inflasi yang berterusan. Dasar kewangan yang lebih ketat serta dinamik geopolitik yang tidak menentu telah memberi kesan terhadap perdagangan dan pelaburan. Malaysia yang menyaksikan lonjakan pertumbuhan ekonomi ke paras tertinggi dalam tempoh 22 tahun, masih terus meneroka peluang untuk meningkatkan rantaian nilai dengan menawarkan insentif bagi penerapan teknologi yang boleh menarik dan mengekalkan pelaburan untuk tempoh jangka panjang.



Tahun Mencabar Seluruh Global

Jangkaan pemulihan ekonomi global susulan sekatan selama dua tahun yang berterusan di seluruh dunia bagi membendung COVID-19 berhadapan cabaran baharu ekoran peperangan Rusia-Ukraine. Tekanan inflasi yang disebabkan oleh ketidaktentuan pasaran komoditi serta dasar kewangan yang lebih ketat bagi mengatasi kesan kenaikan harga dan keimbangan berkaitan pandemik yang berlarutan serta sekatan berulang Republik Rakyat China (PRC) bagi membendung COVID-19 terus memberi kesan buruk kepada ekonomi global dan sentimen pasaran.

Pada bulan Januari 2023, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menerusi *World Economic Outlook* (WEO) mengunjurkan KDNK global bakal berkembang sebanyak 3.4 peratus pada tahun 2022, iaitu 0.2 mata peratusan lebih tinggi berbanding laporan pada bulan Oktober 2022. Ini mencerminkan daya tahan ekonomi Amerika Syarikat, sekitar Eropah, pasaran baru muncul utama dan ekonomi membangun lebih kukuh daripada yang dijangka dalam penggunaan dan pelaburan swasta serta dalam keadaan pasaran buruh yang ketat dan sokongan fiskal yang melebihi jangkaan.

Laporan WEO pada bulan Januari 2023 menunjukkan bahawa meskipun KDNK sebenar pada suku ketiga tahun 2022 mencatatkan pengukuhan di luar jangkaan bagi ekonomi ini, momentumnya mulai berkurangan menjelang suku keempat dalam kebanyakan ekonomi utama tetapi tidak secara keseluruhan. Walaupun

pertumbuhan di Amerika Syarikat kekal lebih kukuh berbanding jangkaan, aktiviti ekonomi di PRC didapati perlana pada suku keempat kerana penularan pandemik COVID-19 yang meluas di kawasan bandar sebelum kelonggaran sekatan COVID-19 pada November dan Disember yang memberi ruang kepada pembukaan semula sepenuhnya.

Walaupun petanda menunjukkan dasar kewangan yang lebih ketat telah mula mengekang permintaan dan meningkatkan inflasi, didapati inflasi teras tidak memuncak di kebanyakan ekonomi dan kekal tinggi di atas paras pra-pandemik. Namun begitu, inflasi teras terus kekal ekoran kesan pusingan kedua daripada kejutan kos terdahulu dan pasaran buruh yang ketat dengan pertumbuhan upah yang kukuh susulan permintaan pengguna yang kekal berdaya tahan.

IMF mengunjurkan pertumbuhan sebanyak 2.7 peratus bagi ekonomi maju pada tahun 2022, di mana Amerika Syarikat dianggarkan bakal berkembang sebanyak 2 peratus. KDNK di sekitar Eropah diunjurkan bakal berkembang sebanyak 3.5 peratus, sementara KDNK di Jepun diunjurkan pada kadar 1.4 peratus. Bagi pasaran membangun dan ekonomi membangun Asia, pertumbuhan diunjurkan pada kadar 4.3 peratus, di mana KDNK di PRC dianggarkan pada kadar 3 peratus dengan kelembapan pada suku keempat menerusi penurunan sebanyak 0.2 mata peratusan. KDNK India dijangka berkembang sebanyak 6.8 peratus. Bagi negara ASEAN-5 (Indonesia, Malaysia,

Filipina, Singapura dan Thailand), KDNK dijangka berkembang sebanyak 5.2 peratus iaitu peningkatan daripada 3.8 peratus yang dilaporkan oleh WEO pada bulan Oktober.

Dari segi perdagangan global, dalam laporan Oktober WEO, IMF menyatakan bahawa perdagangan global didapati merosot secara mendadak kepada unjuran 4.3 peratus berbanding pertumbuhan 10.1 peratus pada tahun 2021 yang terutamanya mencerminkan penurunan dalam pertumbuhan keluaran global. Kekangan rantaian bekalan telah menjelaskan pertumbuhan yang sebahagian besarnya disebabkan oleh penjejasan masa penghantaran bekalan dari PRC yang dijangka akan berterusan. Kenaikan dolar Amerika Syarikat sebanyak 13 peratus dalam terma efektif nominal pada bulan September 2022 berbanding purata tahun 2021 juga berkemungkinan menjadi faktor kelembapan pertumbuhan perdagangan dunia. Ini adalah disebabkan oleh peranan dominan mata wang ini dalam invois perdagangan dan kesan pemindahan kos dalam harga pengguna dan pengeluar di luar Amerika Syarikat.

FDI Global Perlahan – Tumpuan pada Tenaga Diperbaharui

Dalam mengukur sentimen pelabur secara global, data oleh Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) yang diterbitkan pada bulan Januari 2023 menunjukkan tekanan yang memperlakukan pelaburan projek


selepas suku pertama tahun 2022 berikutan daripada peperangan Rusia-Ukraine, tekanan inflasi dan kemelut hutang.

UNCTAD tidak menerbitkan angka tahun sepenuhnya bagi Pelaburan Langsung Asing (FDI) disebabkan oleh semakan penting yang berterusan ke atas data tahun 2021 dan ketersediaan data tahun 2022 yang tidak lengkap. Data aliran FDI untuk 2022 akan dilaporkan dalam *World Investment Report 2023* pada pertengahan tahun 2023. Berdasarkan data awal bagi tahun 2022, pengumuman projek *greenfield*, tawaran kewangan projek antarabangsa (IPF) serta penggabungan dan pengambilalihan (M&A) rentas sempadan secara keseluruhannya didapati terjejas selepas suku pertama tahun 2022.

Meskipun data awal bagi pengumuman projek *greenfield* peringkat global masih menunjukkan pertumbuhan sebanyak enam peratus yang disumbangkan oleh projek mega dalam sektor tenaga boleh diperbaharui kepada separuh pertama tahunan yang kukuh. Namun sebaliknya bagi projek IPF dan M&A rentas sempadan masing-masing didapati perlahan sebanyak enam peratus dan 30 peratus lebih rendah.

Amerika Syarikat menyaksikan sejumlah tawaran projek M&A yang meliputi sebahagian besar aliran FDI menurun sehingga 53 peratus. Projek *greenfield* baharu menurun sebanyak 15 peratus di Eropah, manakala PRC mencatatkan penurunan sebanyak 31 peratus

TREND PELABURAN 2019-2022



Sumber: UNCTAD, pangkalan data FDI/MNE (www.unctad.org/fdisstatistics) untuk FDI, maklumat daripada Financial Times Ltd, fDi Markets (www.fdimarkets.com) untuk projek *greenfield* yang diumumkan dan Refinitiv SA bagi tawaran kewangan projek antarabangsa.

Nota: Data projek bagi tahun 2022 dalam tinjauan ini adalah laporan awal; data *greenfield* dianggarkan berdasarkan tempoh 11 bulan. Data FDI setahun penuh yang biasanya dibentangkan dalam tinjauan monitor bulan Januari tidak disertakan kerana semakan utama yang berterusan ke atas data tahun 2021 dan ketersediaan data tahun 2022 yang tidak lengkap – data FDI tahun 2022 akan diliputi dalam *World Investment Report 2023*.

dalam projek greenfield baharu walaupun jumlah projek IPF meningkat sebanyak 11 peratus.

India didapati menyerlah menerusi penggandaan projek *greenfield* baharu dan peningkatan sebanyak 34 peratus dalam tawaran projek IPF. Sebaliknya, di kalangan ekonomi ASEAN, tawaran projek M&A didapati merundum sebanyak 74 peratus manakala projek *greenfield* baharu meningkat sebanyak 21 peratus.

UNCTAD merekodkan bahawa projek mega *greenfield* yang diumumkan pada tahun 2022 menunjukkan arah aliran utama FDI global di mana tiga daripada 10 pengumuman terbesar yang dibuat adalah berkaitan kilang cip semikonduktor dan enam daripada 10 pengumuman projek tertinggi dalam tenaga boleh diperbaharui. Empat daripada pengumuman ini dibuat di Mesir semasa Persidangan Kesatuan Perubahan Iklim Negara-Negara COP27 pada bulan November 2022. Walaupun penekanan diambil terhadap tenaga boleh diperbaharui pada tahun 2022, pemuliharan sektor pelaburan berkaitan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) selepas kemerosotan pada tahun 2020 masih kekal rapuh berdasarkan bilangan projek merentasi keseluruhan sektor SDG yang hanya meningkat sebanyak tiga peratus manakala nilai pelaburan mengalami sedikit penyusutan.

Walaupun bilangan projek *greenfield* dalam tenaga boleh diperbaharui adalah lebih tinggi, tawaran projek IPF yang membentuk sebahagian besar daripada pelaburan mitigasi perubahan iklim dalam sektor ini sejak beberapa tahun kebelakangan didapati terus terjejas— data UNCTAD menekankan penurunan ini di mana bilangan

IPF dalam projek tenaga boleh diperbaharui menurun sebanyak lima peratus dan nilai pula menurun hampir 40 peratus. Ini telah memberi kesan buruk terhadap keseluruhan pelaburan antarabangsa dalam mitigasi dan pengadaptasian perubahan iklim yang menyusut lebih daripada sembilan peratus dari segi nilai yang diumumkan dan sebanyak enam peratus dalam bilangan projek. Sebaliknya, terdapat beberapa projek besar yang diumumkan dalam industri pengekstrakan arang batu serta minyak dan gas (O&G) bagi menangani krisis tenaga yang berterusan.

Prestasi Ekonomi Menggalakkan di Sebalik Cabaran

Pada tahun 2022 Malaysia berjaya merekodkan sebanyak RM73.3 bilion aliran masuk bersih berbanding RM48.1 bilion yang dicatatkan pada tahun 2021 walaupun berhadapan pelbagai cabaran. Bagi suku keempat, data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa negara mencatatkan sebanyak RM19.3 bilion dalam aliran masuk bersih yang kebanyakannya adalah dalam sektor perkilangan dan subsektor perkhidmatan kewangan dalam sektor perkhidmatan.


Data DOSM menunjukkan bahawa jumlah stok FDI di Malaysia berkembang sebanyak RM14.4 bilion kepada RM875.1 bilion pada akhir suku keempat, di mana sektor perkilangan mengekalkan kedudukannya sebagai penerima FDI terbesar sebanyak RM380.6 bilion atau 43.5 peratus daripada jumlah kedudukan FDI. Aktiviti kewangan menduduki tempat kedua dengan catatan RM205.3 bilion atau 23.5 peratus daripada jumlah keseluruhan yang diikuti oleh perdagangan borong dan

PRESTASI FDI DAN DIA TAHUN 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

ALIRAN FDI DAN DIA, S1 2018-S4 2022



runcit sebanyak RM53.8 bilion atau 6.1 peratus daripada jumlah keseluruhan. Lima pelabur tertinggi ialah Singapura (20.5%), Amerika Syarikat (11.5%), Hong Kong (10.6%), Jepun (10.2%) dan Belanda (6.9%).

Kedudukan jumlah pelaburan langsung ke luar negara (DIA) negara meningkat kepada RM602.1 bilion pada suku keempat berbanding RM601.9 bilion pada suku ketiga. Aliran DIA dalam aktiviti kewangan mencatatkan sejumlah RM250.3 bilion atau 41.6 peratus daripada jumlah keseluruhan, diikuti oleh aktiviti perlombongan dan kuari sebanyak RM76 bilion serta perkilangan sebanyak RM59.5 bilion. Tiga destinasi DIA teratas ialah Singapura dengan jumlah RM126.8 bilion atau 21.1 peratus, Indonesia sebanyak RM63.5 bilion atau 10.5 peratus dan Belanda sebanyak RM38.8 bilion atau 6.5 peratus.


Pertumbuhan KDNK Tertinggi Sepanjang 22 Tahun

Bagi keseluruhan tahun 2022, KDNK negara berkembang sebanyak 8.7 peratus berbanding 3.1 peratus pada tahun 2021 berikutan pertumbuhan 7.0 peratus pada suku keempat yang merupakan paras

pertumbuhan sepenuh tahun tertinggi sepanjang 22 tahun. Data daripada DOSM menunjukkan bahawa prestasi ekonomi bagi suku keempat telah mengatasi paras pra-pandemik sebanyak 7.2 peratus. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan sebanyak 8.9 peratus pada suku keempat, diikuti oleh pertumbuhan sederhana sektor perkilangan sebanyak 3.9 peratus. Sektor perlombongan dan kuari telah berkembang sebanyak 6.8 peratus sementara sektor pembinaan mengekalkan pertumbuhan dua digit sebanyak 10.1 peratus dan sektor pertanian berkembang sebanyak 1.1 peratus.

Penggunaan akhir sektor swasta yang menyumbang sebanyak 58.2 peratus kepada KDNK meningkat sebanyak 7.4 peratus manakala Pembentukan Modal Tetap Kasar (GFCF) telah meningkat sebanyak 8.8 peratus di mana sektor awam dan swasta sama-sama mencatatkan peningkatan. Kedua-dua eksport dan import juga meningkat pada kadar yang sederhana sebanyak 9.6 peratus dan 8.1 peratus masing-masing yang disebabkan oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam produk dan perkhidmatan. Eksport bersih meningkat sebanyak 23.4 peratus pada suku

PERTUMBUHAN KDNK SEBENAR S4 2021-S4 2022



1 Kesan asas yang rendah berpuncak daripada kemerosotan pertumbuhan ekonomi pada suku ketiga 2021 (-4.5%) yang sebahagiannya menyumbang ke arah pertumbuhan tinggi setahun seterusnya iaitu sebanyak 14.2% pada suku ketiga 2022

2 Purata dari S1 2011 hingga S4 2019

keempat berbanding 18.7 peratus pada suku ketiga. Perbelanjaan penggunaan akhir Kerajaan menunjukkan catatan sederhana pada kadar 2.4 peratus yang disokong oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan.

Bank Negara Malaysia (BNM) merekodkan pertumbuhan KDNK suku keempat tahun 2022 melebihi purata jangka panjang sebanyak 5.1 peratus manakala pada asas pelarasian berkala suku ke suku, ekonomi mencatatkan penurunan sebanyak 2.6 peratus. Prestasi sektor perkhidmatan telah disokong oleh subsektor berkaitan pengguna dalam persekitaran pasaran buruh yang lebih baik dan pemulihan berterusan dalam aktiviti pelancongan serta peningkatan dalam aktiviti hartanah dan perkhidmatan perniagaan.

Kluster sektor perkilangan E&E terus berkembang dalam keadaan memenuhi pesanan sedia ada yang tertunggak. BNM juga menyatakan bahawa pertumbuhan sektor pembinaan terus disokong oleh pembangunan berterusan projek-projek besar

infrastruktur, komersial dan perindustrian dalam subsektor kejuruteraan awam dan bukan kediaman. Sementara perkembangan sektor perlombongan disumbang oleh peningkatan berterusan dalam pengeluaran minyak mentah dan gas asli manakala sektor pertanian telah disokong oleh pertumbuhan dalam pengeluaran kelapa sawit di mana hasilnya mendapat manfaat daripada taburan hujan lebih tinggi pada awal tahun 2022 dalam keadaan isu kekurangan buruh yang bertambah baik.

Pembentukan Modal Tetap Kasar (GFCF)


Pelaburan Malaysia dalam harta tetap yang diukur menerusi GFCF berdasarkan harga asas tahun 2015 mencatatkan sejumlah RM297.5 bilion pada tahun 2022 berbanding RM278.7 bilion pada tahun 2021.

Nilai GFCF pada setiap suku tahun 2022 adalah lebih tinggi berbanding suku yang sama pada tahun 2021 di mana sektor swasta menyumbang sebanyak 77.9 peratus daripada GFCF negara dan sektor awam menyumbang sebanyak 22.1 peratus.

PELABURAN SWASTA SECARA KESELURUHAN DI MALAYSIA PADA TAHUN 2022

 **RM264.6 bilion** Jumlah Pelaburan

Pelaburan Domestik Berbanding Berbanding Asing



5 Penyumbang FDI Tertinggi Mengikut Negara

1  Republik Rakyat China (PRC)	2  Amerika Syarikat	3  Belanda	4  Singapura	5  Jepun
RM55.4 bil	RM29.2 bil	RM20.4 bil	RM13.5 bil	RM11.4 bil

3,581 Projek Diluluskan 

Perkhidmatan

801 Projek Diluluskan 

Perkilangan

72 Projek Diluluskan 

Utama

0 50 100 150 200 RM dalam bilion

PELABURAN DOMESTIK BERBANDING ASING MENGIKUT SEKTOR PADA TAHUN 2022

Perkilangan Meningkatkan Rantaian Nilai




Ekonomi Malaysia sedang melalui transformasi secara menyeluruh di mana sektor perkilangan telah meningkatkan rantaian nilai menerusi pelaburan yang tertumpu kepada penjanaan teknologi baharu dan pekerjaan berkemahiran tinggi

Berbanding tahun terdahulu, sektor perkilangan menduduki tempat kedua pada tahun 2022 menerusi sumbangan 31.9% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan di negara ini yang diatasi oleh sektor perkhidmatan yang kebanyakannya disumbang oleh tiga projek pusat data yang besar

Tahun 2022 yang mencabar ekoran ketidaktentuan ekonomi global menyaksikan **801** projek telah diluluskan untuk sektor ini bernilai **RM84.3 bilion** berbanding kelulusan 702 projek bernilai RM195.1 bilion pada tahun 2021

Projek perkilangan yang diluluskan ini dijangka mewujudkan **76,093** peluang pekerjaan dalam pelbagai jawatan pengurusan, teknikal dan berkemahiran

Perkhidmatan dalam Tumpuan



Sektor perkhidmatan merupakan **penyumbang terbesar** pelaburan yang diluluskan bagi tahun ini dengan sumbangan sebanyak **58.2%** kepada jumlah pelaburan yang diluluskan bernilai RM154 bilion iaitu peningkatan sebanyak **RM57 bilion** berbanding tahun 2021

Penyumbang utama bagi sektor ini adalah subsektor Maklumat dan Komunikasi menerusi lima projek pusat data dan perkhidmatan pengkomputeran awan berjumlah **RM72.4 bilion**. Subsektor perkhidmatan tertinggi yang lain adalah hartaanah, perkhidmatan kewangan, utiliti dan perdagangan pengedaran

Ekonomi digital merupakan teras kemajuan perniagaan dalam sektor perkhidmatan dan kriteria utama untuk pelaburan masa hadapan ialah kelestarian yang merangkumi pematuhan prinsip dan amalan ESG. MIDA telah melaksanakan pelbagai inisiatif utama bagi sektor perkhidmatan pada tahun 2022 yang meliputi *Data Centre Investment Coordination Task Force (DCICTF)*

Lonjakan Pelaburan Sektor Utama



KEDUDUKAN CEMERLANG MALAYSIA DI PERINGKAT ANTARABANGSA



Sumber: Laman Web MITI (<https://www.miti.gov.my/NIA/index.html>)



1.2

PEMACU DOMESTIK YANG MANTAP

Memandangkan Malaysia kekal berdaya tahan dan teguh, Kerajaan mengutamakan dasar dan inisiatif yang bersasarkan kelestarian sejarar dengan prinsip dan amalan ESG. Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) yang menyediakan rangka kerja bagi Dasar Pelaburan Baharu (NIP) telah dilancarkan untuk menyemak semula dasar berkaitan pelaburan dan menstruktur semula strategi pelaburan negara bagi menggalakkan projek berkualiti tinggi, berimpak tinggi dan berintensifkan modal untuk negara.



Rancangan Rancak Malaysia

Usaha MIDA untuk meningkatkan pelaburan langsung domestik (DDI) telah menghasilkan pelbagai kesan positif dalam beberapa tahun kebelakangan ini menerusi strategi yang diterapkan dalam NIA. Langkah strategik lain yang telah diperkenalkan untuk meningkatkan pelaburan domestik sepanjang dekad yang lalu adalah meliputi dana strategik dan insentif yang tertumpu ke arah teknologi Industri 4.0 serta langkah rangsangan berkaitan COVID-19.

Bagi tempoh tahun 2012 sehingga 2022, DDI menyumbang bahagian terbesar dalam sektor perkhidmatan sebanyak 79.7 peratus atau RM1.1 trillion berbanding sumbangan pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak 20.3 peratus atau RM275.4 bilion. DDI juga merupakan penyumbang utama kepada jumlah

pelaburan yang diluluskan dalam tempoh yang sama menerusi sumbangan sebanyak 61.3 peratus atau RM1.5 trillion.

Strategi Pelaburan MIDA

Sebagai agensi utama penggalakan dan pembangunan pelaburan negara, MIDA sentiasa mengenalpasti dan memperkasa syarikat domestik yang berpotensi untuk berkembang menjadi konglomerat. Menerusi rangkaianya yang luas di peringkat tempatan dan global, MIDA terus menggalakkan syarikat-syarikat MNC di dalam negara untuk menyediakan peluang penyumberan luar kepada syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi, mempergiatkan sokongan bagi pemerolehan teknologi di kalangan syarikat tempatan dan memperkuuh syarikat untuk berjaya memperolehi piawaian dan pensijilan antarabangsa.

PELABURAN DOMESTIK BERBANDING ASING (2012-2022)



Sumber: MIDA

STRATEGI PELABURAN DOMESTIK

Bagi mengukuh dan meluaskan pelaburan domestik, MIDA terus melaksanakan strategi bersasar seperti berikut:

Penumpuan ke arah teknologi Industri 4.0 (IR4.0)

- ◆ Membantu syarikat tempatan untuk menerapkan teknologi baharu dan mencapai status Industri 4.0 menerusi fasilitasi dan pelbagai insentif dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan terutamanya bagi mengurangkan kebergantungan kepada buruh berkemahiran rendah

Penerapan digital

- ◆ Menggalakkan syarikat tempatan untuk mendigitalkan proses pengeluaran termasuk memanfaatkan *Internet of Things* (IoT) bagi pemasaran produk dalam talian
- ◆ Mengurangkan kos logistik dan buruh untuk mengoptimumkan kos operasi jangka panjang

Peningkatan rangkaian domestik

- ◆ Menggalakkan penggunaan input domestik untuk meluaskan dan mengembangkan rantaian bekalan domestik
- ◆ Menggerakkan integrasi dan peningkatan hubungan rantaian bekalan domestik dengan ekonomi serantau dan rantaian nilai global

Membangunkan produk dan perkhidmatan yang unik dan bernilai tinggi

- ◆ MIDA mensasarkan pembentukan ekonomi Malaysia yang berkompleksiti tinggi menerusi industri yang berdasarkan kemahiran dengan keupayaan produktiviti yang ketara
- ◆ Melengkapkan syarikat tempatan untuk membangunkan produk dan perkhidmatan yang canggih melalui kerjasama tiga hala di antara Kerajaan, industri serta universiti dan institut teknikal

Penerapan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)

- ◆ Menyokong kepentingan penerapan program ESG dan kelestarian bagi memastikan syarikat tempatan kekal berdaya saing dan relevan di peringkat global

Prestasi Inisiatif MIDA pada Tahun 2022

Sokongan untuk pertumbuhan dan kemajuan negara dirangkumkan dalam Dasar Pelaburan Baharu (NIP) yang menggariskan enam teras strategik dan 22 inisiatif peringkat kebangsaan yang bertujuan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang lestari dengan menyediakan peluang pekerjaan bernilai tinggi dan berkemahiran tinggi serta menambah baik kehidupan dan mata pencarian rakyat di samping menjamin kemakmuran bersama.

Petunjuk Pelaburan Kualiti NIA

NIA menyediakan rangka kerja pertumbuhan jangka panjang untuk NIP di samping menyelaraskan semula dasar negara yang berkaitan dengan pelaburan.

NIA membolehkan MITI dan MIDA serta agensi lain di bawah bidang kuasanya untuk menerajui usaha dalam mengkaji dasar berkaitan pelaburan dan juga menstruktur semula strategi pelaburan negara.

Matlamat NIP

NIP telah mengenal pasti subsektor E&E, farmaseutikal, ekonomi digital, aeroangkasa dan kimia sebagai keutamaan dalam pelaburan berdasarkan kelebihan perbandingan dan selari dengan rangka kerja Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) serta RMKe-12 dan SDG 2030

Matlamat NIP Utama

- ◆ Pertumbuhan KDNK yang mampan sebanyak 4.5 peratus hingga 5.5 peratus setahun
- ◆ Pertumbuhan pendapatan negara kasar yang mampan sebanyak 5.5 peratus hingga 6.5 peratus setahun
- ◆ Memperkuuh semula ekosistem pelaburan sebanyak empat peratus hingga lima peratus GFCF setahun

Berdasarkan teras utama NIA yang ditetapkan untuk menarik pelaburan yang berkualiti dan strategik, mengurangkan kebergantungan kepada buruh tidak mahir dan merangsang pemindahan teknologi, MIDA akan menilai permohonan pelaburan dengan mengenal pasti bidang yang dapat meningkatkan kompleksiti ekonomi. Bidang ini adalah meliputi pelaburan yang mendorong kepada peningkatan ekonomi dalam rantaian nilai, aktiviti berintensifkan R&D, tahap pelaburan modal setiap pekerja (CIPE), penggunaan teknologi/Industri 4.0, berorientasikan eksport dan pembangunan IP.

Menerusi penilaian ini, MIDA boleh memastikan bahawa pelaburan yang diluluskan dapat menjana pekerjaan berkemahiran tinggi kepada rakyat Malaysia di peringkat pengurusan, teknikal dan penyeliaan, menggalakkan latihan amali dalam projek untuk mendedahkan pelajar kepada teknologi dan industri baharu serta meningkatkan tahap produktiviti. Di bawah NIA, MIDA juga berusaha untuk memperluas rangkaian domestik dengan menggalakkan penyumberan tempatan dan kerjasama dengan universiti tempatan atau institut penyelidikan yang dapat mengukuhkan lagi kluster sedia ada atau membangunkan kluster baharu. Rangkaian domestik ini turut meliputi Program Pembangunan Vendor (VDP) di mana MIDA akan membantu vendor tempatan untuk membangunkan dan menaiktaraf perkhidmatan mereka menerusi kerjasama dengan syarikat-syarikat MNC.

Di bawah NIA, inklusiviti turut diberi penekanan bagi menjamin pembangunan ekonomi yang sekata di seluruh negara dengan memanfaatkan pejabat negeri MIDA dan bekerjasama dengan IPA di setiap negeri untuk mempromosikan kelebihan dan ekosistem tertentu di negeri-negeri berkenaan.

Nisbah Pekerjaan Tempatan dan Asing

Peraturan yang diumumkan pada tahun 2016 untuk memastikan syarikat mematuhi nisbah pekerjaan tempatan dan asing sebanyak 80:20 menjelang 31 Disember 2022 telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2024. Inilah adalah kerana industri masih melalui proses pemulihan dari kesan pandemik dan isu kekurangan pekerja. Pada masa ini, MITI menawarkan fleksibiliti kepada syarikat dari segi pematuhan peraturan ini bagi projek pembesaran, pelbagai dan regularisasi serta pengecualian lesen pengilang.

Walaupun pekerja asing diakui turut menyumbang kepada ekonomi, Kerajaan sedar bahawa kebergantungan yang tinggi kepada pekerja asing boleh menjelaskan industri yang bergantung kepada eksport serta tidak menggalakkan syarikat untuk menerapkan automasi atau teknologi yang dapat meningkatkan produktiviti dan kurang berintensifkan buruh.

Di sebalik penangguhan ini, usaha untuk memantau syarikat masih diteruskan di mana Kerajaan secara aktif menggalakkan syarikat untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing; menerapkan automasi dalam proses yang berbahaya, kotor dan sukar (3D) termasuk memastikan pekerja dalam pekerjaan 3D ini mendapat perlindungan terbaik.

Beralih Ke Arah Fasa Endemik

Malaysia telah menetapkan negara sebagai pangkalan alternatif di Asia dengan memastikan rantaian bekalan syarikat kekal berdaya tahan. Ini disokong oleh ekosistem syarikat tempatan yang terjalin erat dengan rangkaian rantaian bekalan MNC global.

Berpacuan NIA yang menyediakan rangka kerja untuk NIP, MIDA terus melangkah untuk mendapatkan lebih banyak projek berkualiti tinggi, berimpak tinggi dan berintensifkan modal pada tahun 2023 dengan giat melaksanakan program penggalakan pelaburan termasuk misi perdagangan dan pelaburan, lawatan kerja, program perdana dan penglibatan yang kerap dengan pelabur dalam dan luar negara. Bagi memastikan proses yang lancar dan cekap untuk pelabur, platform penyerahan dan pemprosesan

permohonan dalam talian MIDA iaitu InvestMalaysia, akan terus bertindak sebagai tetingkap pemprosesan tunggal untuk semua kelulusan bagi lesen pengilang, insentif dan pengecualian duti kastam. Platform ini bekerjasama rapat dengan Unit Pecutan dan Penyelaras Projek (PACU) MIDA untuk memastikan fasilitasi menyeluruh dan pantas ke atas setiap projek yang diluluskan.

Kebangkitan Pelaburan ESG

MIDA bersama MITI juga akan terus mendorong dasar dan inisiatif yang bersasarkan kelestarian seiring perkembangan kepentingan pertimbangan ESG di kalangan pelabur. Inisiatif utama yang sedang dibangunkan adalah rangka kerja ESG untuk sektor perkilangan sebagai panduan bagi perniagaan dan untuk menggalakkan penerapan prinsip ESG yang lebih pantas dalam menarik FDI serta integrasi syarikat tempatan ke rantaian bekalan global.

Bagi tujuan ini, MIDA akan terus menyokong dan memudahkan pelaburan dalam penerapan sumber tenaga dan teknologi bersih serta pembangunan subsektor pertanian halal dan pintar yang digariskan di bawah RMKe-12. Pertimbangan ESG lain yang akan diberi perhatian ialah penebangan hutan, piawaian buruh, tadbir urus korporat dan ketelusan dalam dasar perdagangan.

Selaras peralihan tumpuan ke arah ESG, Bursa Malaysia telah mengumumkan pelancaran dua indeks berasaskan ESG pada Ogos 2022 iaitu *FTSE Bursa Malaysia Top 100 ESG Low Carbon Select Index* (FBM100LC) dan *FTSE Bursa Malaysia Top 100 ESG Low Carbon Select Shariah Index* (FBM100LS). Inisiatif Bursa Malaysia ini merupakan langkah penting dalam menggalakkan penggunaan ESG dan penerapan karbon rendah dalam ekosistem pasaran modal tempatan.

Advokasi MIDA akan memastikan syarikat tempatan kekal relevan dalam rantaian bekalan global. Berdasarkan kaji selidik oleh Proxima, syarikat perundingan bagi pemerolehan dan rantaian bekalan yang berpangkalan di United Kingdom (UK), perniagaan tanpa rangkaian bekalan yang lestari berkemungkinan besar akan mendapat pelaburan yang berkurangan dan menyaksikan penurunan nilai saham dalam tempoh 10 tahun akan datang. Sebanyak 84 peratus responden dari Amerika Syarikat dan UK yang diliputi dalam kaji selidik ini menyatakan bahawa ketiadaan piawaian ESG dan rantaian bekalan bakal yang tidak lestari mendedahkan pelaburan syarikat kepada risiko kewangan.

MIDA Memudah Cara Pelaburan Malaysia-Türkiye Melalui Pejabat Istanbul Baharu



- Mula beroperasi pada 30 September 2022, pejabat baharu MIDA di Istanbul, Republik Türkiye (Türkiye) akan menyediakan peluang ekonomi baharu kepada Malaysia dan Türkiye dalam memacu pertumbuhan perdagangan dua hala di antara Malaysia dan Türkiye
- MIDA Istanbul akan berfungsi sebagai pintu masuk untuk pelabur dari kedua-dua negara yang ingin mengembangkan perniagaan mereka di negara lain

Melalui pejabat baharu ini, Malaysia akan dapat menarik lebih banyak peluang pelaburan dari Türkiye dalam sektor yang disasarkan seperti jentera dan logam (M&E), elektrikal dan elektronik (E&E), aeroangkasa, ICT, ekonomi digital, farmaseutikal, kimia dan industri pengilangan makanan (termasuk segmen halal). Pelabur Türkiye akan mendapat manfaat daripada infrastruktur, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan kewangan dan perbankan, industri sokongan, kemahiran, tenaga kerja terlatih dan dasar pro-perniagaan di Malaysia. Kedua-dua negara juga akan mendapat manfaat daripada lokasi strategik masing-masing, di mana Malaysia terletak di tengah-tengah Asia Tenggara dan bertindak sebagai pintu masuk utama bagi pelabur


Türkiye yang ingin melabur di pasaran ASEAN, manakala Türkiye pula terletak secara strategik di persimpangan Eropah, Asia Tengah, Timur Tengah dan Afrika Utara. Oleh itu, syarikat Malaysia boleh mempertimbangkan Türkiye sebagai pusat untuk menerokai pasaran Eropah serta pasaran baru muncul di Asia Tengah dan Timur Tengah.

Pejabat MIDA di Istanbul akan menyokong dan menggalakkan penerokaan peluang dan kerjasama baharu di antara syarikat Malaysia dan negara-negara rakan dagangan Türkiye seperti Greece, Cyprus, Azerbaijan dan Georgia. Dalam masa yang sama, ianya juga akan dapat meningkatkan lagi perdagangan dua hala dan pelaburan rentas sempadan di antara Türkiye dan Malaysia. Selain itu, pelabur Türkiye berpeluang untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai dasar dan peluang pelaburan di Malaysia serta membolehkan MIDA untuk membantu dalam perkongsian usaha sama dan kerjasama teknologi dengan syarikat Malaysia.

MEMPERLUAS DAN MELANJUTKAN PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS MALAYSIA-TÜRKİYE (MTFTA)

Pada 28 September 2022, Türkiye dan Malaysia telah menandatangani Protokol Pertama untuk meminda MTFTA antara kedua-dua negara. Ini merupakan instrumen undang-undang untuk memperluaskan MTFTA bagi memasukkan bab pelaburan, perdagangan dalam perkhidmatan dan e-dagang.

PROJEK DARI TÜRKİYE YANG DILULUSKAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN TAHUN 2022





MTFTA yang asal telah ditandatangani pada tahun 2014 dan berkuatkuasa pada 1 Ogos 2015. MTFTA tersebut mengandungi bab-bab mengenai akses pasaran untuk perdagangan barang, peraturan tempasal, kerjasama dan prosedur kastam, langkah-langkah sanitasi dan fitosanitasi, halangan teknikal terhadap perdagangan, penyelesaian masalah perdagangan, kerjasama ekonomi dan teknikal, ketelusan, peruntukan institusi dan penyelesaian pertikaian. MTFTA ini membolehkan Malaysia dan Türkiye mendapat manfaat daripada penghapusan cukai dan duti terhadap 70 peratus daripada barisan tarif.

Perluasan MTFTA ini akan memberikan manfaat seperti berikut:

- ♦ Syarat-syarat operasi yang telus dan boleh dijangka serta penghapusan halangan utama terhadap perdagangan dalam perkhidmatan
- ♦ Peningkatan akses pelaburan dan mobiliti bagi golongan profesional di antara Malaysia dan Türkiye
- ♦ Akses bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk menikmati manfaat

daripada Bab e-Dagang yang akan membantu syarikat bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam perdagangan antarabangsa

- ♦ Memupuk keyakinan pengguna dalam transaksi atas talian melalui penyelarasan peraturan dan penggunaan mekanisme fasilitasi

Bermula 1 Januari 2023, sebanyak 99 peratus eksport dari Türkiye ke Malaysia dan hampir 86 peratus eksport dari Malaysia ke Türkiye adalah bebas daripada cukai. Ini akan membolehkan pengeksport barang perlindungan menikmati faedah ketara daripada MTFTA.


MTFTA yang diperluas ini akan mengukuhkan lagi kerjasama dalam sektor bernilai tinggi, mengekalkan dan meningkatkan langkah anti lambakan untuk membantu dalam memastikan persaingan yang lebih adil. Ini akan menjadikan Malaysia lebih berdaya tahan, mesra perniagaan, berdaya saing dan dinamik.

JUMLAH PERDAGANGAN MALAYSIA-TÜRKİYE TAHUN 2022

Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Türkiye pada 2022 bernilai RM20.2 bilion



2.0





PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN

Mengubah posisi keutamaan ESG daripada tahap risiko kepada peluang merupakan langkah pertama dalam mewujudkan perkembangan bermakna dan pertumbuhan yang berkekalan untuk semua pihak berkepentingan.

Kent Kaufield, Pemimpin Pasaran ESG dan Ketua Pegawai Kelestarian,
EY Canada

(Petikan daripada artikel bertajuk '5 cara syarikat perkilangan boleh menangani ESG sekarang', 26 Julai 2022)



2.1

KELESTARIAN BERDAYA TAHAN

Sektor perkilangan Malaysia terus maju ke hadapan dengan mengharungi cabaran pandemik COVID-19 yang lalu dan konflik Rusia-Ukraine yang masih berterusan dalam persediaan untuk memenuhi keperluan pematuhan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Pelaburan asing terus masuk ke dalam negara dengan hampir 80 peratus pelaburan adalah bagi sektor perkilangan, manakala pelaburan domestik meningkat lebih satu perlima.



Kebanyakan negara di seluruh dunia membuka semula sempadan mereka secara berperingkat dan melonggarkan sekatan COVID-19 pada tahun 2022 kecuali Republik Rakyat China (PRC), di mana dasar sifar COVID-19 telah ditarik balik pada bulan Disember.

Walau bagaimanapun, di sebalik langkah ke arah endemik, kesan daripada sekatan pergerakan selama dua tahun ini telah memberi kesan kepada kekurangan tenaga kerja dan gangguan rantaian bekalan. Namun begitu, terdapat kesan positif bagi sektor perkilangan yang menyaksikan peralihan ke arah transformasi digital dan 'kilang pintar'. Konflik Rusia-Ukraine turut memburukkan lagi isu gangguan rantaian bekalan di samping menimbulkan cabaran khusus yang lain seperti krisis tenaga dan kekurangan bahan.

Trend perkilangan dari tahun-tahun sebelumnya masih terus kekal pada tahun 2022 di mana perniagaan besar dan kecil telah mendapat manfaat daripada transformasi yang mereka lakukan sebagai tindak balas terhadap pelbagai cabaran yang telah mempengaruhi sektor ini. Trend ini dijangka akan terus meningkat bagi tahun 2023 dan seterusnya.

Sebagai contoh, pendigitalan industri dan transformasi ke arah 'kilang pintar' dijangka menjadi lebih efisyen dengan adaptasi penggunaan Industrial *Internet of Things* (IoT) yang dipacu oleh rangkaian generasi ke 5 jalur lebar mudah alih (5G) swasta yang dilengkapi dengan penggunaan kembar digital. Ini akan membantu pengilang mengoptimumkan

dan menambah baik proses pengeluaran mereka, mengurangkan masa henti mesin dan memberikan maklumat terperinci pada masa sebenar kepada pihak berkepentingan mengenai operasi mereka.

Kelestarian yang merupakan sebahagian daripada agenda ESG menjadi tumpuan utama bagi sektor perkilangan di seluruh dunia. Kerajaan di kebanyakan negara maju terutamanya di Kesatuan Eropah (EU) yang komited terhadap ESG dan telah mengenakan lebih banyak pengawasan terhadap peraturan menyaksikan pergerakan ketara dalam ESG pada tahun 2022. Ini sudah tentunya mempunyai impak ke atas pengeluar global yang ingin mengeksport barang mereka ke destinasi yang mempunyai peraturan pematuhan ESG.

Kerajaan menyedari kepentingan mematuhi garis panduan ESG dengan memastikan komitmen ini dicerminkan dalam dasar pelaburan dan ekonomi negara (untuk maklumat lanjut, sila rujuk mukasurat 112 - Bab 5).

Di peringkat global, Organisasi Pembangunan Perindustrian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIDO) melaporkan bahawa pengeluaran perkilangan dunia bagi tahun 2022 terus berkembang secara positif pada kadar 3.6 peratus tahun ke tahun pada suku ketiga tahun 2022. Malaysia yang dikategorikan oleh UNIDO sebagai sebuah ekonomi berpendapatan sederhana menyaksikan pertumbuhan pengeluaran perkilangan yang memberangsangkan pada kadar 13.4 peratus tahun ke tahun dalam tempoh yang sama.


Prestasi cemerlang Malaysia sebahagiannya adalah berpunca daripada daya tahan dalam rantaian bekalan negara yang dapat diperkuatkan dengan memanfaatkan kelebihan rantaian bekalan domestik. Sektor perlindungan terus mengalami pemuliharan selepas pandemik yang disokong oleh ekosistem perindustrian yang teguh, peningkatan permintaan domestik dan langkah-langkah sekatan yang dipermudah.

Dasar Pelaburan Baharu (NIP) yang dilancarkan pada 6 Oktober 2022 membuktikan matlamat Kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi lestari dan mengukuhkan asas Malaysia dalam penerimaan prinsip ESG. Strategi yang digariskan dalam NIP memberi keutamaan dalam memupuk pelaburan berinovatif, berimpak tinggi dan berteknologi tinggi yang kondusif dalam mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi. Oleh itu, bakal pelabur digalakkan untuk membuat pelaburan bersasar selaras dengan hasrat NIP.

SOROTAN UTAMA SEKTOR PERKILANGAN TAHUN 2022

Prestasi Kukuh dan Stabil

Menjelang akhir tahun 2022, sektor perlindungan menyumbang sebanyak RM84.3 bilion atau 31.9% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM264.6 bilion. Pelaburan asing mendominasi sektor perlindungan dengan menyumbang sebanyak 78.3% daripada jumlah pelaburan dalam sektor perlindungan. Ini menunjukkan pemuliharan keyakinan pelabur dalam sektor perlindungan




Pecahan Suku Tahun (Angka Kumulatif)



Tahun ini bermula dengan kukuh untuk sektor perlindungan. Suku pertama tahun 2022 menyaksikan pelaburan masuk bernilai RM28.1 bilion melalui 185 projek dengan pelaburan langsung asing (FDI) menjadi penyumbang utama sebanyak **RM25 bilion** atau **89%** daripada jumlah pelaburan suku pertama dalam sektor ini

Walaupun pertumbuhan dalam sektor perlindungan menjadi perlana pada suku kedua tahun 2022 dengan pelaburan sebanyak RM15.6 bilion, namun sektor ini terus mendapat momentum pada suku ketiga dengan menarik pelaburan tambahan bernilai **RM21.1 bilion**

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Penyumbang Utama Projek Bernilai Tinggi Tahun 2022

Elektrik dan Elektronik (E&E)
106 Projek

Pengilangan Makanan
93 Projek

Produk Plastik
82 Projek

Produk Fabrikasi Logam
79 Projek

Jentera dan Kelengkapan (M&E)
72 Projek


KEKUHAN PELABURAN FDI

FDI terus menjadi tonggak kepada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan sejak beberapa tahun lalu. Ia menunjukkan kejayaan dalam polisi dan inisiatif pro-perniagaan Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan asing



PERSEKITARAN PELABURAN DOMESTIK

Walaupun FDI menyumbang sebahagian besar daripada pelaburan dalam sektor perkilangan pada tahun 2022, namun pelaburan langsung domestik (DDI) juga memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia



Sumber Pelaburan Domestik dalam Projek Perkilangan yang Diluluskan



INDUSTRI UTAMA

Malaysia merupakan hab perkilangan E&E global yang utama. Berdasarkan peningkatan pantas pendigitalan global sejak beberapa tahun lalu di samping industri yang telah mempertingkatkan pengeluaran sebagai tindak balas terhadap kekurangan dalam semikonduktor global, industri E&E sewajarnya telah menarik pelaburan tertinggi dalam sektor perkilangan di Malaysia

Dengan jumlah **RM29.3 billion**, E&E menyumbang sebanyak **34.8%** daripada jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan

Industri berprestasi tinggi lain adalah dalam bidang yang telah dikenal pasti di bawah NIP bagi transformasi pelaburan berdasarkan kelebihan perbandingan dalam persekitaran global semasa. Bidang ini termasuk E&E, kimia dan produk kimia, farmaseutikal dan aeroangkasa yang menyumbang sebanyak **43.7%** daripada jumlah pelaburan sektor perkilangan yang diluluskan.

Industri Peneraju Bagi Sektor Perkilangan Tahun 2022

Jentera dan Kelengkapan (M&E)
RM8.4 bil

Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)
RM5.9 bil

Peralatan Saintifik dan Pengukuran
RM4.7 bil

Pengilangan Makanan
RM3.5 bil

Kelengkapan Pengangkutan (tidak termasuk aeroangkasa)
RM7.9 bil

Produk Mineral Bukan Logam
RM5.8 bil

Produk Getah
RM3.6 bil

Kesemua 7 industri ini merangkumi **47.2%** daripada jumlah pelaburan yang diluluskan


Kimia dan Produk Kimia (tidak termasuk farmaseutikal)
RM7.1 bil

Aeroangkasa
RM146.8 juta

Farmaseutikal
RM266.8 juta

Sektor-sektor ini menunjukkan potensi pertumbuhan yang besar pada masa hadapan yang akan meningkatkan penyampaian NIP

PENINGKATAN PERMINTAAN TERHADAP BAKAT



Peluang Pekerjaan Yang Diwujudkan Untuk Rakyat Malaysia **63,942 (84%)**


- MTS **41.4%**
- **15.7%** menerima gaji melebihi **RM5,000**

5 Industri Teratas dengan Peluang Pekerjaan Terbanyak



Kesemua industri ini menyumbang sebanyak **64.1% (48,761 pekerjaan)** kepada keseluruhan peluang pekerjaan pada tahun 2022

PELABURAN MODAL SETIAP PEKERJA (CIPE) MELENGKAPI PROJEK BERKUALITI



Intensiti modal (seperti yang diukur oleh CIPE) bagi projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2022 adalah sebanyak **RM1,107,514** (2021: RM2,615,996)

PELABURAN NEGERI TERATAS

- Selangor, Johor dan Pulau Pinang kekal sebagai negeri yang menerima bilangan projek tertinggi yang diluluskan pada tahun 2022



3 negeri ini menyumbang sebanyak **70.7%** daripada kesemua projek yang diluluskan

- Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), enam negeri dikenal pasti sebagai Negeri Kurang Membangun (LDS) iaitu Kedah, wilayah autonomi Sabah dan Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Perlis



Selaras dengan teras pendekatan inklusif NIP, pelaburan sebanyak **RM23 bilion** telah diluluskan di LDS. Pelaburan ini akan menjana sebanyak **11,163** peluang pekerjaan

- Projek yang diluluskan di LDS terdiri daripada perkilangan berdasarkan sumber dan bukan berdasarkan sumber



Projek yang diluluskan berkaitan subsektor NIP merangkumi **48.3% (RM11.1 bil)** daripada pelaburan yang diluluskan dalam LDS



Pelaburan Keseluruhan Mengikut Negeri

Pelaburan tertinggi disumbangkan oleh **Johor (RM14.6 bil)**; diikuti **Pulau Pinang (RM13.7 bil)**; **Selangor (RM12.2 bil)**; **Kedah (RM12 bil)**; dan **Sabah (RM8.4 bil)**. 5 negeri ini menyumbang sebanyak 72.2% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2022

Negeri-negeri lain juga turut menyumbang kepada jumlah pelaburan keseluruhan bagi sektor perkilangan termasuk **Negeri Sembilan (RM7.1 bil)**, **Melaka (RM7.1 bil)**, **Perak (RM3.9 bil)**, **Pahang (RM2.5 bil)**, **Sarawak (RM1.3 bil)**, **Kelantan (RM992.5 juta)** dan **Terengganu (RM310 juta)**. Selain itu, Kuala Lumpur dan Labuan secara kolektif menerima pelaburan bernilai **RM142.7 juta**

PROJEK PERKILANGAN DILAKXSANAKAN

Projek Perkilangan yang Diluluskan (2018-2022)



RM540.7 bil

Jumlah Pelaburan Diluluskan



4,261

Bilangan Projek Diluluskan (801 projek pada tahun 2022)




368,787

Jumlah Peluang Pekerjaan

4,261 Projek Diluluskan (2018-2022)

RM412.4 bil



Industri-industri utama ini menyumbang sebanyak **82%** daripada jumlah nilai pelaburan projek yang dilaksanakan

E&E **RM208.7 bil**


Produk Petroleum (termasuk Petrokimia) **RM44.5 bil**

Produk Logam Asas **RM37.6 bil**

M&E **RM17.3 bil**

Kimia dan Produk Kimia **RM16.6 bil**


Produk Getah **RM13.5 bil**



2.2

BERSIAP SEDIA KE ARAH ESG

Pengilang di Malaysia bersedia untuk mematuhi peraturan ESG negara-negara maju dan bersedia untuk meningkatkan kedudukan dan daya saing mereka di peringkat global. Teknologi termaju terus membantu dalam pematuhan ESG yang dapat meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan produktiviti



Industri Elektrik dan Elektronik (E&E)


Industri E&E Malaysia merupakan tonggak sektor perkilangan yang telah menjadi teras utama ekonomi negara sejak 50 tahun yang lalu. Negara terus menjadi destinasi pilihan pelabur dengan ekosistem E&E yang holistik yang terdiri daripada syarikat multinasional (MNC) berteknologi tinggi utama yang telah mengembangkan keupayaan mereka serta pemain industri domestik yang berhasrat untuk membina kecekapan, sekali gus membolehkan operasi pengeluaran semikonduktor *front-end* dan *back-end* menjadi ciri utama dalam rantai nilai global.

Komponen E&E adalah penting untuk teknologi kini dan masa hadapan walaupun aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam teknologi semikonduktor telah menjadikan peranti elektronik lebih padat, pantas, lebih dipercayai dan mempunyai kapasiti simpanan yang besar. Syarikat-syarikat dalam industri E&E telah bekerjasama dengan universiti dan pusat latihan tempatan untuk mewujudkan lebih banyak program latihan dan pembelajaran bagi memenuhi permintaan industri yang mengalami kekurangan tenaga kerja mahir dalam pasaran.

Pada tahun 2022, produk E&E menyumbang sebanyak 38.2 peratus atau RM593.5 bilion kepada jumlah eksport barang pengilangan Malaysia bernilai RM1.6 trilion. Pertumbuhan industri E&E di Malaysia kekal positif walaupun terdapat kebimbangan mengenai inflasi, risiko kemelesetan ekonomi dan kesan sekatan (yang kini telah dilonggarkan) kawalan pergerakan COVID-19 di PRC. Walaupun terdapat kelonggaran, bekalan cip dan peralatan semikonduktor masih tidak mencukupi di seluruh dunia kerana permintaan untuk cip berkualiti tinggi yang digunakan dalam aplikasi teknologi baharu seperti kenderaan elektrik (EV), pemanduan autonomi, 5G dan *Internet of Things* (IoT) kekal tinggi.

Permintaan ini akan terus meningkat disebabkan oleh kebergantungan yang lebih besar terhadap pendigitalan dan pendigitalisasi di seluruh dunia. Hasil daripada ini, pemain global industri E&E dijangka akan terus meningkatkan kapasiti pengeluaran mereka termasuk di Malaysia. Kerajaan juga memberi fokus untuk mempercepat penggunaan dan adaptasi automasi kilang termaju serta pendigitalisasi dalam peralihan kemudahan perkilangan kepada ‘kilang pintar’.

SOROTAN INDUSTRI E&E TAHUN 2022



PROJEK PENTING E&E TAHUN 2022

Projek Pembesaran ── Inari Technology Sdn. Bhd.

Jumlah Pelaburan:
RM397 juta

4,133 peluang
pekerjaan tambahan

Syarikat Malaysia

Pembungkusan sistem 5G RF di Pulau Pinang serta R&D dan program kerjasama industri dengan institusi tempatan

Projek Pembesaran ── TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn. Bhd.

Jumlah Pelaburan:
RM1.2 bil

4,000 peluang
pekerjaan tambahan

Syarikat majoriti milik PRC

Pengujian dan pemasangan semikonduktor termaju di Pulau Pinang

Kelengkapan Pengangkutan

Industri kelengkapan pengangkutan Malaysia memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara dengan menyediakan pekerjaan kepada sebilangan besar mereka yang terlibat dalam pengeluaran kenderaan dan menerusi peranannya dalam rangkaian logistik negara. Pemain industri kelengkapan pengangkutan Malaysia berupaya menghasilkan kenderaan dan komponen untuk semua jenis pengangkutan.

Automotif

Subsektor automotif menggaji sekurang-kurangnya 710,000 pekerja dan menyumbang hampir RM30 bilion kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Malaysia merupakan lokasi menarik untuk pengeluar automotif global yang memanfaatkan kewujudan mereka dalam negara untuk memenuhi permintaan serantau yang memberangsangkan.


Pada tahun 2022, subsektor automotif Malaysia mengeluarkan sebanyak 702,275 kenderaan bermotor dengan peningkatan sebanyak 45.8 peratus berbanding tahun 2021 iaitu 481,651. Jumlah ini pula terbahagi kepada 650,190 kenderaan penumpang dan 52,085 kenderaan komersial. Sejumblah 720,658 kenderaan bermotor telah dijual, atau melebihi 41.6 peratus berbanding jumlah jualan pada tahun 2021 iaitu 508,911 unit yang terdiri daripada 641,773 kenderaan penumpang dan 78,885 kenderaan komersial.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM SUBSEKTOR AUTOMOTIF TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Pembesaran/Pelbagaiannya berbanding Projek Baharu



Peluang Pekerjaan



Pada tahun 2022, Malaysia telah menarik sebanyak **13** projek pelaburan yang berkaitan dengan pengilangan dan pemasangan EV serta komponennya dengan pelaburan bernilai **RM6.5 bil** dan mewujudkan **1,729** peluang pekerjaan

COVID-19 telah meninggalkan kesan yang ketara kepada industri automotif disebabkan oleh kekurangan mikrocip global. Teknologi seperti pemanduan autonomi, EV, infotainment dalam kenderaan dan fungsi bantuan pemandu yang lain telah meningkatkan kepentingan mikrocip untuk kenderaan. Elektronik automotif dijangka akan menyumbang hampir satu pertiga daripada jumlah kos kenderaan. Pengilang juga menggunakan mikrocip untuk membantu dalam mengawal dan meningkatkan penjimatan bahan api serta kawalan pelepasan.

PROJEK PENTING AUTOMOTIF TAHUN 2022

Projek Pembesaran

Samsung SDI Energy Malaysia Sdn. Bhd.

 Jumlah Pelaburan: RM6.2 bil

 1,303 peluang pekerjaan tambahan



Syarikat yang berpangkalan di Republik Korea



Pengilangan sel bateri EV – Fasa II

Oleh itu, industri ini telah mengalami penurunan dalam pengeluaran disebabkan oleh berlakunya kekurangan tersebut. Sebagai contoh, menurut Auto Forecast Solutions (AFS), kilang di Amerika Syarikat mengurangkan hampir 1.1 juta kenderaan daripada jadual pengeluaran pada tahun 2022 dan ini boleh meningkat kepada lebih daripada 3.8 juta menjelang akhir tahun. Keuntungan Zhejiang Geely Holding Group Co., Ltd juga telah berkurang lebih dari separuh pada suku pertama tahun ini.

Dalam memastikan pengeluaran semikonduktor yang lestari, MIDA menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam subsektor berasaskan automotif terutamanya bagi projek yang mempunyai rangkaian kukuh dengan industri E&E. MIDA mengalu-alukan pelabur dan pihak berkepentingan yang berminat untuk melibatkan diri dalam industri di Malaysia dan bekerjasama melalui pelbagai fasiliti yang ditawarkan oleh Kerajaan.

Kerajaan di seluruh dunia terutamanya di negara maju telah menerima pakai 'agenda hijau'. Sehubungan ini, komitmen Malaysia untuk memacu kelestarian dan inklusiviti telah digariskan di dalam RMKe-12 di mana subsektor automotif perlu memainkan peranan penting. Selaras dengan matlamat Malaysia untuk mencapai pelepasan gas rumah hijau (GHG) sifar bersih menjelang tahun 2050 di bawah Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC), Dasar Automotif Negara (NAP) 2020 menekankan tentang keperluan terhadap penggunaan Kenderaan Cekap Tenaga (EEV) termasuk EV dan menggariskan inisiatif khusus untuk mengukuhkan ekosistem EEV dan EV (secara kolektif xEV), memacu pemindahan teknologi dan membangunkan kepakaran teknikal industri automotif tempatan.

Oleh itu, bakal pelabur digalakkan untuk melabur dalam ekosistem xEV di Malaysia yang dijangka akan menjadi bidang pertumbuhan dalam beberapa tahun akan datang. Sebagai hab pengilangan E&E utama di Asia Tenggara, Malaysia boleh menerajui dalam pengeluaran alat ganti dan komponen E&E bernilai tinggi untuk EV dan juga menyokong pengilangan dan pemasangan EV dan kenderaan autonomi (AV). Pada masa ini, Malaysia adalah pengeluar bahan berkaitan dengan pengilangan bateri EV. Negara mempunyai syarikat tempatan yang berwibawa yang dilengkapi dengan barisan automasi kilang untuk pengeluaran sel bateri dan paket bateri serta ekosistem E&E yang komprehensif terutamanya untuk aktiviti pengilangan semikonduktor hujung ke hujung.

Kerajaan mempunyai pelbagai polisi sedia ada untuk menggalakkan perkembangan pengilangan xEV dan juga penggunaan xEV di dalam negara. Sebagai contoh, di bawah Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon (LCMB) 2021-2030 yang diperkenalkan oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (KASA), pengeluaran xEV disasarkan sekurang-kurangnya 15 peratus daripada jumlah volum industri (TIV) menjelang tahun 2030 dan sehingga 38 peratus daripada TIV menjelang tahun 2040 seperti yang digariskan dalam Dasar Tenaga Negara 2022-2040.

Satu lagi inisiatif yang diterajui oleh MITI adalah Pasukan Petugas Kenderaan Elektrik Kebangsaan (NEVTF) yang dianggotai oleh ahli dari pelbagai

kementerian, agensi termasuk MIDA dan wakil industri. NEVTF bertujuan untuk menerajui pembangunan EV secara holistik bagi menggalakkan pengeluar EV untuk menjadikan Malaysia sebagai hab serantau mereka dan mendorong pengguna tempatan menggunakan EV.

Beberapa insentif telah diperkenalkan sejak Belanjawan 2022 untuk menyokong pengilang EV dan menggalakkan pemilikan EV. Antaranya adalah pengecualian penuh ke atas duti import, duti eksais dan cukai jualan untuk pemasangan EV tempatan sehingga 31 Disember 2025 serta pengecualian penuh ke atas duti import dan duti eksais bagi EV yang diimport sehingga 31 Disember 2023. Insentif lain termasuk pengecualian cukai jalan sehingga 100 peratus ke atas EV di samping pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 bagi pembelian, pemasangan, sewaan, sewa beli dan yuran langganan untuk kemudahan pengecasan EV. Insentif cukai khas juga disediakan untuk pembangunan komponen kritikal EV.

Pembinaan dan Pembaikan Kapal (SBSR)

Industri SBSR di Malaysia adalah penting bagi pembangunan sektor maritim yang melengkapi industri minyak dan gas. Limbungan kapal Malaysia boleh membina pelbagai jenis kapal bersaiz kecil hingga sederhana dan berkeupayaan untuk membaiki kapal yang melebihi 600 tan.

Syarikat petroleum nasional Malaysia, PETRONAS menjalankan operasi pengeluaran dan projek penggerudian di seluruh perairan Malaysia bagi menyokong permintaan yang kukuh untuk kapal marin dan prospek yang stabil terhadap industri. Tinjauan Aktiviti PETRONAS 2020-2022 menyatakan permintaan bagi hampir 150 kapal dalam semua kategori berat untuk menyokong operasi pengeluaran, terutamanya bagi pengeluaran kapal luar pesisir (OSV) yang baharu dibina dan sebagai pengganti OSV yang usang.

Tahun 2022 menyaksikan limbungan kapal Malaysia terjejas disebabkan oleh gangguan bekalan global akibat pandemik COVID-19 dan konflik Rusia-Ukraine. Bahan dan komponen yang dahulunya mudah diperolehi secara terus dari kaunter kini memerlukan jangka masa yang lama untuk diperolehi. Tambahan pula terdapat cabaran seperti kekurangan kakitangan yang berkelayakan disebabkan oleh

generasi tenaga kerja yang berusia dan telah bersara manakala penggantian bakat adalah terhad.

Bakal pelabur kini berpeluang mendapatkan insentif cukai untuk industri SBSR yang kini telah dilanjutkan selama lima tahun sehingga 31 Disember 2027. Tempoh lanjutan ini bertujuan untuk terus menyokong dan meningkatkan daya saing industri maritim Malaysia serta merangsang pertumbuhan industri dari segi kapasiti dan keupayaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab SBSR terulung di Asia.

Peralihan industri perkapalan kepada rendah karbon pada masa hadapan akan membuka peluang kepada kapal teknologi enjin berkuasa Gas Asli Cecair (LNG). Permintaan untuk kapal berkuasa LNG meningkat apabila syarikat perkapalan global beralih kepada teknologi tersebut. Teknologi baharu ini memberi peluang baik kepada limbungan kapal Malaysia yang bersedia untuk memanfaatkan pasaran.

OSV hijau pertama yang dibina di Malaysia adalah hasil perkongsian strategik di antara tiga limbungan kapal Malaysia (Shin Yang Sdn. Bhd., Muhibbah Marine Engineering Sdn. Bhd. dan Gred Satu Marine Shipyard Sdn. Bhd.) dan pereka kapal yang berpangkalan di Singapura. Inisiatif ini adalah selaras dengan matlamat negara untuk mencapai pelepasan karbon sifar-bersih menjelang tahun 2050 dan mengintegrasikan garis panduan ESG ke dalam industri SBSR.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI SBSR TAHUN 2022

5 Projek Diluluskan
Jumlah RM363 juta

↑ **451.7%** lebih tinggi
(2021:RM65.8 juta)



Kesemua projek ini adalah daripada syarikat milik penuh Malaysia

Peluang Pekerjaan

183 Jumlah Peluang Pekerjaan

Aeroangkasa

RMKe-12 mengiktiraf subsektor aeroangkasa sebagai salah satu bidang pertumbuhan baharu yang dijangka akan mempercepatkan transformasi Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2025. Walaupun dengan landskap ekonomi mencabar dalam dua tahun yang lalu, subsektor aeroangkasa negara kekal berdaya saing dan berdaya tahan. Syarikat Malaysia memperoleh tawaran perniagaan bernilai RM572.6 juta di Pameran Penerbangan Antarabangsa Farnborough 2022.

MIDA terus mempromosikan pelaburan dalam aeroangkasa melalui penyertaan dalam pameran domestik dan antarabangsa sepanjang tahun 2022 dengan kerjasama NAICO Malaysia dan MATRADE. Ini termasuk Sidang Kemuncak Aeroangkasa Malaysia 2022, Pertunjukan Udara Singapura 2022, MRO Asia Pasifik 2022 dan Pertunjukan Udara Farnborough 2022. MIDA juga telah menganjurkan persidangan rantaian bekalan untuk Spirit Aerosystems Malaysia Sdn. Bhd., pembekal aeroangkasa Tahap 1 yang berpangkalan di Amerika Syarikat yang berperanan sebagai platform bagi syarikat-syarikat tempatan untuk terlibat dalam rantaian bekalan globalnya.

Kerajaan akan terus memberi fasilitasi dalam pertumbuhan industri aeroangkasa dan pematuhan terhadap ESG. Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) menggalakkan teknologi termaju dan pelaburan bernilai tinggi yang mematuhi ESG dan adalah penting bagi menggiatkan semula iklim pelaburan Malaysia.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI AEROANGKASA TAHUN 2022

2 Projek Diluluskan

Jumlah **RM146.8 juta**



Kesemua projek adalah daripada syarikat milik penuh Malaysia

Peluang Pekerjaan



42 Jumlah Peluang Pekerjaan

Hasil daripada permintaan yang kukuh terhadap perjalanan merentasi kebanyakan pasaran utama dan wilayah serta jumlah trafik kargo global yang dinamik, subsektor aeroangkasa telah mendapat manfaat daripada pemulihan pasaran pesawat komersial global selepas dua tahun mengalami gangguan yang julung kali berlaku dalam industri penerbangan sebelum ini. Pemulihan berterusan ini dijangka akan mencapai tahap sebelum pandemik menjelang tahun 2023 diikuti dengan pemulihan sepenuhnya pada tahun 2024 walaupun kenaikan harga minyak yang memberi tekanan mengurangkan keuntungan.

Pemain industri aeroangkasa kini sedang berusaha untuk menangani isu tempahan pesawat yang banyak tertunggak dan sedang berusaha sebaik mungkin untuk memenuhi permintaan pengilang kelengkapan asal (OEM) serta syarikat penerbangan bagi meminimumkan kesan selepas pandemik seperti masalah kekangan kewangan dan kekurangan tenaga kerja.

Melangkah ke hadapan, menurut Airbus *Global Market Forecast 2022*, dalam tempoh 20 tahun akan datang akan terdapat keperluan untuk 31,620 pesawat laluan tunggal dan 7,870 pesawat penumpang dan pengangkut barang badan lebar. Permintaan untuk pesawat baharu ini akan beralih secara progresif daripada pertumbuhan kumpulan pesawat kepada penggantian dipercepatkan bagi pesawat lama yang kurang cekap dalam penggunaan bahan api. Menjelang akhir tahun 2040, sebahagian besar pesawat komersial yang beroperasi adalah merupakan pesawat yang lebih baharu. Ini merupakan petanda baik kepada syarikat aeroangkasa Malaysia dalam segmen aerostruktur, pengilangan enjin, dan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) yang akan memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan lagi penembusan pasaran mereka.

Memandangkan pertimbangan mengenai ESG telah menjadi semakin penting dan dalam keadaan kekurangan tenaga kerja, pengilang aeroangkasa dan pemain MRO telah diperlukan untuk melabur dalam kemahiran baharu dan juga teknologi inovatif. Penyedia perkhidmatan MRO juga telah memperluaskan jangkauan geografi mereka untuk menjadi penyedia perkhidmatan sepenuhnya di peringkat serantau dan global.

Teknologi yang berkaitan dengan Industri 4.0 seperti pendigitalisasi, penyelenggaraan ramalan, pengilangan aditif (AM) atau percetakan 3D, pengurusan inventori yang disokong oleh kecerdasan buatan (AI), penggunaan sistem robotik dan visi komputer akan membantu pemain industri meningkatkan kecekapan, menambah baik kualiti produk dan perkhidmatan mereka.


Produk Logam Asas

PRODUK LOGAM ASAS

Industri produk logam asas Malaysia adalah sumber utama bagi input dan bahan mentah untuk pelbagai industri perkilangan lain termasuk M&E, kelengkapan pengangkutan, peranti perubatan, tenaga, peranti komunikasi dan peralatan saintifik



Industri ini merangkumi subsektor produk logam bukan ferus termasuk pengeluaran logam dan aloi yang tidak mengandungi besi seperti aluminium, tembaga dan plumbum serta logam bukan ferus lain yang unik atau berharga termasuk emas, perak dan litium. Beberapa logam bukan ferus ini digunakan dalam industri berkualiti tinggi dan pasaran khusus; contohnya, tembaga dalam peranti elektrik, aluminium dalam aplikasi struktur dan zirkonium sebagai bahan refraktori



Subsektor produk logam ferus (juga dikenali sebagai besi dan keluli) adalah tertubuh dengan baik dan matang dengan produk yang digunakan terutamanya dalam infrastruktur, pembinaan dan perkilangan


Pada tahun 2021, permintaan keluli global yang sebelum ini berkembang dengan pesat, berada pada 1.85 bilion tan yang mana adalah lebih rendah daripada unjuran awal World Steel Association untuk tahun 2021 iaitu 1.89 bilion tan yang dicatatkan pada tahun 2018. Walaupun terdapat pengurangan permintaan keluli sebanyak 10.6 peratus pada tahun

2020 berbanding tahun sebelumnya (daripada 80.3 juta tan metrik (MT) kepada 72.0 juta MT), Asia Tenggara kekal sebagai salah satu daripada rantau yang menggunakan keluli terbesar di dunia.


Menurut World Steel Association, permintaan keluli global dijangka menurun sebanyak 2.3 peratus pada tahun 2022 untuk mencapai 1.8 bilion tan selepas meningkat sebanyak 2.8 peratus pada tahun 2021 dan dijangka akan meningkat sebanyak satu peratus pada tahun 2023 kepada 1.81 bilion tan. Ia adalah lebih rendah daripada unjuran sebelumnya yang mungkin disebabkan oleh inflasi yang tinggi secara berterusan dan kenaikan kadar faedah di seluruh dunia. Faktor lain yang membawa kepada tahun 2022 yang mencabar adalah termasuk polisi monetari yang diperketatkan dan kelembapan ekonomi PRC. Namun begitu, permintaan infrastruktur dijangka akan meningkatkan permintaan keluli pada tahun 2023.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PRODUK LOGAM ASAS TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Pembesaran/Pelbagaiannya berbanding Projek Baharu



Peluang Pekerjaan



Bagi memastikan kelestarian dan daya tahan subsektor produk logam ferus Malaysia, pindaan polisi oleh Kerajaan bertujuan untuk melengkapkan rantaian bekalan domestik dan mengisi jurang ekosistem terutamanya bagi produk yang digunakan

bagi keluaran berkualiti tinggi dan termaju seperti keluli tahan karat dan keluli aloi. Bagi mencapai matlamat ini, polisi tersebut menekankan kepentingan produk keluli rata dan menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam bidang ini. Dengan mengambil kira kapasiti terpasang produk keluli sedia ada (atau ‘produk seumpamanya’) di Malaysia, polisi semasa menghadkan pelaksanaan projek seperti ini. Kerajaan juga telah menyiapkan kajian pandangan jauh mengenai subsektor ini pada tahun 2022 di mana hasil kajian tersebut akan digunakan untuk memaklumkan tentang keputusan yang dibuat oleh pihak Kerajaan dalam masa yang terdekat.

Permintaan untuk produk logam bukan ferus sebahagian besarnya akan dipacu oleh inisiatif Kerajaan untuk membangunkan ekosistem EV tempatan. Sebagai contoh, tembaga kerap digunakan dalam pengeluaran bateri EV. Aluminium juga memainkan peranan penting kerana ciri-cirinya yang mempunyai kekuatan tinggi dan ringan yang menjadikannya sesuai untuk digunakan dalam pengeluaran casis kenderaan. Dengan mengambil kira pasaran domestik yang secara relatifnya adalah kecil dan persaingan daripada pemain industri sedia ada yang utama di rantau ASEAN seperti Vietnam, Thailand, dan Indonesia, bakal pelabur diberi jaminan bahawa Kerajaan Malaysia akan terus membangunkan subsektor logam bukan ferus.

PROJEK PENTING DALAM PRODUK LOGAM ASAS TAHUN 2022

Projek Baharu

Indium Corporation (Malaysia) Sdn. Bhd.



Jumlah Pelaburan
RM344 juta



88 Peluang
Pekerjaan Baharu



Syarikat yang berpangkalan di Amerika Syarikat



Pengeluaran bahan pematerian termaju yang digunakan dalam E&E untuk pemasangan elektronik bagi produk M&E, automotif, pertahanan, peranti mudah alih, peranti perubatan, modul kuasa dan bidang pengurusan haba.

Akan membantu dalam membangunkan rantai bekalan tempatan untuk bahan sampingan, alatan dan acuan, *makers*, *integrator* automasi dan bekalan pembungkusan

Memandangkan 1.9 tan CO₂ dihasilkan bagi setiap tan keluli mentah, subsektor produk logam ferus Malaysia dianggarkan telah menghasilkan sebanyak 12.5 juta tan CO₂ atau 4.5 peratus daripada jumlah pelepasan CO₂ negara pada tahun 2020 (anggaran 272.6 juta tan).

Untuk mencapai karbon neutraliti menjelang tahun 2050, pemain industri sedang mencari kaedah terbaik untuk mengubah dan menambah baik proses serta kemudahan pengilangan sedia ada. Teknologi lestari khusus yang kini diterokai termasuk teknologi pengilangan besi baharu yang menggunakan hidrogen dan elektrik sebagai agen pengurangan utama. Ini adalah berbeza dengan proses pembuatan keluli relau ledakan konvensional yang menggunakan arang batu dan bijih besi atau teknologi relau hibrid yang menggantikan penggunaan arang batu dengan hidrogen. Ia memerlukan ketersediaan bekalan ‘hidrogen hijau’ berdaya komersial yang konsisten dan stabil serta sumber tenaga elektrik yang mempunyai pelepasan rendah.

Dari segi logam bukan ferus, kuprum tembaga, nikel, aluminium, litium dan elemen nadir bumi telah dikenal pasti sebagai ‘Komoditi Masa Hadapan’ dan permintaan terhadap produk-produk ini dijangka akan berkembang pesat dalam tempoh dua dekad akan datang. Terdapat peluang yang besar dalam pengeluaran ‘logam hijau’ dan bakal pelabur boleh meneroka pelbagai peluang dalam industri ini.


Bakal pelabur juga perlu dimaklumkan tentang mandat di mana semua syarikat yang tersenarai dalam pasaran Utama dan ACE Bursa Malaysia perlu menyediakan laporan atau penyata tinjauan kelestarian tahunan. Antara pemain industri yang telah mengguna pakai prinsip ESG dan telah memulakan transformasi lestari mereka adalah Press Metal Aluminium Holdings Bhd., Ann Joo Resources Bhd., Southern Steel Bhd., dan Malaysia Steel Works (KL) Bhd. (Masteel).



Dari segi logam bukan ferus, kuprum tembaga, nikel, aluminium, litium dan elemen nadir bumi telah dikenal pasti sebagai ‘Komoditi Masa Hadapan’ dan permintaan terhadap produk-produk ini dijangka akan berkembang pesat dalam tempoh dua dekad akan datang.

Jentera dan Kelengkapan (M&E)

KLASIFIKASI STANDARD PERDAGANGAN ANTARABANGSA: JENTERA DAN KELENGKAPAN



M&E berteknologi tinggi adalah penting kepada pelbagai industri perkilangan seperti E&E, automotif, aeroangkasa, perubatan, minyak dan gas (O&G) dan pengilangan makanan. Dalam masa industri-industri ini berkembang disebabkan oleh aliran FDI dan DDI yang berterusan, industri M&E juga turut berkembang.

Industri M&E Malaysia adalah antara yang terbesar dan paling kukuh di ASEAN. Industri ini mampu membekalkan kepada kesemua saiz pengilang domestik dan antarabangsa dengan produk khusus, pengilangan hujung ke hujung serta perkhidmatan penyelesaian menyeluruh daripada reka bentuk hingga logistik. Lebih daripada 85 peratus syarikat yang terlibat dalam M&E adalah merupakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Terdapat kira-kira 120 syarikat utama di Malaysia yang mampu menghasilkan sistem pengendalian termaju automatik sepenuhnya yang menggabungkan robot pintar termasuk komunikasi mesin ke mesin (M2M). Industri ini adalah industri yang berteknologi tinggi dan moden yang menggaji tenaga kerja berkemahiran tinggi dan bergaji tinggi. Secara purata, lebih 70 peratus daripada mereka yang

bekerja dalam industri ini adalah dalam jawatan pengurusan, penyeliaan atau teknikal.

Pembekal Penyelesaian Sepenuhnya

- | | | |
|--------------------|--------------------|--------------------|
| Internet of Things | Big Data Analytics | Perkomputeran Awan |
| Robotik | Pengilangan Aditif | Simulasi |

Pemain industri M&E Malaysia mengeksport kebanyakan produk mereka ke negara ASEAN seperti Singapura, Indonesia dan Thailand serta Amerika Syarikat dan PRC. Produk yang biasanya dieksport termasuk pam, loji elektrik berputar dan alat ganti, mesin semikonduktor dan peralatan mekanikal. Terdapat peluang untuk bakal pelabur memperluas destinasi eksport Malaysia ke pasaran M&E utama peringkat global serta meneroka hubungan perdagangan dengan negara lain.

Di peringkat global, industri M&E dijangka bernilai RM19.8 trilion pada tahun 2023 dengan pertumbuhan yang dijangka pada kadar 6.4 peratus setahun dari 2023-2027. Pertumbuhan terbesar dalam jualan M&E diunjurkan adalah daripada rantau Asia Pasifik (APAC) yang didorong oleh peningkatan permintaan daripada negara ASEAN dan PRC. Faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan industri termasuk keperluan kualiti yang lebih tinggi dan kos buruh, keperluan keselamatan yang semakin ketat dan pasaran baru muncul terhadap jentera berprestasi pertengahan. Di Malaysia, industri ini dijangka akan mengatasi pertumbuhan global pada kadar 10.1 peratus setahun dari tahun 2023-2027.

Bakal pelabur dalam industri M&E digalakkan untuk meneroka peluang dalam bidang pengilangan semikonduktor M&E serta pengeluaran bateri EV M&E.

Mengikut laporan *Worldwide Semiconductor Equipment Market Statistics*, jualan kelengkapan semikonduktor global telah meningkat sebanyak lima peratus dari tahun ke tahun kepada US\$24.7 bilion pada suku pertama tahun 2022. Pertumbuhan

tahunan aggregat industri ini boleh mencapai purata enam hingga lapan peratus setahun sehingga tahun 2030. Malaysia mempunyai keupayaan yang tinggi dalam pengilangan semikonduktor M&E *back-end* khusus di mana syarikat tempatan menyediakan reka bentuk, pengaturcaraan perisian, pemeriksaan visi serta penyelesaian automasi mengikut piawaian kualiti antarabangsa.

Walau bagaimanapun, syarikat tempatan masih bergantung kepada komponen termaju dan alat ganti yang diimport. Oleh itu, terdapat banyak peluang dalam pengilangan semikonduktor M&E *front-end* untuk dibekalkan kepada OEM utama di rantau ini.

Pasaran untuk bateri EV dijangka berkembang pesat dengan permintaan global meningkat pada kadar pertumbuhan 30 peratus dari tahun ke tahun dan dijangka mencapai 3,900 gigawatt-jam (GWh) pada tahun tahun 2030. Permintaan terhadap sel bateri akan kekal tertinggi di PRC diikuti oleh Eropah dan Amerika Syarikat. Sebagai tindak balas, sebanyak 60 kilang giga baharu dengan kapasiti pengeluaran purata 25 GWh sedang dirancang untuk pembinaan di seluruh dunia menjelang tahun 2030. Sesetengah kilang giga berkemungkinan melakukan pembesaran di mana dalam sesetengah kes ianya akan

mencecah sehingga 100 GWh. Pembinaan kilang giga adalah kompleks dan memerlukan integrasi pelbagai jenis infrastruktur seperti penggunaan jenis mesin yang berbeza.

Oleh itu, pengilang M&E Malaysia yang utama bagi EV (paket bateri & sel bateri, mesin pemasangan) seperti Greatech Technology Berhad dan Genetec Technology Berhad, mempunyai ruang pertumbuhan yang besar dalam sektor ini.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI JENTERA DAN KELENGKAPAN (M&E) TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing



PROJEK PENTING DALAM JENTERA DAN KELENGKAPAN (M&E) TAHUN 2022

Projek Baharu ■ **Ferrotec Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd.**

Jumlah pelaburan:
RM766 juta

821 peluang
pekerjaan baharu

Syarikat milik asing
(Jepun, Amerika Syarikat, PRC)

Pengeluaran modul, alat ganti mesin dan komponen untuk industri semikonduktor M&E

Projek Baharu ■ **VAT Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd.**

Jumlah pelaburan:
RM384 juta

500 peluang
pekerjaan baharu

Syarikat Switzerland

Pengeluaran injap vakum, ruangan bagi kelengkapan proses vakum, modul dan komponen berkaitan, dan pengubahsuaian ruangan bagi kelengkapan proses vakum

Projek Pembesaran ■ **Cohu Malaysia Sdn. Bhd.**

Jumlah pelaburan:
RM379.3 juta

56 peluang
pekerjaan tambahan

Syarikat milik asing
(Amerika Syarikat & Switzerland)

Pengeluaran kelengkapan industri automatik dan komponen berkaitan

SOLUSI DALAM PERKILANGAN TERMAJU

1 Penyumberan Rantaian Bekalan dan Logistik	2 Ekonomi Kitaran	3 Tenaga dan Pelepasan Sifar-Bersih	4 Operasi dan Penyelenggaraan	5 Pemerkasaan Tenaga Kerja
 <p>Mengoptimumkan landskap pembekalan dan sistem logistik untuk meningkatkan daya tahan berasaskan ketelusan dan boleh dijejaki yang membolehkan syarikat untuk mengesan dan melaporkan metrik ESG dengan tepat.</p> <p>Contoh Penggunaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Ekosistem Simulasi Berkembang Kelestarian Digital ▪ Pengoptimuman Logistik ▪ Risiko iklim fizikal ▪ Pengurusan Rantaian bekalan ▪ Penghantaran Tepat Masa ▪ Pengurusan inventori ▪ Ketelusan dan Boleh dijejaki ▪ Pengurusan Risiko 	 <p>Membantu memajukan inovasi dalam reka bentuk produk dan perkhidmatan untuk mempercepatkan masa ke pasaran, ketersediaan, pengurusan portfolio yang lestari dan pengilangan semula, pembaikan serta penyelesaian kitaran rendah karbon.</p> <p>Contoh Penggunaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jejak Karbon Produk ▪ Analisis Kitar Hayat ▪ Reka bentuk proses baharu ▪ Pentaluhan mesin maya 	 <p>Meningkatkan penggunaan sistem tenaga yang cekap dan rendah karbon yang didayakan oleh penyelesaian baharu bagi mengurangkan kos, mengesan pelepasan dan mempercepatkan peralihan ke arah sifar-bersih untuk skop 1 dan 2.</p> <p>Contoh Penggunaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelaporan perakaunan karbon ▪ Grid mikro dengan penyimpanan tenaga ▪ Perjanjian pembelian tenaga ▪ Pengurusan tenaga industri ▪ Pengurusan air pintar ▪ Pemacu frekuensi boleh ubah untuk kecekapan tenaga ▪ Pemantauan pelepasan berterusan 	 <p>Sistem dan kelengkapan visualisasi termaju dan kawalan yang disambungkan adalah untuk meningkatkan kecekapan, meningkatkan kualiti dan produktiviti melalui proses keputusan yang lebih baik sambil mengesan kemajuan ke arah matlamat ESG.</p> <p>Contoh Penggunaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemantauan dan visualisasi prestasi set masa nyata ▪ Pengesan kualiti ▪ Pengoptimuman proses ▪ Keberkesanan kelengkapan secara keseluruhan ▪ Penyelenggaraan ramalan ▪ Pemantauan jarak jauh ▪ Operasi tanpa kertas 	 <p>Memperkasakan pekerja melalui teknologi, alat dan penyelesaian baharu untuk memupuk ekosistem perkilangan yang produktif dan inklusif sambil meningkatkan penglibatan dan pengekalan pekerja.</p> <p>Contoh Penggunaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Latihan Operator ▪ Analisis Proses Kerja ▪ Latihan Secara Maya ▪ Bantuan Arahan Kerja ▪ Pematuhan Keselamatan ▪ Amaran/Pengesanan Bahaya ▪ Penutupan Kecemasan ▪ Pemeriksaan AR untuk debugging ▪ Mitigasi risiko ergonomik ▪ Pembelajaran visual yang imersif

Sumber: Forum Economi Dunia

Untuk mematuhi keperluan ESG sepenuhnya, syarikat perlu meneliti keseluruhan rantaian nilai mereka termasuk R&D, reka bentuk dan pembangunan (D&D), proses pengilangan dan rantaian bekalan. Pemain industri M&E dapat menyumbang kepada inisiatif ESG dengan menghasilkan produk yang mematuhi ESG serta produk yang dapat membantu memastikan pematuhan ESG.

Khususnya dengan merintis teknologi dan penyelesaian dalam pengilangan termaju, ianya akan membuka peluang baharu kepada industri untuk mengukur dan melaporkan program ESG dengan tepat dan konsisten. Malah keuntungan dan kelestarian juga dapat disokong dalam bidang seperti inovasi dan kitaran hayat produk, pemerkasaan tenaga kerja, penyumberan rantaian bekalan dan logistik, tenaga dan pelepasan sifar-bersih serta operasi dan penyelenggaraan.

Syarikat M&E Malaysia termasuk Vitrox Corporation Berhad, Greatech Technology Berhad, Favelle Favco Berhad dan UWC Berhad telah menerima pakai agenda ESG. Ia dijangka akan mewujudkan nilai pertumbuhan untuk jenama syarikat mereka dan menyediakan akses pasaran serta kewangan yang lebih baik terutamanya di negara-negara maju.

Produk Fabrikasi Logam

Industri produk fabrikasi logam memainkan peranan penting dalam menyokong sektor perkilangan dan perkhidmatan terutamanya melalui subsektor sokongan kejuruteraan (ESI). Industri ini merupakan daya gerak utama bagi pertumbuhan M&E dan industri perkilangan lain.

Dengan piawaian perkilangan yang diiktiraf dunia, pemain industri produk fabrikasi logam di Malaysia memiliki kepakaran dan pengalaman untuk membekalkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi, mempunyai harga yang kompetitif di pasaran global dan boleh dihantar tepat pada masanya di mana-mana sahaja di seluruh dunia.

Pemain industri yang melebihi 1,000 di Malaysia termasuk penyedia penyelesaian bersepada/menyeluruh berada pada kedudukan yang baik untuk membekalkan produk berjumlah rendah, campuran tinggi serta pelbagai komponen dan modul bagi memenuhi keperluan penyumberan luar dan perolehan industri berteknologi tinggi.

Sebahagian besar syarikat dalam industri fabrikasi logam Malaysia kini menjadi 'pusat sehenti' yang menawarkan perkhidmatan bersepada yang terdiri daripada konsep produk kepada pengeluaran bersiri

dan menguruskan keseluruhan aliran proses untuk meliputi skop yang lebih luas termasuk perolehan, logistik, pembungkusan, pengujian dan pensijilan. Untuk mencapai matlamat ini, syarikat telah menambah baik kemudahan mereka dan memperoleh teknologi yang diperlukan untuk memenuhi keperluan ketat OEM bagi alat ganti, komponen dan perkhidmatan kejuruteraan tepat.


Hala tuju industri ini pada masa hadapan terletak kepada memperkuatkkan perkhidmatan dan mempertingkatkan keupayaan serta kualiti pengeluaran untuk menyediakan penyelesaian menyeluruh. Bakal pelabur perlu maklum bahawa industri ini sedang membuat persediaan untuk memperolehi pensijilan antarabangsa bagi pembekalan alat ganti dan komponen untuk sektor O&G, aeroangkasa, perubatan dan solar/fotovoltaik.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PRODUK FABRIKASI LOGAM TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing

79 Projek Diluluskan

Jumlah **RM1.7 bil**



Tekstil dan Produk Tekstil


Saiz pasaran tekstil global bernilai US\$993.6 bilion pada tahun 2021 dan dijangka berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) sebanyak empat peratus dari tahun 2022 hingga tahun 2030.

Kelembapan dalam industri ini sebahagiannya adalah disebabkan oleh konflik Rusia-Ukraine yang mengganggu pemulihan ekonomi global daripada wabak COVID-19 sekurang-kurangnya dalam jangka masa pendek. Ini adalah berpunca daripada sekat ekonomi ke atas beberapa negara, kenaikan mendadak dalam harga komoditi dan gangguan rantaian bekalan yang menjadikan banyak pasaran di seluruh dunia.

Berikutnya kejatuhan teruk dalam jualan yang disebabkan oleh pandemik, industri tekstil dan produk tekstil Malaysia kini telah pulih apabila pengilang telah menstruktur semula saluran penyumberan dan pengedaran mereka dan berusaha ke arah penyelesaian digital. Hasil pendapatan bagi pasaran pakaian Malaysia dijangka akan mencapai US\$5.2 bilion pada tahun 2023 dan industri ini dijangka berkembang pada kadar melebihi empat peratus dalam beberapa tahun akan datang sehingga tahun 2027.

Industri tekstil dan produk tekstil Malaysia sangat berdaya saing di mana pengilang tempatan mampu mengeluarkan pelbagai jenis tekstil dan produk tekstil berkualiti tinggi.


PRODUK FABRIKASI LOGAM



“

Industri tekstil dan produk tekstil Malaysia sangat berdaya saing di mana pengilang tempatan mampu mengeluarkan pelbagai jenis tekstil dan produk tekstil berkualiti tinggi.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI TEKSTIL DAN PAKAIAN TAHUN 2022



PROJEK PENTING TEKSTIL DAN PRODUK TEKSTIL TAHUN 2022

Projek Pembesaran	Ramatex Textiles Industrial Sdn. Bhd.
Jumlah pelaburan: RM245.5 juta	325 peluang pekerjaan tambahan
	Syarikat Malaysia
Pengeluaran tape kapas, benang dan tape poliester	
Projek Baharu	TS Continental Impex Sdn. Bhd.
Jumlah Pelaburan: RM51.9 juta	45 peluang pekerjaan baharu
	Syarikat majoriti milik Malaysia
Pengeluaran tekstil perindustrian dan fabrik sintetik	

INISIATIF ESG GLOBAL YANG DILAKSANAKAN OLEH INDUSTRI TEKSTIL DAN PRODUK TEKSTIL

	Kempen DeTox My Fashion	Tahun: 2011
Tujuan:	Mengkehendaki syarikat fesyen menghentikan pencemaran laluan air dengan bahan kimia berbahaya daripada pengeluaran pakaian	
Hasil:	80 syarikat telah berikrar untuk menyingkirkan secara berfasa bahan kimia ini daripada pengeluaran mereka menjelang tahun 2020	
	Pelepasan Sifar Bahan Kimia Berbahaya (ZDHC)	Tahun: 2011
Tujuan:	Menghapuskan bahan kimia berbahaya daripada rantai bekalan global industri fesyen menjelang tahun 2020 dengan membina asas untuk meningkatkan lagi perkilangan lestari	
Hasil:	Penglibatan sebanyak 30 jenama termasuk Nike, Adidas, H&M, Ralph Lauren, Converse, Calvin Klein, Lacoste, Nautica dan Macy's	
Setakat November 2019, sebanyak 98% fasiliti yang mengikuti garis panduan dan penyelesaian ZDHC telah memenuhi keperluan ZDHC tersebut		

SYARIKAT MALAYSIA DENGAN INISIATIF ESG



Kloth Cares

- Kempen kitar semula fabrik untuk mengelakkan pakaian lama daripada terus dibuang di tapak pelupusan sampah
- Mengedarkan pakaian yang tidak dikehendaki kepada rakan sekutu (Life Line Clothing dan Komuniti Belia Selangor) untuk digunakan semula
- Syarikat pertama dan satu-satunya syarikat yang mempunyai tanggungjawab sosial yang pertama di Malaysia yang telah dianugerahkan sijil *MyHijau Mark* dalam kategori sektor tekstil dan sisa buangan
- Projek *Green Scarf*: Perkongsian syarikat dengan Coca-Cola untuk menghasilkan tudung mesra alam (penutup kepala untuk wanita Islam) yang diperbuat daripada botol plastik dikitar semula dan 100% poliester kitar semula
- Diiktiraf oleh Piawaian Kitar Semula Global



Ramatex Textiles Industrial

- Menggunakan bahan mentah daripada sisa tekstil dikitar semula seperti kapas dikitar semula, poliester dikitar semula, cip PET dan sisa fabrik
- Melabur dalam projek biojisim untuk menggantikan sepenuhnya bahan api fosil (arang batu dan minyak bahan api) yang digunakan dalam pengeluaran

Kulit dan Produk Kulit

Penghasilan kulit di Malaysia telah bermula sejak ratusan tahun yang lalu yang melibatkan produk seperti alat muzik dan kasut. Disebabkan oleh kebimbangan terhadap alam sekitar yang disebabkan oleh proses pembersihan kulit dan bekalan tempatan yang terhad bagi kulit haiwan mentah yang berkualiti, kebanyakan syarikat dalam industri ini memilih untuk memberi tumpuan kepada pengilangan produk kulit sejak awal tahun 1990-an.

Malaysia mengimport kulit terutamanya dari Indonesia, India, Pakistan dan Vietnam. Kira-kira 65 peratus daripada kesemua kulit yang dihasilkan adalah diperbuat daripada kulit lembu dengan 15 peratus adalah daripada kulit biri-biri, 11 peratus adalah daripada khinzir dan sembilan peratus adalah daripada kambing.

Pertumbuhan dalam industri kulit dan produk kulit ini disokong oleh peningkatan permintaan terhadap produk kulit yang terkini dan premium serta sokongan kerajaan bagi industri kulit. Pasaran barang kulit global mencapai nilai US\$350.2 bilion pada tahun 2021 dan kedua-dua Mordor Intelligence dan IMARC Group menjangkakan pasaran ini akan berkembang pada CAGR melebihi enam peratus antara tahun 2022 dan 2027 dengan pasaran mencapai saiz melebihi US\$623.44 bilion menjelang tahun 2028.

Pendapatan daripada subsektor barang kulit mewah di Malaysia dijangka akan mencecah US\$540 juta pada tahun 2023. Pasaran ini juga dijangka akan berkembang setiap tahun dengan CAGR sebanyak 3.7 peratus sehingga tahun 2027.

PROJEK PENTING DALAM KULIT DAN PRODUK KULIT TAHUN 2022

Projek Baharu

Seremban Selatan Industries Supplies Sdn. Bhd.

Jumlah pelaburan: RM3.8 juta

16 peluang pekerjaan baharu

Syarikat Malaysia

Reka bentuk, pengeluaran dan pengedaran kasut kulit dan PVC berkualiti tinggi kepada industri pembinaan, hospital, pertanian dan syarikat perindustrian, stesen minyak, hotel dan restoran di Selangor

Diiktiraf oleh Prüf- und Forschungsinstitut Pirmasens e. V. (PFI)

Produk Mineral Bukan Logam

Industri produk mineral bukan logam di Malaysia tertumpu kepada produk kritisikal yang digunakan dalam pelbagai industri lain termasuk kaca, seramik

dan produk berasaskan tanah liat, simen dan konkrit, alumina berketalenan tinggi dan produk lain seperti kapur, marmar dan granit. Mineral bukan logam kebanyakannya digunakan dalam aktiviti perkilangan serta pembinaan bangunan dan infrastruktur yang menyumbang hampir 50 peratus daripada penggunaan bahan mentah global. Pemain industri Malaysia mengeksport produk mereka ke seluruh dunia terutamanya ke Singapura, Amerika Syarikat, PRC, India dan Australia.

Peningkatan permintaan untuk produk mineral bukan logam dalam bidang baharu seperti sektor tenaga dijangka akan meningkatkan lagi pasaran bagi produk tersebut antara tahun 2022 dan 2028.

Faktor lain seperti urbanisasi pesat di negara-negara membangun telah mendorong kepada peningkatan permintaan terhadap bahan pembinaan dan kenaikan permintaan bagi penyelesaian pembungkusan lestari dalam persekitaran peraturan yang ketat terhadap penggunaan plastik di seluruh dunia juga telah memacu pertumbuhan dalam industri ini. Pasaran global dijangka berkembang pada anggaran CAGR sebanyak 3.8 peratus antara tahun 2021 dan 2030.

Bakal pelabur yang berminat dalam industri produk mineral bukan logam di Malaysia mungkin berminat untuk menceburi operasi pengilangan dalam bidang lestari dan mesra alam. Kebanyakan pemain industri kini menghadapi cabaran untuk mengekalkan pematuhan ESG; sebagai contoh, operasi serbuk simen dan batu kapur menghasilkan debu, manakala operasi


substrat seramik dan tanah liat aktif menghasilkan sisa bahan berasid dan toksik. Oleh itu, terdapat peluang dalam ruang pelupusan dan pengurusan sisa.

Malaysia mempunyai beberapa bahan mentah terbaik seperti pasir silika berkualiti tinggi untuk pembangunan kaca khusus dan kaca pintar. MIDA menggalakkan pelaburan ke dalam bidang ini kerana aplikasinya merentasi pelbagai bidang seperti optik, realiti tambahan dan/atau maya, farmaseutikal dan semikonduktor.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PRODUK MINERAL BUKAN LOGAM TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing

29 Projek Diluluskan



Peluang Pekerjaan



PROJEK PENTING DALAM PRODUK MINERAL BUKAN LOGAM TAHUN 2022

Projek Baharu ━━━━ **SBH Kibing Solar New Materials (M) Sdn. Bhd.**

Jumlah Pelaburan:
RM1.8 bil

1,600 peluang pekerjaan
baru dalam 2 fasa

Anak syarikat China-Hunan
Kibing Solar Technology Co. Ltd.

Pengeluaran kaca fotovoltaik solar di Sabah

Projek Pembesaran ━━━━ **Nippon Electric Glass (Malaysia) Sdn. Bhd.**

Jumlah Pelaburan:
RM1.8 bil (bagi tempoh 5 tahun)

327 peluang
pekerjaan tambahan

Anak syarikat Nippon Electric
Glass Co. Ltd yang
berpangkalan di Jepun

Pengeluaran produk gentian kaca dan tiub kaca di Selangor

Merupakan satu-satunya pengeluar gentian kaca dan tiub kaca untuk kegunaan farmaseutikal dan perubatan di ASEAN pada masa ini

Sistem Binaan Berindustri (IBS)

Menurut Mordor Intelligence, pasaran pembinaan Malaysia dijangka berkembang pada kadar CAGR kira-kira 6 peratus dari tahun 2022 hingga 2027. Walaupun industri ini terjejas teruk disebabkan oleh COVID-19, pandemik ini juga telah memberi peluang bagi adaptasi penggunaan IBS yang lebih meluas oleh pemain industri berikutan kekurangan buruh asing dan kos bahan yang terus meningkat.

Pelabur IBS yang berpotensi perlu memberi pertimbangan kepada adaptasi automasi, pendigitalan dan polisi ESG serta peningkatan kemahiran dan latihan kepakaran yang akan membantu mengubah industri dan membolehkannya mengikuti perkembangan permintaan baharu muncul. Penggunaan IBS bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dalam industri pembinaan melalui pelbagai kemudahan dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan kepada syarikat yang menjalankan pengilangan produk IBS yang direkabentuk untuk meningkatkan lagi penggunaan teknologi dalam sektor pembinaan.

Melangkaui masa, pelaksanaan Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM) dalam industri IBS akan memberi manfaat kepada keseluruhan proses pelaksanaan projek daripada reka bentuk kepada pemasangan di samping prestasi kos yang lebih baik. Penggunaan BIM boleh menjadi faktor utama

kejayaan dalam pembangunan industri pembinaan dari aspek produktiviti dan kecekapan proses pelaksanaan projek.


Insentif khas telah diperkenalkan kepada pengilang yang menggunakan pakai mana-mana daripada tujuh sistem yang diiktiraf yang meliputi sistem konkrit pratuang (precast), sistem acuan, sistem rangka keluli, sistem kerja blok, sistem rangka kayu, sistem inovatif dan sistem/komponen modular IBS.

Satu bidang khusus yang boleh dipertimbangkan oleh pelabur ialah penggunaan pencetakan pengilangan aditif (AM)/3D yang boleh memendekkan rantaian bekalan IBS dengan mengeluarkan komponen secara autonomi terus daripada model reka bentuk digital yang mengurangkan penglibatan intervensi manusia. Ini akan meningkatkan kecekapan, mengurangkan kesilapan pekerja dan menambah baik jejak karbon di tapak pembinaan.

AM telah ditetapkan sebagai salah satu daripada teras di bawah polisi Industry4WRD yang membolehkan semua inisiatif dan insentif di bawah Industry4WRD dimanfaatkan untuk mempromosi dan menggalakkan penggunaan dan pembangunan AM. Insentif lain seperti Elaun Modal Automasi, Elaun Pelaburan Semula dan Skim Pecutan Ekosistem Digital juga boleh digunakan.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI SISTEM BINAAN BERINDUSTRI (IBS) TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Peluang Pekerjaan



PROJEK PENTING DALAM INDUSTRI SISTEM BINAAN BERINDUSTRI (IBS)TAHUN 2022

Projek pembesaran ————— ■ Scandinavian IBS Sdn. Bhd.

Jumlah pelaburan:
RM194.5 juta

1,200 peluang
pekerjaan tambahan

Syarikat Sweden

Pengeluaran komponen IBS modular

Projek Baharu ————— ■ Dynamic Building System Sdn. Bhd.

Jumlah Pelaburan:
RM43.5 juta

68 peluang
pekerjaan baharu

Syarikat Malaysia

Syarikat telah menggalakkan penggunaan sistem kerangka portal keluli pra-kejuruteraan dalam pembinaan kilang, gudang dan struktur bertingkat di seluruh Malaysia.

Pengeluaran rangka keluli pra-fabrikasi di Negeri Sembilan

Industri Pelbagai

Industri dan sub-sektor pelbagai merujuk kepada pelaburan yang tidak dikategorikan di bawah industri lain seperti barang kemas emas, pemotongan resin dan roda pengisaran resin, pelampung PVC, topi renang, web elastik dan lukisan, *gasket cup lip seals* dan alat tulis.

Subsektor barang kemas emas di Malaysia terdiri daripada lebih 100 pengilang barang kemas emas untuk pelbagai saiz bagi memenuhi permintaan emas domestik yang merupakan keempat terbesar di kalangan negara ASEAN. Lebih daripada 90 peratus daripada barang kemas emas Malaysia yang dijual ialah emas 22 karat (ketulenan 916) dengan majoriti barang kemas emas ini adalah untuk dieksport.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PELBAGAI TAHUN 2022



PROJEK PENTING INDUSTRI PELBAGAI TAHUN 2022

Projek Baharu

TKC Aurum Manufacturing Sdn. Bhd. (Dahulunya dikenali sebagai Toung Kok Chew Enterprise Sdn. Bhd.)

Jumlah Pelaburan:
RM23.2 juta

96 Peluang
pekerjaan baharu

Syarikat Malaysia

Pengeluaran rekaan fesyen moden serta gaya klasik barang kemas emas terutamanya rantai, loket, cincin, anting-anting, rantai leher, gelang dan set di Pulau Pinang

Saiz pasaran barang kemas emas global bernilai US\$249 bilion pada tahun 2021 dan dijangka akan berkembang pada CAGR 8.5 peratus dari tahun 2022 hingga 2030 disebabkan oleh peningkatan pendapatan boleh guna dan reka bentuk barang kemas inovatif yang ditawarkan oleh pengilang.

Peralatan Saintifik & Pengukuran

Industri peralatan saintifik dan pengukuran di Malaysia merupakan industri yang sedang rancak berkembang dan memberi sumbangan besar kepada sektor penjagaan kesihatan dan R&D melalui pengeluaran platform diagnostik makmal serta

instrumen dan alat pengukur. Kemajuan teknologi dan penambahbaikan produk bagi peralatan tersebut membolehkan penyelidikan dijalankan dengan cekap sekaligus memendekkan masa pemulihan atau meningkatkan ketepatan keputusan.

Di Malaysia, pamacu utama industri ini adalah subsektor peranti perubatan yang mempunyai lebih daripada 290 syarikat dan meliputi 10 daripada 30 syarikat peranti perubatan terbaik di dunia. Malaysia merupakan salah satu daripada destinasi pelaburan penting untuk subsektor ini di luar AS, Ireland dan Costa Rica terutamanya untuk pengeluaran peranti perubatan termaju termasuk implan, peranti pemantauan kesihatan pintar, barang perubatan dan diagnostik ketika rawatan.

Daya tarikan Malaysia terhadap pelabur adalah disebabkan oleh sinergi unik antara E&E bertaraf dunia, Industri/Perkhidmatan Sokongan Kejuruteraan (ESI/ ESS) dan industri produk plastik. Lokasi strategik negara di persilangan laluan perdagangan dunia dan ketersediaan tenaga kerja tempatan untuk memenuhi permintaan industri juga menjadi daya terikan pelaburan.

Saiz pasaran peranti perubatan global bernilai US\$489 bilion pada tahun 2021. Pasaran dijangka berkembang daripada US\$495.5 bilion pada tahun 2022 kepada US\$718.9 bilion menjelang tahun 2029 yang mewakili CAGR sebanyak 5.5 peratus.

Pasaran peranti perubatan domestik di Malaysia dijangka bernilai US\$2 bilion pada tahun 2022 dengan CAGR 7.5 peratus antara tahun 2018 dan 2022. Malaysia kini mengimport kira-kira 95 peratus peranti perubatan untuk memenuhi permintaan domestik.

Selain itu, menurut penganalisis penyelidikan di Fitch Solutions, jumlah perbelanjaan penjagaan kesihatan di Malaysia diunjurkan melebihi RM69.2 bilion pada tahun 2021 dan akan meningkat pada CAGR 7.6 peratus hingga tahun 2025. Ini menunjukkan bahawa Malaysia sedang berusaha untuk terus memperbaiki sistem penjagaan kesihatannya dengan fokus kepada pembiayaan kemudahan penyelidikan domestik bagi penyakit dan vaksin.

Menurut Kumpulan IMARC, industri peralatan saintifik dan pengukuran bernilai US\$39.4 bilion pada tahun

2021 dan dijangka akan mempunyai CAGR sebanyak 5.5 peratus dari tahun 2022 hingga 2027. Ini adalah berpuncu daripada permintaan yang tinggi terhadap keupayaan diagnostik yang pantas dan tepat dalam industri penjagaan kesihatan serta peningkatan kerjasama di antara kerajaan, pengilang dan institut penyelidikan untuk merangka penyelesaian dalam menangani dan mengurangkan risiko pandemik sedia ada dan akan datang. Selain itu, terdapat peningkatan kesedaran tentang keperluan pengesanan awal penyakit untuk mengurangkan peningkatan dalam perbelanjaan penjagaan kesihatan di seluruh dunia.


Ini memerlukan perbelanjaan yang besar dalam penjagaan kesihatan terutamanya dalam R&D untuk membangun dan menghasilkan peranti perubatan yang lebih maju. Statista menjangkakan purata perbelanjaan R&D oleh 10 syarikat teknologi perubatan global teratas akan meningkat sebanyak 35 peratus pada tahun 2028 daripada jumlah US\$1.7 bilion pada tahun 2021 yang akan mencapai sehingga US\$2.3 bilion.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PERALATAN SAINTIFIK DAN PENGUKURAN TAHUN 2022


Pelaburan Domestik berbanding Asing



Projek Pembesaran/Pelbagai berbanding Baharu



Peluang Pekerjaan





Malaysia terus berada di barisan hadapan industri ini dengan peningkatan kukuh dalam eksport peranti perubatan. Malaysia akan terus berusaha untuk mencapai matlamat menjadi negara ASEAN dan hab pengeluaran yang utama dalam peranti perubatan bagi pasaran domestik dan antarabangsa dengan memperkenalkan teknologi terbaru dan meningkatkan jumlah pelaburan.

Bakal pelabur boleh menerokai bidang baharu atau khusus dalam diagnostik termaju dan penyelesaian *point-of-care* yang minima/bukan invasif serta penumpuan dalam teknologi perubatan dan juga sistem pemantauan pintar berhubung awan, peranti elektronik implan pintar, penyelesaian pembedahan robotik berketepatan tinggi dan peranti perubatan tiruan berdasarkan bio yang kompleks.

Bidang lain di Malaysia yang boleh diterokai termasuk pengilangan aditif (AM)/pencetakan 3D serta automasi dan IoT. AM membolehkan pembangunan dan pengilangan instrumen saintifik yang sebelum ini sukar dibuat disebabkan oleh reka bentuk dan kekangan bahan. Apabila diintegrasikan dengan teknologi pengimajian terkini, AM boleh meningkatkan kecekapan proses saintifik harian dan penghasilan prototaip produk baharu. Automasi dan ketersambungan digital dalam peralatan saintifik telah mempercepatkan masa pusingan bagi proses dan diagnosis terutamanya dalam bidang penyelidikan dan perubatan yang menjadikan proses lebih cekap dan mudah memperolehi data masa sebenar. Penyepaduan produk berteknologi tinggi dalam

industri ini dengan automasi dan IoT merupakan tindakan terkini yang sangat berpotensi.


Eksport peralatan saintifik dan pengukuran yang dikeluarkan yang merangkumi subsektor peranti perubatan bernilai RM63.4 bilion. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM22 bilion (53.1%) berbanding tahun 2021 sebanyak RM41.4 bilion yang menampilkan kekuatan industri ini yang semakin berkembang di Malaysia. Negara terus menunjukkan imbalan perdagangan yang positif dalam sektor ini dengan import peralatan optik dan saintifik berjumlah sehingga 10 peratus (RM29.5 bilion) daripada jumlah import bagi tahun 2022.

Sektor ini menyedari kepentingan ESG yang semakin meningkat terutamanya di Amerika Syarikat dan Eropah dan telah menerima pakai amalan lestari dalam aktiviti perkilangan. Syarikat-syarikat Malaysia digalakkan untuk menilai semula dan menyelaraskan operasi perniagaan mereka bagi mempercepatkan kesediaan mereka dalam menerima pakai ESG untuk kekal berdaya saing dalam rantaian nilai global.

Sebagai contoh, Cochlear Malaysia Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat peranti perubatan dari Australia telah membesar tapaknya untuk mengeluarkan dan menyelenggara prosesor bunyi implan koklea dan akustik yang terkini dan termaju. Aktiviti pengilangan di tapak dijana 100% oleh tenaga boleh diperbaharui yang merupakan sebahagian daripada sasaran global Cochlear untuk mencapai pelepasan sifar-bersih menjelang tahun 2030.

PROJEK PENTING PERALATAN SAINTIFIK & PENGUKURAN TAHUN 2022

Projek Baharu ━━━━ **Insulet Malaysia Sdn. Bhd.**



Jumlah pelaburan:
RM900 juta dalam
tempoh 5 tahun



Pengeluaran pam insulin tanpa tiub



Lebih 500 peluang pekerjaan
sepenuh masa baharu apabila
fasiliti tersebut mula beroperasi
pada kapasiti penuh



Syarikat yang berpangkalan di
Acton, Massachusetts,
Amerika Syarikat

Projek Baharu ━━━━ **Reszon Diagnostics International Sdn. Bhd.**



Jumlah pelaburan:
RM42.2 juta



Pengeluaran kit ujian diagnostik 'Buatan Malaysia' yang berkualiti tinggi
dan bertaualiah untuk kegunaan dalam penjagaan kesihatan

Pengilangan Makanan

Di peringkat global, pasaran makanan dijangka mencapai US\$6.4 trilion pada tahun 2022 dan dijangka akan meningkat kepada US\$8.9 trilion pada tahun 2026 dengan kadar CAGR sebanyak 8.7 peratus. Populasi pelbagai budaya di negara ini memainkan peranan penting dalam membekalkan permintaan besar serantau dan global terhadap produk makanan dan minuman. Ekspor makanan diproses negara mendapat pasaran di lebih daripada 150 negara manakala produk yang disahkan halal juga diterima dengan baik di kalangan 1.8 bilion umat Islam di seluruh dunia.

Menurut Statista, pasaran makanan di Malaysia diunjurkan akan berkembang pada CAGR kira-kira lapan peratus dari tahun 2023 hingga 2027 yang menghasilkan jumlah pasaran bernilai US\$69.4 bilion pada tahun 2027.

Dalam usaha untuk memperluaskan kedudukan mereka di Asia, syarikat makanan dan bahan makanan global sedang giat mengukuhkan kedudukan masing-masing di Malaysia menerusi pembesaran atau kepelbagaian produk makanan yang mereka hasilkan di negara ini. Khususnya, pendapatan perniagaan makanan halal Malaysia mencecah US\$31 bilion pada tahun 2021 dan dijangka akan mencapai US\$47.6 bilion menjelang tahun 2025. Pengukuhan industri halal tempatan dan mewujudkan persaingan yang tinggi akan memainkan peranan penting dalam memperoleh bahagian pasaran halal yang lebih besar di peringkat global.


Keperluan mengenai keterjaminan makanan global dan pengeluaran pilihan protein pengganti menjadi lebih mendesak. Oleh itu, terdapat pelbagai peluang pelaburan yang tersedia dalam bidang seperti 'pertanian pintar' untuk pengeluaran berasaskan sayur-sayuran dan buah-buahan, bahan 'daging alternatif', akuakultur dengan produk sampingan yang diproses, pertanian dalam persekitaran terkawal untuk memastikan kelestarian bekalan bahan makanan yang diproses dan kitar semula produk sampingan untuk makanan haiwan.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PENGILANGAN MAKANAN TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing

93 Projek Diluluskan

Jumlah RM3.5 bil



Daripada kelulusan ini, **6 projek bernilai RM132.8 juta** adalah khusus untuk produk makanan haiwan

Peluang Pekerjaan



5,344 Jumlah Peluang Pekerjaan

Berdasarkan tahap kecukupan yang rendah bagi produk berasaskan susu di Malaysia, bakal pelabur juga boleh mempertimbangkan untuk mencebur segmen hiliran pemprosesan produk susu berasaskan tenusu atau berasaskan tumbuhan untuk memenuhi keperluan pengguna domestik dan serantau.

Syarikat dalam industri pengilangan makanan Malaysia yang terdiri daripada MNC dan konglomerat tempatan kepada syarikat makanan PKS domestik sudah pun melaksanakan inisiatif

ESG untuk memenuhi keperluan eksport. Inisiatif ini termasuk mengitar semula bahan pembungkusan, memasang panel solar untuk tujuan pemanasan dan penjanaan tenaga, memulakan penuaian air hujan dan mengawal jumlah sisa yang dikeluarkan sementara mengurangkan penggunaan tenaga dan air dalam proses pengeluaran mereka. Kerajaan komited untuk membantu usahawan di sepanjang rantai bekalan makanan untuk memenuhi matlamat pematuhan ESG.

JANGKAUAN PRODUK MAKANAN HALAL MALAYSIA



PROJEK PENTING DALAM PENGILANGAN MAKANAN TAHUN 2022

Projek Pembesaran ————— **Dindings Poultry Processing Sdn. Bhd.**



Jumlah pelaburan:
RM950.4 juta



Usaha sama di antara pengeluar produk ayam diproses sedia ada di Perak dengan sebuah syarikat global yang berpangkalan di Amerika Syarikat



Pemprosesan produk ayam

Projek Pembesaran ————— **Givaudan Flavours & Fragrances Malaysia Sdn. Bhd.**



Jumlah pelaburan:
RM131.8 juta



75 peluang
pekerjaan tambahan



Syarikat Switzerland



Pengeluaran bahan makanan di Melaka

Projek Pembesaran ————— **Custom Food Ingredients Sdn. Bhd.**



Jumlah pelaburan:
RM55.3 juta



80 peluang
pekerjaan tambahan



Syarikat Malaysia



Pengeluaran produk bijirin, produk susu malt dan serbuk madu di Pulau Pinang

Produk Makanan Berasaskan Minyak Sawit

Minyak sayuran merupakan minyak masak yang paling banyak digunakan di seluruh dunia pada masa ini. Minyak sawit pula menyumbang lebih daripada 35 peratus daripada jumlah pengeluaran minyak sayuran. Minyak sawit mentah (CPO) mencatatkan prestasi yang ketara dan diterima dengan baik walaupun dalam persekitaran global yang cabaran. Harga CPO kekal di atas RM5,000 setiap tan sepanjang tahun 2022 yang juga menunjukkan penerimaan global terhadap inisiatif jangka panjang Kerajaan untuk mempromosi dan menentang kempen memburuk-burukkan di peringkat global.

Harga CPO yang tinggi dan pemulihannya dalam pendapatan telah menggalakkan perladangan kelapa sawit di Malaysia untuk meneruskan R&D bagi meningkatkan hasil CPO setiap hektar melalui pertanian tepat, teknologi genomik dan program pembiakan yang lebih baik, kawalan perosak dan penyakit serta mekanisasi ladang.

Dari segi aktiviti pertengahan sektor, penambahbaikan dalam proses pengilangan telah mengurangkan kesan operasi pengilangan terhadap alam sekitar. Melalui aktiviti hiliran, tanaman kelapa sawit yang serbaguna dan produktif ini boleh menyumbang kepada keterjaminan makanan global kerana sifatnya yang kaya dengan nutrisi.

Prospek masa hadapan bagi subsektor ini adalah menggalakkan dengan unjuran yang lebih tinggi bagi aktiviti minyak sawit ditapis berikutan pemulihannya dalam sektor pelancongan dan perhotelan yang meningkatkan lagi permintaan untuk produk makanan (termasuk produk makanan berasaskan minyak sawit). Permintaan untuk produk makanan berasaskan minyak sawit juga dijangka akan meningkat berikutan keimbangan tentang keterjaminan makanan global berpunca daripada perang Rusia-Ukraine yang telah mengakibatkan kekurangan dalam produk minyak sayuran dan lemak lain. Malaysia komited untuk mempromosikan produk minyak sawit bernilai ditambah dan meningkatkan fitonutrien berdasarkan minyak sawit sebagai ramuan dalam produk makanan yang akan mewujudkan segmen pasaran baharu dalam rantaian keterjaminan makanan global.

Antara projek yang diluluskan adalah pengeluaran mentega koko, minyak masak campuran dengan mineral


dan vitamin, olein dan stearin yang diperkaya nutrien, produk susu berisi lemak dan krimer bukan tenusu.

Pemain industri minyak sawit Malaysia telah mula menangani dan menerima prinsip ESG sebagai sebahagian daripada operasi harian mereka.


Malaysia telah pun mewujudkan rekod rangka kerja kelestarian melalui Pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) yang telah berjaya merangkumi lebih daripada 90 peratus kawasan kelapa sawit di negara ini. Usaha ini akan diteruskan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan ESG di kalangan pengguna minyak sawit dan mendorong pengeluar untuk meningkatkan pematuhan ESG mereka.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PRODUK MAKANAN BERASASKAN MINYAK SAWIT TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Peluang Pekerjaan



Minuman dan Tembakau

Pasaran minuman global dijangka berkembang daripada US\$1.6 trillion pada tahun 2020 kepada US\$1.9 trillion menjelang tahun 2026 dengan peningkatan CAGR sebanyak 2.5 peratus. Permintaan global per kapita untuk minuman di rantau membangun utama seperti Asia Pasifik yang semakin meningkat dijangka akan memegang bahagian utama dalam pasaran minuman global disebabkan peningkatan pendapatan boleh guna dan perubahan pilihan pengguna terhadap minuman

sedia untuk diminum (RTD). Pemain pasaran utama melabur dalam penggabungan, pengambilalihan dan pelancaran produk untuk mendapatkan kelebihan daya saing.

Di Malaysia, pendapatan daripada minuman diunjur akan mencapai US\$51.7 juta pada tahun 2023 dengan CAGR tahunan sebanyak 10.2 peratus dan mencapai unjuran jumlah pasaran sebanyak US\$76.1 juta menjelang tahun 2027.

Pemain industri minuman telah mengambil perhatian tentang keimbangan kesihatan yang semakin meningkat berkaitan kandungan gula minuman RTD serta pegambilan alkohol yang mana kedua-duanya boleh memberi kesan kepada pasaran. Oleh itu, bakal pelabur boleh mempertimbangkan untuk membuat kajian dalam memperkenalkan produk baharu dalam segmen bukan alkohol seperti minuman lebih berasaskan kesihatan, alternatif berasaskan tumbuhan dan minuman sifar gula/kalori.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI MINUMAN DAN TEMBAKAU TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Peluang Pekerjaan



Nota: Kerajaan tidak lagi meluluskan projek berkaitan tembakau sejak Disember 2005 dengan keputusan yang sama digunakan untuk projek minuman beralkohol baharu sejak tahun 2006

Perabot dan Lekapan

Industri perabot dan lekapan Malaysia (yang tersenarai di antara lima pengeksport perabot teratas di Asia) terdiri daripada pengacuan dan pertukangan pembinaan, pertukangan kayu (contoh: pintu dan tingkap) serta perabot dan komponen yang berkaitan.


Pada masa ini, pengeksport perabot negara telah bertapak di 160 buah negara sementara menunjukkan peningkatan dalam capaian populasi dan infrastruktur. Produk perabot Malaysia telah diterima di Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Filipina, Rusia serta juga ekonomi baru muncul seperti Algeria, Greece, Puerto Rico dan Libya. Pada tahun 2022, eksport perabot kayu, plastik, logam dan alat ganti Malaysia mencatatkan jumlah RM13.9 bilion iaitu peningkatan daripada RM12.6 bilion pada tahun 2021.

Menurut laporan terbaru oleh Grand View Research, Inc, saiz pasaran perabot global dijangka akan mencapai US\$1,070.9 bilion menjelang tahun 2030. Pasaran dijangka berkembang pada CAGR sebanyak 5.7 peratus dari tahun 2022 hingga 2030. Sebahagian besar (90%) pemain industri di Malaysia terdiri daripada PKS yang telah memperoleh manfaat daripada sokongan Kerajaan untuk menggalakkan lagi automasi dalam proses teknologi mereka melalui Geran Automasi Pintar (SAG) dan Dana Intervensi Industry4WRD (IIFC). MIDA telah menerima 16 cadangan projek bagi IIFC dan 47 bagi SAG daripada pengilang perabot yang berminat untuk naik taraf kilang pembuatan mereka untuk kekal berdaya saing dan mengikuti perkembangan teknologi Industri 4.0.


Kesedaran dan persefahaman yang semakin meningkat tentang keutamaan ESG telah mendorong lebih ramai pengguna dan syarikat global yang mengutamakan alam sekitar dalam pertimbangan untuk menerokai pilihan dalam segmen pasaran perabot hijau. Ini telah mendorong pemain industri Malaysia untuk melakukan penyelidikan, pembangunan dan inovasi komposisi bahan baharu (yang terdiri daripada kayu, plastik dan logam) serta mempromosikan pengeluaran produk mengikut gaya terkini bagi ruang komersial (contohnya, perniagaan/pejabat, pendidikan, penjagaan kesihatan, hospitaliti, gudang pintar) dan kediaman (bilik tidur, dapur, ruang makan).

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PERABOT DAN LEKAPAN TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Pembesaran/Pelbagai berbanding Projek Baharu



Peluang Pekerjaan



PROJEK PENTING DALAM PERABOT DAN LEKAPAN TAHUN 2022

Projek Pembesaran

Dexion Asia Sdn. Bhd.

Jumlah pelaburan: RM82.7 juta

90 pekerjaan mahir tambahan

Syarikat milik asing

Reka bentuk dan pembuatan penyelesaian intralogistik pintar: sistem penyimpanan asas mudah alih, *speedlock racking and shelving*

Kayu dan Produk Kayu

Industri kayu dan produk kayu Malaysia merangkumi pengeluaran kayu gergaji, venir dan produk panel (iaitu papan lapis, papan gentian berkembaran sederhana, papan partikel dan papan cip).

Industri perkayuan Malaysia kekal berdaya tahan. Pada tahun 2022, eksport kayu dan produk kayu Malaysia (tidak termasuk perabot kayu) meningkat sebanyak 15 peratus kepada RM7 bilion berbanding RM6.1 bilion pada tahun 2021. Negara-negara Asia, terutamanya Jepun, India, Thailand dan PRC adalah pasaran eksport terbesar untuk keluaran kayu Malaysia iaitu kayu balak, kayu gergaji dan papan lapis.


Industri berasaskan kayu di Asia termasuk Malaysia boleh memperoleh manfaat daripada peluang yang ada terutamanya dalam pengeluaran cip kayu dan pelet yang akan memenuhi permintaan tenaga boleh diperbaharui yang semakin meningkat disebabkan oleh sekatan antarabangsa ke atas Rusia yang merupakan pengekspor kayu lembut terbesar dunia. Pada masa yang sama, bekalan kayu dan produk kayu dari Belarus telah disekat manakala bekalan dari Ukraine telah terjejas teruk. Ketiga-tiga negara ini menyumbang satu perempat daripada perdagangan kayu dunia.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI KAYU DAN PRODUK KAYU TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Pembesaran/Pelbagai berbanding Projek Baharu



Peluang Pekerjaan



Dari aspek ESG, penggunaan kayu sebagai bahan dalam pembinaan dapat membantu mengurangkan penggunaan konkrit dan keluli yang

akan menyumbang kepada penurunan sebanyak 10 peratus pelepasan karbon dioksida global yang dihasilkan oleh sektor pembinaan. Ini perlu diseimbangkan dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan penggunaan sumber dari hutan. Bagi memastikan mereka kekal sebagai pembekal yang mematuhi prinsip ESG, pengeluar produk berasaskan kayu di Malaysia sedang menerokai inisiatif untuk memenuhi keperluan yang sama dengan Program Pensijilan Hutan (PEFC) bagi mengekalkan ketelusan data rantai bekalan dalam sektor perhutanan dan kayu.

Produk Kayu berdasarkan Biojisim Sawit

Malaysia telah dan akan terus meneruskan usaha untuk menarik pelaburan dalam projek ekonomi kitaran yang memproses dan menggunakan produk sampingan komoditi untuk menghasilkan produk bernilai ditambah, menjana aliran pendapatan baharu dan meningkatkan jangkauan pasaran.

Pelan Tindakan Biojisim di bawah Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN 2030) sedang dibangunkan untuk menarik pemain industri baharu dalam mencebur aktiviti hilir biojisim daripada dua sumber utama iaitu biojisim kelapa sawit dan kayu serta biojisim berasaskan kayu. Ini akan memperkasakan lagi sektor agrikomoditi untuk beralih daripada ekonomi linear kepada ekonomi kitaran dengan mengurangkan, menggunakan semula dan mengitar semula sumber di dalam pengeluaran dan pengilangan untuk mengurangkan sisa.

Selain itu, terdapat banyak peluang untuk syarikat berasaskan kelapa sawit, kayu dan produk berasaskan kayu di Malaysia untuk menggunakan semula sisa kayu dan mengitar semula produk sampingan dalam proses pengilangan mereka untuk menghasilkan pelet kayu/bahan api, tanah pertanian bergred tinggi, nutrien dan baja.

Pada tahun 2022, sebanyak enam projek berjumlah RM86.3 juta telah diluluskan untuk menghasilkan pelet kayu, *eco-processed pozzolan* dan baja dengan FDI menyumbang lebih separuh (52.5%) iaitu RM45.3 juta. Kesemua produk ini menggunakan biojisim sebagai bahan mentah.

Kertas, Percetakan dan Penerbitan

Sejak penubuhannya pada tahun 1960-an, industri kertas, percetakan dan penerbitan Malaysia terus

menyesuaikan dengan keadaan pasaran yang sentiasa berubah, pilihan pengguna dan kemajuan teknologi.

Pemain industri sentiasa menyedari mengenai perkembangan dalam sumber kertas alternatif, kompaun dakwat, teknologi cetak dan digital, dan logistik penyampaian selaras dengan trend dan teknologi yang sentiasa berubah. Berikutan perkembangan pesat dalam media digital berbanding dengan bahan cetakan dan penerbitan fizikal serta peningkatan mendadak dalam e-dagang, industri ini terus berubah dan beralih untuk memenuhi permintaan pasaran terutamanya untuk melaksanakan amalan yang lebih lestari.

Oleh itu, industri di Malaysia telah bergantung kepada kertas kitar semula sebagai bahan mentah utama dalam pengeluaran pulpa kitar semula, kertas kraf, pelapik ujian, kertas sederhana beralun dan papan kertas yang kemudian kebanyakannya digunakan untuk menghasilkan tisu, lampin, kotak beralun dan pembungkusan kertas. Salah satu inovasi tersebut melibatkan penggunaan kertas untuk membina palet beralun tahan lasak untuk menggantikan palet kayu yang sebelum ini digunakan dalam pembungkusan produk perindustrian dan pengangkutan barang.


Dari tahun 2017 hingga 2021, Malaysia telah menarik sejumlah besar pelaburan daripada PRC untuk membina kemudahan pengilangan bagi kertas dan produk berasaskan kertas. Secara keseluruhan, pemain global termasuk Best Eternity Recycle Technology Sdn. Bhd., Jianhui Paper Kuantan (Malaysia) Sdn. Bhd., Jingxing Holdings (M) Sdn. Bhd., XSD International Paper Sdn. Bhd., dan ND Paper (Malaysia) Sdn. Bhd., telah melabur sebanyak RM10.4 bilion sejak 10 tahun yang lalu. Syarikat tempatan juga telah membesar skala operasi mereka di mana beberapa syarikat adalah melalui pengambilalihan ekuiti asing seperti GS Paperboard & Packaging Sdn. Bhd., dan bersama dengan pemegang saham dari Jepun telah merasmikan kilang bernilai RM1.2 bilion yang menggunakan teknologi pengilangan kertas termaju (Mesin Kertas 3) di Banting, Selangor pada tahun 2022. Pelaburan ini telah diluluskan pada tahun 2019.

Pada awal tahun 2022, Kerajaan telah memperkenalkan Garis Panduan khusus untuk Pengimportan dan


Pemeriksaan Kertas Sisa yang berkuat kuasa pada 10 Januari 2022 sebagai tindak balas kepada perkembangan ketara dalam aktiviti pengilangan kertas dan jangkaan pengimportan kertas buangan yang tinggi berdasarkan kepada kelulusan bagi kapasiti pengeluaran yang besar. Untuk menyelaraskan lagi pengeluaran, menguruskan kesan alam sekitar terhadap operasi industri dan bagi memastikan pembangunan lestari industri kertas dan pembungkusan, moratorium sementara selama dua tahun untuk pengeluaran Lesen Pengilangan (ML) atau 'Surat Pengesahan untuk Syarikat Dikecualikan daripada ML' (ICA10) juga telah dikeluarkan. Kelonggaran ini telah berkuat kuasa pada 15 Mac 2022 untuk projek baharu dan projek pembesaran/pelbagaiannya bagi kertas dan produk pembungkusan yang menggunakan kertas buangan sebagai bahan mentah.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI KERTAS, PERCETAKAN DAN PENERBITAN TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Projek Pembesaran/Pelbagaiannya berbanding Baharu



Peluang Pekerjaan



Pemain industri sedia ada telah pun mula melaksanakan infrastruktur lestari dan hijau yang meliputi loji rawatan sisa air dan pemasangan panel solar.

Prospek industri ini kekal optimistik dengan pasaran global untuk bahan pembungkusan kertas dijangka mencapai US\$323 bilion menjelang tahun 2026 dengan pertumbuhan CAGR sebanyak 5.9 peratus. Pandemik COVID-19 telah menonjolkan aspek keselamatan, kebersihan dan integriti penghantaran barang yang berpunca daripada aktiviti e-dagang. Permintaan terhadap bahan pembungkusan yang inovatif telah melonjak apabila peniaga berusaha untuk meminimumkan risiko kehilangan produk, kerosakan dan pencemaran produk semasa penghantaran ke pengguna akhir.

Produk kebersihan berdasarkan kertas seperti tisu basah, tuala sanitari dan tisu juga mendapat permintaan tinggi sepanjang pandemik. Ketika Malaysia mula memasuki fasa endemik, permintaan terhadap produk kebersihan dan sanitasi kekal menjadi keperluan kepada orang awam serta juga sektor swasta dan awam. Selain itu, inisiatif anti-beg plastik yang didorong oleh kerajaan telah memberi manfaat kepada industri kertas di mana pasaran mula beralih ke arah alternatif mesra alam.

PROJEK PENTING DALAM KERTAS, PERCETAKAN DAN PENERBITAN TAHUN 2022

Projek Pembesaran

GS Paperboard And Packaging Sdn. Bhd.

Jumlah pelaburan: RM182.5 mil | 207 peluang pekerjaan tambahan

Syarikat Milik Asing
Negara asal: Jepun

Aktiviti: Terlibat dalam aktiviti pengubahsuaian kertas
Produk: Papan beralur

Kimia dan Produk Kimia

Terdapat peningkatan dalam permintaan untuk bahan kimia dan produk kimia pada tahun 2022 dan industri ini sedang bergerak ke arah proses pemulihian kesan daripada pandemik COVID-19 ke atas rantai bekalan, logistik dan pekerja asing. Peningkatan permintaan dalam industri ini adalah terdiri daripada penjagaan kesihatan, kosmetik, penjagaan diri dan farmaseutikal, hingga kepada E&E dan pengangkutan.

Bakal pelabur dalam industri kimia dan produk kimia akan terdorong dengan prospek pertumbuhan pesat dalam sektor berkaitan, di mana industri dalam rantaian nilai kimia dan produk kimia dapat memperluaskan saiz pasaran dan jangkauan serta membangunkan operasi mereka berdasarkan beberapa trend global yang dijangka akan terus memberi kesan kepada landskap pengeluaran perindustrian global sehingga tahun 2023.

Trend ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) pemecutan pendigitalisasi dan pelaksanaan teknologi Industri 4.0 dalam sektor perkilangan yang sebahagian besarnya adalah berpunca daripada sekatan yang dikenakan semasa pandemik COVID-19. 'Penghijauan' pengeluaran perindustrian telah mula mendapat tarikan menerusi polisi kerajaan yang diperkenalkan di seluruh dunia dan peralihan pengeluaran perindustrian global dari Atlantik Utara ke Asia Timur (PRC, Jepun, Republik Korea).

Bagi memastikan industri ini kekal responsif terhadap aliran global dan juga untuk memastikan kelestarian serta kestabilan rantaian nilai dan bekalan industri, Kerajaan telah membangunkan Pelan Hala Tuju Industri Kimia (CIR) 2030 sebagai hala tuju perindustrian yang jelas dan memberi panduan bagi tempoh 10 tahun dari tahun 2021 hingga 2030.

Bakal pelabur amat digalakkan untuk menyelaras pelaburan mereka berpaduan CIR. Ini adalah bagi memastikan penubuhan ekosistem berdaya saing global dalam industri kimia dan produk kimia Malaysia di samping membangunkan profil sosioekonomi Malaysia.

Malaysia juga menggalakkan pelaburan ke dalam segmen lain industri kimia yang tidak di gariskan dalam CIR. Pelaburan dalam R&D dan pembangunan produk baharu juga amat digalakkan.

Satu bidang di mana pelaburan adalah digalakkan ialah dalam penyimpanan tenaga, terutamanya dalam bidang pengeluaran 'hidrogen hijau' dan teknologi berkaitan bateri yang mana kedua-duanya menunjukkan potensi besar untuk meningkatkan penghasilan tenaga boleh diperbaharui. Hidrogen hijau menyediakan penyelesaian penyimpanan yang menjimatkan kos dengan menukar sumber

tenaga boleh diperbaharui kepada hidrogen melalui elektrolisis manakala teknologi bateri yang ditambah baik menyediakan sistem yang boleh dipercayai dan berskala yang mudah dipasang berhampiran sumber tenaga boleh diperbaharui berselang-seli seperti turbin angin atau ladang solar.

Pelabur perlu mengambil perhatian bahawa Malaysia telah mengatur kedudukannya sebagai hab perkilangan prospektif bagi hidrogen hijau dan derivatif berkaitannya (ammonia hijau dan metanol hijau, metilchlorohexane) yang berperanan sebagai pembawa tenaga kerana ia lebih mudah dikendalikan dan tersedia dari segi infrastruktur. Minat terhadap aktiviti ini dapat dilihat di Malaysia Timur di mana loji hidroelektrik baru sedang dibina.

Dalam arena teknologi bateri, Malaysia menggalakkan pelaburan dalam pengilangan bateri litium-ion dan komponennya (anod, katod, pemisah, dan elektrolit) terutamanya untuk mengisi jurang di bahagian tengah dan huluan ekosistem bateri.

Pelabur juga boleh mempertimbangkan pengeluaran elemen nadir bumi (REE) yang digunakan antara lain dalam pengeluaran motor elektrik, gogal penglihatan malam (penggunaan ketenteraan), telefon pintar, sistem Satelit Kedudukan Global dan penjana.

Malaysia merupakan pengeluar REE kedua terbesar selepas PRC dan sedang memberi fokus kepada pembangunan rantaian nilai hiliran bagi REE.

Bidang lain yang tersedia untuk pelaburan dalam industri kimia dan produk kimia adalah dalam biofuel generasi kedua seperti minyak sayur hidrogenasi (HVO).

HVO boleh dihasilkan sepenuhnya daripada perengkahan hidro atau penghidrogenan bahan mentah boleh diperbaharui seperti minyak masak terpakai dan tidak seperti biofuel generasi pertama yang mempunyai komposisi kimia yang agak serupa dengan diesel tradisional dan boleh digunakan dalam kenderaan enjin diesel sedia ada. HVO dianggap sebagai pengganti diesel berkualiti tinggi dan sering dirujuk sebagai diesel boleh diperbaharui. Permintaan untuk HVO dijangka akan meningkat pada masa hadapan kerana ia boleh dinaik taraf kepada bahan api penerangan

lestari (SAF). Pelaburan amat digalakkan dalam bidang yang dapat memastikan sumber bahan mentah tempatan bagi HVO sentiasa konsisten kerana pengumpulan minyak masak terpakai dalam negara pada masa ini masih tidak mencukupi.

Kimia


Eksport kimia dan produk kimia pada tahun 2022 berjumlah RM60.4 bilion iaitu penurunan sebanyak lapan peratus berbanding nilai eksport sebanyak RM65.6 bilion pada tahun 2021, manakala import pula berjumlah RM96.3 bilion iaitu peningkatan sebanyak 23 peratus berbanding RM77.9 bilion pada tahun 2021.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM SUB-SEKTOR KIMIA TAHUN 2022


Pelaburan Domestik berbanding Asing



Projek Pembesaran/Pelbagai berbanding Baharu



Peluang Pekerjaan



Kosmetik dan Peralatan Dandan Diri

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM SUB SEKTOR KOSMETIK DAN PERALATAN DANDANAN DIRI TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Projek Pembesaran/Pelbagai berbanding Baharu



Peluang Pekerjaan



Farmaseutikal

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM SUB SEKTOR FARMASEUTIKAL PADA TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Projek Pembesaran/Pelbagai berbanding Baharu



Peluang Pekerjaan



PROJEK PENTING KIMIA DAN PRODUK KIMIA TAHUN 2022

Projek Pembesaran ■ EcoCeres Renewable Fuels Sdn. Bhd.

Jumlah pelaburan:
RM887.2 juta

Syarikat Hong Kong

Pengeluaran HVO, SAF dan Bio-Naphtha

Projek Pembesaran ■ Graphjet Technology Sdn. Bhd.

Jumlah pelaburan:
RM442.5 juta

Syarikat Malaysia

Pengeluaran grafit tiruan berdasarkan sawit dan grafena

Projek Pembesaran ■ Halagel Plant (M) Sdn. Bhd.

Jumlah pelaburan:
RM13.7 juta

Syarikat Malaysia
(Bumiputera)

Pengeluaran kapsul gelatin lembut

Oleokimia

Permintaan besar terhadap oleokimia global adalah disebabkan oleh peningkatan keperluan untuk produk hijau dalam industri seperti penjagaan diri, farmaseutikal dan produk pembersihan termasuk sabun dan bahan pencuci. Pasaran Malaysia kekal sebagai salah satu daripada pasaran global terbesar dalam subsektor oleokimia (pasaran kedua terbesar bagi minyak sawit Malaysia sejak tahun 2019). Selain itu, Malaysia kekal sebagai salah satu daripada pengeluar dan pengeksport terbesar produk oleokimia di seluruh dunia yang menyumbang kira-kira 20 peratus daripada kapasiti global.

Pada tahun 2022, oleokimia merekodkan jumlah eksport bernilai RM37.2 bilion iaitu peningkatan sebanyak 26 peratus berbanding jumlah RM29.5 bilion pada tahun 2021 manakala import meningkat sebanyak 33 peratus kepada RM10.9 bilion berbanding RM8.2 bilion pada tahun 2021.


Pemain industri kimia dan produk kimia Malaysia amat menyedari mereka memainkan peranan penting dalam pertimbangan ESG. Industri ini banyak terlibat dalam pengilangan dan pengangkutan bahan yang sememangnya mengeluarkan sejumlah besar GHG. Oleh itu, inisiatif ESG biasanya melibatkan penyumberan bahan mentah dan bahan kimia secara lestari serta pengitaran semula bahan yang tidak dikehendaki dan tidak boleh digunakan.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM SUB SEKTOR OLEOKIMIA TAHUN 2022


Pelaburan Domestik berbanding Asing

9 Projek Diluluskan

Jumlah **RM1.4 bil**



Projek Pembesaran/Pelbagaiannya berbanding Baharu



Peluang Pekerjaan

546 Jumlah Peluang Pekerjaan

Syarikat kimia terkemuka telah berjanji untuk mengadaptasi inisiatif ESG termasuk Linde, BASF dan Arkema S.A. yang telah mengambil langkah untuk mengurangkan pelepasan GHG merentasi rantai bekalan mereka seperti dengan memperkenalkan bahan api yang lebih cekap tenaga

dan bersih seperti hidrogen hijau yang kemudiannya akan turut dilaksanakan di Malaysia.

Pemain industri oleokimia juga berdedikasi untuk mengintegrasikan amalan lestari ke dalam operasi utama mereka serta mematuhi kesemua undang-undang dan kod amalan yang berkenaan termasuk pelaksanaan piawaian dan garis panduan ESG utama bagi pengurusan alam sekitar, hak asasi manusia, keadaan tempat kerja, pembangunan komuniti dan impak sosial. Terutamanya, syarikat perlu memastikan bahawa produk berasaskan minyak sawit mereka diperoleh daripada bahan lestari dengan mendapatkan pensijilan rantaian bekalan Meja Bulat mengenai Minyak Sawit Lestari (RSPO). Pemilikan rantaian bekalan bersepada menegak menunjukkan bahawa operasi meliputi keseluruhan rantaian daripada ladang kelapa sawit kepada pengilangan produk termasuk kilang penapisan dan loji oleokimia. Ini akan membantu dalam mewujudkan kelebihan dalam memperoleh bahan mentah yang diperakui untuk pengeluaran oleokimia serta menunjukkan kebolehlihatan rantaian bekalan termasuk ketelusan dan kebolehkesan.

Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)


Sebagai salah satu daripada industri penting di Malaysia, produk petroleum termasuk industri petrokimia adalah sangat maju kerana negara merupakan pengeksport utama barang petrokimia termasuk olefin, poliolefin, aromatik, etilena oksida, glikol dan polistirena. Produk-produk ini kekal menjadi keperluan kepada banyak komoditi yang digunakan dalam kehidupan seharian seperti plastik, baja dan pakaian.

Walaupun menghadapi cabaran daripada COVID-19 dan juga pertumbuhan permintaan yang lebih perlahan, peningkatan kapasiti yang berpuncu daripada pembesaran dan juga penurunan kumpulan nilai, pasaran petrokimia di seluruh dunia dijangka bernilai US\$725.4 bilion pada tahun 2022 dan akan meningkat kepada US\$950.1 bilion menjelang tahun 2028 dengan CAGR sebanyak 4.6 peratus sepanjang tempoh yang diunjurkan. Di Malaysia, presiden Persatuan Petrokimia Malaysia iaitu Akbar Md. Thayoob menjangkakan industri ini akan mencatatkan purata CAGR antara lima hingga enam peratus iaitu lebih tinggi daripada KDNK

negara walaupun dengan pelbagai ketidaktentuan ekonomi luaran.

Pemain industri telah beralih arah dan memberi respon terhadap perubahan dalam pasaran mereka disebabkan oleh kerajaan di seluruh dunia yang mendorong peralihan ke arah sumber tenaga boleh diperbaharui dan pelaksanaan ekonomi kitaran selain peningkatan sentimen pihak berkepentingan dan inovasi teknologi terkini.

SOROTAN PRODUK PETROLEUM (TERMASUK PETROKIMIA) TAHUN 2022



Salah satu tindak balas adalah dalam melaksanakan inisiatif penyahkarbonan untuk mengurangkan penggunaan pembakaran pegun (membakar bahan api fosil untuk haba) semasa melakukan penyulingan berperingkat kerana ianya menyumbang kepada sebahagian besar daripada pelepasan yang dihasilkan oleh kilang penapis. Sebaliknya untuk mengatasi isu pembakaran pegun, langkah elektrifikasi diteruskan untuk proses tersebut dengan menggunakan tenaga boleh diperbaharui atau bersih. Ramai pemain petrokimia telah berjanji

PROJEK PENTING DALAM PRODUK PETROLEUM (TERMASUK PETROKIMIA) TAHUN 2022

Projek baharu ————— **Petroventure Energy Sdn. Bhd.**

Jumlah pelaburan:
RM5.1 bil

Pengeluaran produk petroleum, termasuk petroleum, minyak tanah, benzin, gas petroleum cecair, akrilik, sulfur, buburan (*slurry*), bahan api dan diesel

Akan membantu dalam memacu ekonomi Sabah di mana produk dari kilang penapisan ini akan mewujudkan rantaian bekalan baharu yang memberi manfaat




Projek Pembesaran (Fasa 3) ————— **ATT Tanjung Bin Sdn. Bhd.**

Jumlah pelaburan:
RM266.3 juta

Pengeluaran bitumen

19 peluang pekerjaan tambahan untuk
rakyat Malaysia sebagai kakitangan tetap



untuk mengurangkan karbon, mengitar semula dan memulihkan sumber. PETRONAS yang merupakan syarikat minyak nasional Malaysia telah mengumumkan aspirasinya untuk mencapai pelepasan karbon sifar-bersih menjelang tahun 2050.

Pelabur perlu memberi fokus kepada meningkatkan kecekapan sumber dan tenaga dalam proses pengeluaran produk petroleum termasuk industri petrokimia. Teknologi baharu dan inovatif lain yang digalakkan bagi bakal pelabur ceburi di Malaysia termasuk hidrogen hijau; penangkapan, penyimpanan dan penggunaan karbon (CCSU); dan kitar semula kimia termaju.

Pengeluaran hidrogen ‘hijau’ daripada sumber tenaga boleh diperbaharui (RE) yang menyumbang hanya kira-kira 0.1 peratus daripada jumlah keseluruhan pengeluaran semasa hidrogen kini boleh direalisasikan apabila kos tenaga boleh diperbaharui dan teknologi elektroliser terus menurun. Ini adalah penting kerana hidrogen digunakan dalam pengeluaran baja dan boleh menggantikan penggunaan bahan api fosil dalam pengangkutan, pemanasan dan penjanaan elektrik. Hidrogen ‘Turquoise’ merupakan bidang tambahan yang perlu dipertimbangkan.

Teknologi penangkapan, penyimpanan dan penggunaan karbon (CCUS) boleh diguna pakai di seluruh rantaian nilai tenaga. Salah satu mekanisme yang digunakan adalah menyuntik karbon dioksida

plastik yang dikitar semula. Hasil minyak daripada proses pirolisis kemudiannya boleh digunakan untuk menghasilkan polimer berkualiti tinggi yang boleh dipasarkan sebagai polimer kitaran yang diperakui. Ini membolehkan syarikat petrokimia memainkan peranan penting dalam mengurangkan pembuangan plastik di tapak pelupusan sampah dan kebocoran yang merosakkan alam sekitar di samping membolehkan mereka mendapatkan semula hidrokarbon berharga di dalam proses tersebut.

MITI bersama-sama dengan MIDA sedang menerajui usaha di peringkat kebangsaan untuk melaksanakan semua polisi, fasilitasi dan memberi sokongan yang diperlukan untuk memastikan Malaysia bersedia untuk menerima pelaburan baharu dalam industri hijau dalam beberapa tahun akan datang.



Produk Plastik

Industri produk plastik Malaysia terus menunjukkan pertumbuhan yang positif sepanjang tahun 2022 dengan mengekalkan trajektori pertumbuhannya daripada tahun-tahun sebelumnya. Ini selaras dengan tinjauan industri di peringkat global yang dijangka berkembang pada CAGR sebanyak 3.7 peratus dari tahun 2022 hingga 2030.

Eksport produk plastik mencapai RM17.3 bilion pada tahun 2022 berbanding RM15.9 bilion pada tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 8.8 peratus. Sementara itu, jumlah dagangan mencapai RM32.8 bilion iaitu peningkatan sebanyak 11.6 peratus berbanding tahun 2021 sebanyak RM29.4 bilion. Ini tidak termasuk eksport tidak langsung plastik sebagai alat ganti dan komponen untuk produk E&E, komponen automotif, bahan binaan, tekstil dan produk lain.

MIDA bersama-sama Persatuan Pengilang Plastik Malaysia (MPMA) dan pihak berkepentingan lain, terus memberi fasilitasi kepada pengilang produk plastik khususnya PKS, sepanjang tahun 2022. Sebagai contoh, beberapa siri penglibatan dengan MPMA telah diadakan untuk memberikan maklumat terkini kepada ahlinya tentang peranan MIDA dalam memberi fasilitasi dan meningkatkan industri plastik di Malaysia termasuk penggunaan Industry4WRD dan automasi. Persidangan MIDA-MPMA 2022 telah diadakan untuk memaklumkan ahli MPMA mengenai pelbagai fasilitasi dan bantuan Kerajaan yang memberi tumpuan kepada industri produk plastik. Industri ini dinasihatkan untuk mengukuhkan daya saingnya melalui pengambilalihan teknologi, peningkatan latihan kemahiran untuk kakitangan di semua peringkat dan meningkatkan keupayaan pemasaran.



MIDA bersama-sama Persatuan Pengilang Plastik Malaysia (MPMA) dan pihak berkepentingan lain, terus memberi fasilitasi kepada pengilang produk plastik khususnya PKS, sepanjang tahun 2022.


Melangkah ke tahun 2023, terdapat peluang pelaburan yang besar dari segi mempelbagaikan produk plastik berkualiti tinggi dan plastik kejuruteraan memandangkan pelaksanaan kitar semula plastik (digabungkan dengan infrastruktur pengurusan sisa berteknologi tinggi) dapat meningkatkan kelestarian keseluruhan industri terutamanya dari segi pematuhan ESG.

Khususnya, pelaburan digalakkan dalam bidang yang akan meningkatkan kitar semula mekanikal dan molekul. Pada masa ini, kitar semula mekanikal terhad kepada jenis-jenis plastik tertentu dan akan mendapat manfaat besar daripada produk atau teknologi yang meningkatkan fleksibiliti dan ketahanan jenis plastik yang boleh dikitar semula dan/atau digunakan semula. Kitar semula molekul yang meliputi teknologi penulenan, dipolimerisasi dan penukaran yang boleh memproses pelbagai jenis sisa plastik termasuk pembungkusan, tekstil, plastik penjagaan kesihatan dan bilah turbin angin akan membantu mengedarkan semula plastik yang pada masa ini tidak mempunyai penyelesaian pemulihian penggunaan akhir. Kitar semula sisa plastik adalah aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 dan pelabur mungkin layak dipertimbangkan galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan.

Dalam usaha menyokong agenda ESG yang dilaksanakan oleh kerajaan di seluruh dunia dan untuk meningkatkan kelestarian plastik, pemain industri plastik telah mengusahakan pelbagai inisiatif untuk mengurangkan tenaga, meningkatkan kitar semula dan mengurangkan sisa plastik. Selain daripada menangani isu serpihan plastik di peringkat serantau, Kerajaan Malaysia juga telah membangunkan Pelan Hala Tuju Ekonomi Kitaran untuk menangani isu sisa plastik yang tidak diurus dengan baik di dalam negara. Rangka Kerja Pelestarian Plastik Malaysia 2021-2030 telah dilancarkan pada 10 Disember 2021 oleh KASA.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PRODUK PLASTIK TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Peluang Pekerjaan



Produk Getah

Industri produk getah di Malaysia merupakan satu industri yang kukuh dan telah lama wujud, bahkan sebelum negara ini ditubuhkan. Pada hari ini, Malaysia merupakan pengeluar getah asli ketujuh terbesar dan pengguna kelapan terbesar di dunia. Malaysia mengeluarkan produk getah untuk kegunaan dalam tiga kategori utama iaitu tayar, produk getah perindustrian khusus dan bahan guna pakai seperti sarung tangan dan kasut. Kebanyakan getah asli yang ditanam di dalam negara digunakan untuk aplikasi tayar. Oleh itu, Malaysia merupakan pengimport utama getah asli dari Thailand.

Industri produk getah masih kekal signifikan bagi Malaysia kerana kepentingannya sebagai produk eksport. Negara ini merupakan penyumbang global utama dalam pengeluaran getah sintetik dan sarung tangan perubatan (sarung tangan pemeriksaan dan pembedahan), kondom dan kateter. Sehingga kini, terdapat sebanyak 190 pengilang Malaysia dalam segmen ini di mana 65 peratus sarung tangan dieksport ke seluruh dunia.

Permintaan untuk produk getah kekal tinggi pada tahun 2022 daripada pengeluar sarung tangan dan kateter walaupun permintaan dari Asia yang merupakan pasaran terbesar getah mengalami penurunan yang tinggi sebanyak 43 peratus. Sementara itu, komponen automotif getah, aplikasi kejuruteraan, produk pengguna dan kemunculan kayu getah untuk kegunaan biojisim dijangka akan turut meningkat. Pengurangan harga dan kenaikan gaji minimum yang lebih tinggi (yang meningkat sehingga 36 peratus pada bulan Mei 2022) di Malaysia serta peningkatan persaingan daripada PRC dan kenaikan harga gas asli kesan daripada konflik Rusia-Ukraine adalah antara cabaran yang dihadapi oleh industri pada masa ini.

Mengikut International Rubber Study Group (IRSG) yang berpangkalan di Singapura dalam laporan *World Rubber Industry Outlook* dwi-tahunannya, penggunaan getah di seluruh dunia meningkat sebanyak 11 peratus tahun ke tahun kepada 29.9 juta tan pada tahun 2021, di mana permintaan keseluruhan getah (termasuk getah asli dan getah sintetik) dianggarkan telah meningkat hanya sebanyak 1.8 peratus pada tahun 2022.

Pada masa yang sama, pengeluaran getah asli telah meningkat. Sebagai contoh, dari bulan Ogos hingga September 2022, pengeluaran global meningkat

sebanyak 71,000 tan metrik kepada 2.7 juta tan metrik berbanding tempoh yang sama pada tahun 2021, manakala permintaan global hanya mencapai 2.5 juta tan metrik dalam tempoh yang sama. Ini juga mempengaruhi harga getah pada tahun 2022.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2023, eksport global getah dan produk getah Malaysia dijangka meningkat dua kali ganda daripada RM71 bilion pada tahun 2021 atau mencapai sekurang-kurangnya RM140 bilion.

Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia (MARGMA) menjangkakan permintaan sarung tangan akan meningkat sebanyak 12 hingga 15 peratus pada tahun hadapan, manakala nilai eksport sarung tangan getah dari Malaysia akan meningkat sebanyak 10 peratus setiap tahun bermula dari tahun 2023 dan seterusnya.

Pengeluaran produk berdasarkan getah lain juga diunjurkan meningkat disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran tayar dan tiub berikutkan permintaan global yang memberangsangkan bagi kenderaan bermotor.

Pembangunan masa hadapan seperti Koridor Lateks Pantai Timur, pendigitalan melalui platform *My Rubber Online* dan aplikasi telefon pintar RRIM Niaga oleh Lembaga Getah Malaysia (MRB) akan menyokong pertumbuhan industri. Melalui penyelidikan berterusan, Malaysia mampu memastikan produk sentiasa menjalani proses penambahbaikan dan pembangunan dalam menghasilkan inovasi yang telah menjadikan produk getah Malaysia sebagai yang terbaik dalam kelasnya yang mematuhi piawaian antarabangsa yang ketat.



Masa depan industri produk getah adalah cerah terutamanya bagi syarikat yang berani menceburji bidang pertumbuhan baharu dan khusus seperti pembuatan produk getah premium; contohnya, alat ganti automotif, produk kegunaan isi rumah, keluaran

getah kejuruteraan, produk perindustrian, bahan pemulihan semula, tayar dan bahan pembinaan (*seismic bearings* untuk digunakan di negara yang terdedah kepada gempa bumi) yang diperlukan untuk membina dan memasang produk siap.

Usaha seperti ini sudah pasti akan melibatkan aktiviti R&D tambahan dan penggunaan teknologi pengeluaran yang lebih canggih berkaitan dengan automasi dan Industri 4.0. Kebanyakan pemain industri produk getah Malaysia telah bersedia dalam menghadapi cabaran ini. Menurut MARGMA, pada masa ini ahli mereka telah mengautomasikan sekurang-kurangnya 85% daripada operasi pengeluaran sarung tangan mereka.

Salah satu contoh terbaik bagi produk R&D adalah daripada syarikat Meditech Glove Sdn. Bhd., yang kini sedang bekerjasama dengan Universiti Cranfield di United Kingdom untuk membangunkan komposit getah generasi baharu bagi pembuatan belon aeroangkasa yang pertama seumpamanya di dunia. Penyelidikan ini telah menunjukkan potensi besar untuk dikomersialkan pada masa hadapan dan akan menggalakkan Malaysia untuk menghasilkan gred produk getah lebih tinggi.

Kerajaan Malaysia memberikan sokongan penuh kepada industri produk getah melalui penggubalan polisi yang bersesuaian, penglibatan pelbagai hala dengan negara pengeluar getah lain dan menyediakan infrastruktur pemboleh yang diperlukan bagi kejayaan dan pertumbuhan industri.

Getah merupakan salah satu daripada enam produk agrikomoditi yang akan mendapat manfaat secara langsung di bawah pelaksanaan NAP 2030 yang merancang untuk memperluaskan penggunaan getah di Malaysia kepada pembinaan jalan raya dan pengeluaran produk baru dan bernilai ditambah berdasarkan getah seperti *seismic bearings* dan sarung tangan getah. Malaysia juga akan bekerjasama dengan Thailand dan Indonesia di bawah rangka kerja Majlis Getah Tiga Pihak Antarabangsa (ITRC) untuk mengukuh dan menstabilkan harga pasaran getah dunia. Dalam memanfaatkan getah yang banyak terletak di kawasan sempadan antara Malaysia dan Thailand, Bandaraya Getah Kedah telah diwujudkan sebagai pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi dengan memupuk kerjasama dan integrasi serantau yang lebih kukuh di antara kedua-dua negara.


Dari segi kesan terhadap alam sekitar, ladang getah di Malaysia berada di tempat kedua selepas ladang kelapa sawit yang menekankan kepada keperluan yang serius terhadap pematuhan ESG di seluruh rantai nilai industri daripada pemerolehan sumber bahan mentah sehingga pengeluaran untuk kekal berdaya saing dan dikaitkan dengan rantai nilai global. Syarikat MNC sedang memantau pematuhan pengilangan hujung ke hujung mereka untuk diselaraskan dengan keperluan ESG.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PRODUK GETAH TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing

16 Projek Diluluskan

Jumlah **RM3.6 bil**



Projek Pembesaran/Pelbagaiannya berbanding Baharu

RM2.3 bil	63.9%	• 4 Projek Baharu
RM1.3 bil	36.1%	• 12 Projek Pembesaran/ Pelbagaiannya

Peluang Pekerjaan

7,385 Jumlah Peluang Pekerjaan

PROJEK PENTING DALAM PRODUK GETAH TAHUN 2022

Projek baharu

Yato Precision Engineering Sdn. Bhd.

Jumlah pelaburan: RM24.3 juta

100 peluang pekerjaan baharu

Syarikat milik penuh Malaysia

Pengeluaran produk dibentuk getah

22% daripada pengeluaran adalah untuk dieksport ke AS, Sweden, Singapura dan Belanda

Pemain industri yang didapati responsif terhadap trend global ESG dan mengambil langkah yang sewajarnya adalah sesuatu yang amat menggalakkan. Sebagai contoh, Mölnlycke Health

Care Sdn. Bhd., melalui pelan hala tuju penciptaan nilai bersamanya iaitu *WeCare* bertujuan untuk menyumbang ke arah matlamat kelestarian Malaysia seperti pengurangan penggunaan tenaga, pengurusan air sisa, pertumbuhan ekonomi dan inovasi dalam infrastruktur. *WeCare* ialah pelan hala tuju kelestarian Mölnlycke untuk pertumbuhan, inovasi dan memacu produktiviti syarikat.

Malaysia menyambut baik pemikiran tentang pertumbuhan hijau dan pembangunan lestari dalam industri getah asli di Malaysia yang memerlukan penggunaan bahan kimia bukan toksik dan pengisian hijau. Bakal pelabur boleh mempertimbangkan untuk menerajui R&D dalam menjadikan penggunaan bahan kimia bukan toksik dan pengisian hijau tersebut sebagai salah satu langkah yang menjimatkan kos agar lebih berdaya saing secara komersial.


NAP 2030 menekankan lima teras utama untuk menjadikan Malaysia sebagai pengekspor utama produk getah yang berkualiti dan dihasilkan secara lestari iaitu kelestarian, teknologi, penjanaan nilai ditambah, inklusiviti dan perkongsian sumber serta kekayaan. Pemain industri digalakkan untuk menerima Industri 4.0 dengan menggunakan teknologi untuk meningkatkan proses pengeluaran getah dan mewujudkan produk getah direkayasa yang bernilai ditambah di samping meningkatkan penggunaan getah hijau.




Syarikat Malaysia yang ingin meningkatkan tahap automasi dalam proses pengeluaran mereka dan menjalani transformasi digital untuk mengkomersialkan produk baharu layak untuk memohon bantuan melalui skim seperti Dana Intervensi Industry4WRD dan insentif Elaun Modal Automasi yang disediakan. Skim ini telah membantu dalam mengurangkan masalah kekurangan tenaga kerja dan meningkatkan proses automasi. Terdapat dua syarikat produk getah yang diluluskan untuk Elaun Modal Automasi pada tahun 2022.

Bantuan yang disediakan melalui insentif ini akan membawa kepada perubahan asas yang dapat meningkatkan kecekapan pengeluaran, ekonomi berskala dan latihan kemahiran semula pekerja. Kesemua elemen penting ini merupakan permulaan yang baik ke arah pematuhan ESG.


PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM SUBSEKTOR PERANTI PERUBATAN BERASASKAN GETAH TAHUN 2022



PROJEK PENTING DALAM PERANTI PERUBATAN BERASASKAN GETAH TAHUN 2022



Penggunaan Konsep Inovasi *Triple Helix* dalam Industri Elektrikal dan Elektronik (E&E)



- Model inovasi *triple helix* merujuk kepada kerjasama strategik di antara akademia, industri dan kerajaan untuk mempercepat pembangunan ekonomi dan sosial melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D)
- Berdasarkan teori oleh Henry Etzkowitz dan Loet Leydesdorff pada tahun 1990-an, model ini telah digunakan oleh negara maju dan negara membangun sebagai panduan merangka dasar yang penting untuk meningkatkan inovasi dan menggalakkan pembangunan ekonomi

Bagi menyokong, merancak dan mempercepatkan pertumbuhan industri E&E di Malaysia, Majlis Ekonomi telah mewujudkan satu platform kerjasama yang dikenali sebagai 'Penyelidikan Kolaboratif dalam Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST)' pada tahun 2012 dengan menggunakan model triple helix. CREST ditubuhkan untuk menggalakkan kerjasama strategik di antara akademia, industri dan kerajaan melalui R&D bagi meningkatkan inovasi dan menggalakkan pembangunan ekonomi.

CREST telah diberi mandat untuk mempromosikan dan menjalankan aktiviti R&D yang dipacu oleh industri dan pasaran bagi Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) sektor E&E. Unit Perancang Ekonomi (EPU), MITI dan MIDA merupakan tiga entiti kerajaan utama yang membantu dalam penubuhan CREST dari segi penyediaan geran kewangan dan kerjasama industri-akademia untuk aktiviti R&D yang telah ditetapkan. Platform CREST menghubungkan ketua-ketua projek R&D yang diluluskan oleh ahli Lembaga Pengarahnya dan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, YBhg. Datuk Wira Arham Abdul Rahman.

MIDA memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan model triple helix CREST. Menerusi rangkaian pemain industri yang komprehensif dalam sektor E&E, MIDA dapat mengenal pasti aktiviti R&D yang layak untuk diinovasikan supaya dapat memberikan manfaat kepada ekosistem industri. Penglibatan MIDA dalam CREST juga demi memastikan supaya pengeluaran dana selaras dengan keperluan industri bagi projek R&D dan memudahkan kerjasama dengan pemain industri tempatan dan asing serta penyelidik daripada universiti tempatan.

Projek kolaborasi R&D ini telah memberi manfaat kepada kedua-dua MNC dan PKS termasuk syarikat permulaan teknologi serta secara kolektif telah menyumbang dengan positif ke arah pembangunan industri E&E di negara ini.

PROJEK R&D YANG TELAH BERJAYA DIJALANKAN MENERUSI CREST

An illustration of a modern industrial facility with various workers and machinery. Below the main image are three circular icons representing different fields: a stethoscope with 'AI' for medical applications, a computer chip with 'AI' for technology, and a factory building for industry. To the left, text describes a stethoscope with AI. In the center, text describes a system for antenna design. To the right, text describes a GaN-on-GaN program.

Stetoskop didayakan dengan AI pertama di dunia

Sistem bantuan AI untuk reka bentuk antena RFID

Program *GaN-on-GaN* yang merupakan fasiliti bersepadu LED yang pertama di Malaysia yang telah berjaya menarik pelaburan asing bernilai RM4.88 bilion dan DDI berjumlah RM15 juta



Projek R&D yang dijalankan oleh CREST telah membolehkan MIDA mempromosikannya kepada pelabur tempatan. Mengikut kajian PricewaterhouseCoopers (PwC) mengenai keberkesanan CREST, sehingga kini, CREST telah berjaya menyiapkan 129 projek R&D dalam tujuh kluster utama teknologi E&E iaitu bahan dan pembungkusan termaju, dron tanpa pemandu dan kenderaan autonomi, sistem terbenam dan IoT, reka bentuk IC, ujian dan pengesahan, perkilangan pintar Industri 4.0, opto-elektronik, LED dan pencahayaan pepejal (*solid state*) dan projek elektrik yang lain. Daripada kesemua 129 projek R&D ini, sebanyak 100 projek adalah dalam Tahap Kesediaan Teknologi (TRL) 3-6, di mana tahap 3 melibatkan R&D yang efektif dan pengesahan ramalan manakala tahap 6 memerlukan pengeluaran prototaip dan mengadakan demonstrasi prototaip tersebut di dalam persekitaran simulası.

Selain menjadi platform kerjasama bagi projek R&D yang diterajui industri, CREST juga telah menghasilkan

lebih ramai bakat tempatan yang berkemahiran tinggi di dalam kluster teknologi E&E yang telah berjaya diambil bekerja oleh syarikat E&E. Kejayaan ini membuktikan bahawa program kolaborasi R&D yang berdasarkan model triple helix ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan.

MIDA yakin model *triple helix* yang diguna pakai oleh CREST boleh diperluas dan diterima pakai oleh industri lain bagi mempercepat inovasi melalui kolaborasi R&D atau kolaborasi rentas sempadan dengan institusi R&D asing seperti CETIM (Pusat Teknikal untuk Industri Mekanikal) di Perancis atau *Belgium's Interuniversity Microelectronics Centre* serta institusi dan perniagaan serantau dan tempatan yang lain.

MIDA akan terus menyokong dan memudahcara kerjasama seumpama ini sebagai sebahagian daripada komitmennya terhadap aspirasi negara yang selaras dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) dan amalan ESG.

MODEL TRIPLE HELIX MENINGKATKAN KEBOLEHPASARAN



Memastikan Keterjaminan Makanan Di Malaysia Pada Masa Hadapan



- Komitmen Malaysia terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu meletakkan inisiatif keterjaminan makanan sebagai teras usaha pembinaan negara. Dari tahun 2010 hingga 2050, jumlah permintaan makanan global dijangka meningkat antara 30 peratus kepada 62 peratus
- Sebaik sahaja pulih daripada COVID-19, kebanyakan kerajaan telah meletakkan lebih banyak halangan perdagangan untuk menjaga keterjaminan makanan negara
- Di tengah-tengah kelembapan ekonomi dunia, terdapat tumpuan baharu terhadap keselamatan sosial domestik memandangkan terdapat peningkatan ketidaksamaan dalam populasi negara

Malaysia menduduki tempat ke-41 di antara 113 negara dalam Indeks Keterjaminan Makanan Global (GFSI) pada tahun 2022. Negara sangat bergantung kepada pengimportan produk makanan penting dan produktiviti pertanian negara adalah sebanyak 45 peratus daripada purata bagi negara berpendapatan tinggi. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), barang pertanian dan makanan diproses (tidak termasuk produk minyak sawit) yang diimport mencapai RM81.9 bilion pada tahun 2022 berbanding yang dieksport iaitu sebanyak RM44 bilion. Selain daripada kekurangan makanan semasa seperti

ayam dan telur dalam negara, kebimbangan terhadap keterjaminan makanan terus meningkat disebabkan oleh bekalan baja dan bahan pertanian yang terhad yang berpunca daripada isu-isu berkaitan dengan konflik Rusia-Ukraine serta negara-negara yang terdedah kepada bencana banjir serta perubahan iklim.

Sektor pertanian Malaysia telah lama mengutamakan eksport tanaman tunai dengan menjadikan pengeluaran tanaman makanan yang makin meningkat sebagai keutamaan kedua sejak dulu lagi. Sektor ini masih didominasi oleh isu seperti ketersediaan tanah pertanian, kekurangan tenaga kerja dan teknologi rendah.

Sebagai tindak balas terhadap isu-isu tersebut, termasuk juga isu kualiti pengeluaran dan kebergantungan yang tinggi kepada buruh manual dan asing, Kerajaan Malaysia telah menggubal Kerangka Sekuriti Makanan Negara (KSMN) dengan mengambil kira ketersediaan, aksesibiliti, penggunaan dan kelestarian makanan asas. Komponen ini akan disokong oleh analisis dasar, penyelarasan dalam pemangkin dan perancangan penstruktur merentasi agensi dan kementerian Kerajaan yang merangkumi aspek penting dalam kelestarian sumber makanan, pekerjaan, kesan perubahan iklim, kewangan dan pembesaran perniagaan.

Mentransformasikan sektor pertanian bagi meningkatkan pengeluaran melalui 'pertanian pintar' memerlukan penggunaan teknologi baharu seperti automasi pertanian, *big data analytics*, dron dan kecerdasan buatan. Selain itu, menerusi penyatuan ladang-ladang kecil bagi

AGENSI BERKAITAN YANG MEMBERI SOKONGAN

Memandangkan Kerajaan serius dalam menangani agenda keterjaminan makanan, agensi-agensi berkaitan memberikan sokongan melalui pelbagai inisiatif seperti berikut:

1. Skim Pembiayaan Agromakanan oleh Bank Negara Malaysia dengan kadar faedah rendah untuk usahawan agrimakanan bagi meningkatkan pengeluaran
2. Program Pelaburan Agrovest untuk syarikat permulaan pertanian oleh Agrobank
3. Bantuan pembiayaan untuk pekebun kecil oleh Khazanah Nasional
4. Program Agtech Digital untuk pekebun kecil oleh MDEC
5. PKS Agrofood untuk menjalankan automasi dan pendigitalan melalui Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad
6. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) melanjutkan kemudahan cukai untuk pengeluaran agrifood dan aktiviti pertanian persekitaran terkawal
7. Elaun Modal Automasi untuk syarikat berdasarkan pertanian
8. Fasilitasi Status Bionexus oleh Bioeconomy Corporation





membolehkan pengurusan yang lebih cekap untuk menggalakkan ekonomi berskala besar dapat membantu mendapatkan keuntungan yang lebih tinggi dan pada masa yang sama menambahkan minat mereka terhadap pemprosesan makanan.

Menurut MAFS, penggunaan tanah di Malaysia untuk tujuan penanaman makanan menurun kepada 1.2 juta hektar pada tahun 2020 berbanding tujuh juta hektar untuk pokok kelapa sawit dan getah. Kerajaan bercadang untuk membangunkan sehingga 800 ekar tanah terbengkalai milik agensi kerajaan persekutuan seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan juga agensi-agensi di bawah MAFS.

Agenda keterjaminan makanan Malaysia juga disokong dengan kajian semula yang komprehensif bersama pihak berkuasa negeri bagi memastikan kelestarian jangka masa panjang. Dengan sokongan berterusan dan hubungan rapat dengan pihak berkepentingan Kerajaan, lebih 600 syarikat sedia ada yang diluluskan oleh MAFS dalam sektor pertanian dan lebih 2,500 syarikat yang diluluskan oleh MIDA dalam industri pengilangan makanan bukan sahaja mampu menerajui dan melaksanakan pemodenan serta pembesaran, malah mereka juga berupaya memberi inspirasi kepada lebih ramai usahawan untuk memasuki industri penting dan berpotensi ini.

MIDA: BARISAN HADAPAN RANTAI MAKANAN MALAYSIA



MIDA komited terhadap agenda keterjaminan makanan Malaysia dengan menyediakan bantuan untuk syarikat pemprosesan makanan hilir. Pelabur berpotensi yang berminat dengan pengilangan produk makanan atau bahan makanan bernilai tambah tinggi layak untuk dipertimbangkan salah satu daripada insentif berikut:





Taraf Perintis (TP) dengan **pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70%** daripada pendapatan berkanun untuk tempoh lima tahun bagi projek baharu



Elaun Cukai Pelaburan (ECP) sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh lima tahun daripada tarikh perbelanjaan modal layak pertama. Elaun tersebut boleh digunakan untuk **membuat penolakan bagi 70% daripada pendapatan berkanun** untuk setiap tahun taksiran




Syarikat sedia ada dalam pemprosesan makanan dan kemudahan rantaian sejuk yang melabur semula dalam projek yang layak berpotensi untuk dipertimbangkan TP dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun ke atas pelaburan semula untuk tempoh lima tahun atau ECP sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal layak tambahan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun, di mana elaan boleh digunakan untuk membuat penolakan bagi **70% daripada pendapatan berkanun** untuk setiap tahun taksiran



Pelaburan baharu dalam pengeluaran makanan halal yang menggunakan jentera dan peralatan (M&E) moden dan canggih untuk menghasilkan makanan diproses halal berkualiti tinggi dengan pematuhan keselamatan makanan global dan telah mendapat pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) layak dipertimbangkan untuk mendapat **ECP sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal layak** yang dilakukan dalam tempoh lima tahun

3.0





PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN

Ketua Pakar Ekonomi Tabung Rewangan Antarabangsa (IMF) menegaskan bahawa prospek ekonomi global tidak merundum tetapi perjalanan untuk kembali pulih sepenuhnya dengan pertumbuhan lestari, harga stabil dan kemajuan untuk semua yang baharu, baru sahaja bermula. Secara ringkasnya, sekiranya tiada kejutan baharu, 2023 boleh menjadi tahun bermulanya titik perubahan dengan pertumbuhan kembali pulih dan inflasi yang semakin menurun.

Pierre-Olivier Gourinchas, Ketua Pakar Ekonomi IMF
(IMF World Economic Outlook, Remaskini Januari 2023)



3.1

MEMUDAHKAN LANDASAN

Pertumbuhan positif pelaburan strategik dalam sektor perkhidmatan memperkasakan Malaysia untuk mencapai pertumbuhan ekonomi, kecekapan sumber, kelestarian alam sekitar dan keterangkuman sosial. Tema pertumbuhan ekonomi digital menyeluruh adalah berpandukan Dasar Pelaburan Baharu (NIP) bagi tempoh 2022-2027.



Pasaran perkhidmatan global dijangka berkembang daripada US\$12.58 trilion pada tahun 2021 kepada US\$14.06 trilion dalam pada 2022 pada kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) sebanyak 11.7 peratus seperti yang diunjurkan oleh *Research and Markets' Services Global Market Report 2022*. Sektor perkhidmatan adalah pemangkin untuk aktiviti ekonomi lain termasuk menghubungkan rantaian bekalan dan memudahkan cara perdagangan barang pengeluaran. Peningkatan penggunaan digital sebagai langkah untuk perniagaan bertahan, pulih dan berkembang turut menyumbang kepada pengembangan pasaran perkhidmatan. Adalah dijangka nilai diunjurkan akan mencecah US\$20.86 trillion pada tahun 2026 pada CAGR 10.4 peratus.

Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik untuk perniagaan. Ekonomi kembali normal dan menuju ke arah tahap endemik selepas pembukaan semula sempadan antarabangsa pada bulan April 2022. Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2021 Bank Negara Malaysia mengunjurkan bahawa sektor perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan pada tahun 2022 dengan pertumbuhan KDNK sebenar sebanyak 6.9 peratus di mana unjuran ini telah pun diatasi pada separuh pertama tahun 2022.

Memandangkan pelaburan dalam sektor perkhidmatan terus menyokong pembangunan ekonomi Malaysia, ekonomi digital telah menjadi tema kejayaan perniagaan. Kesimpulannya, perniagaan bukan lagi perniagaan seperti biasa dan sektor perkhidmatan secara kolektif sedang menuju ke arah anjakan paradigma ini.


SOROTAN SEKTOR PERKHIDMATAN TAHUN 2022

 **3,581**
Bilangan Projek Diluluskan

 **RM154 bil**
Jumlah Pelaburan


 Kenaikan sebanyak **RM57 bil** berbanding 2021

Di Malaysia, sektor ini terus menjadi tunjang pertumbuhan ekonomi negara yang menyumbang sebanyak **58.2%** daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Sektor ini mempunyai prestasi yang cemerlang walaupun berlakunya pandemik



 **63,464**
Jumlah Peluang Pekerjaan

LIMA PENYUMBANG TERBESAR PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN TAHUN 2022



Sektor Perkhidmatan	Jumlah Pelaburan (RM juta)	
	2022	2021
Jumlah	153,966	96,984.3
1 Maklumat dan Komunikasi	84,707	11,037.6
2 Hartanah	28,888.3	28,811.7
3 Perkhidmatan Kewangan	11,196.1	12,029.7
4 Utiliti	10,776.2	9,611.5
5 Perdagangan Pengedaran	6,232.4	3,598.9

Pelaburan Lestari Untuk Masa Hadapan

Kriteria utama untuk pelaburan masa hadapan ialah kelestarian. Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) telah menggariskan rangka kerja yang komprehensif untuk mencapai visi ini dengan memberi tumpuan kepada tarikan pelaburan bernilai tinggi untuk mempercepatkan pertumbuhan negara.

NIP dirangka untuk mencapai dasar pelaburan dan pembangunan negara yang menyeluruh. Selaras dengan dasar ini, MIDA akan memudahkan tarikan pelaburan di dalam ekonomi digital dengan inovasi sebagai tunggak untuk meningkatkan lagi kompleksiti ekonomi seperti yang digariskan sebagai salah satu keutamaan dalam NIP.

INISIATIF UTAMA YANG DIJALANKAN OLEH MIDA BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN TAHUN 2022



1

Pejabat Pelaburan Digital (DIO) - Pencapaian

Dengan menjalankan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan digital yang berkaitan, DIO dapat mengenal pasti dan menangani jurang digital dalam mempercepatkan usaha digital di negara ini



Usaha berterusan termasuk penggubalan dasar sedang dijalankan untuk memastikan **Malaysia kekal sebagai hab digital pilihan di rantau ini**



Sejak penubuhannya, DIO telah berada di landasan yang betul untuk mencapai KPI yang ditetapkan iaitu pelaburan berjumlah RM70 bilion dalam projek pendigitalan menjelang tahun 2025. Ini adalah selaras dengan pelaburan yang disasarkan dalam pelan tindakan MyDIGITAL



2

Pasukan Petugas Penyelarasan Pelaburan Pusat Data (DCICTF)

DCICTF merupakan platform untuk mempercepatkan pelaksanaan projek Pusat Data dan membantu dalam merangka strategi bagi pembangunan industri pusat data



MIDA sebagai urusetia bersama untuk pasukan petugas ini bersama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) akan memastikan isu dan cabaran berkaitan pelaksanaan projek dikendalikan secara proaktif

Hasil ekspedisi akan mengukuhkan lagi infrastruktur dan kesalinghubungan digital di Malaysia



3


Pengecualian Syarat Ekuiti Bumiputera ke atas Pembelian Tanah untuk Projek Pusat Data

Kabinet Malaysia pada 20 Julai 2022 telah memberikan pengecualian 30 peratus syarat ekuiti Bumiputera ke atas pembelian tanah bagi memudahkan syarat pemilikan syarikat terpilih dalam memperoleh tanah bernilai lebih daripada RM20 juta dan ke atas



Kelulusan menyeluruh ini diberikan sehingga tahun 2025 dan projek yang dipilih mesti dilaksanakan dalam tempoh dua (2) tahun

Pengecualian syarat ekuiti Bumiputera diharap akan membawa **impak positif ke arah memudahkan pelaburan digital di Malaysia**





4

Pindaan kepada takrif Syarikat R&D Kontrak dan Syarikat R&D di dalam Akta Penggalakan Pelaburan (PIA), 1986 termasuk permohonan kelulusan sebagai Syarikat Berstatus R&D

Mengikut Rang Undang-undang Kewangan 2021, berkuat kuasa dari 1 Januari 2022, takrifan '**Syarikat R&D Kontrak**' dan '**Syarikat R&D**' di bawah seksyen 2 PIA memerlukan syarikat diluluskan sebagai Syarikat Berstatus R&D oleh MITI. Kelulusan Syarikat Berstatus R&D akan diberikan selama lima (5) tahun dan layak untuk lanjutan tertakluk kepada pertimbangan MITI dan Kementerian Kewangan (MOF)

Syarikat yang menjalankan aktiviti perkhidmatan R&D, iaitu syarikat R&D Kontrak dan syarikat R&D yang ingin memohon insentif cukai R&D akan diberikan status R&D (tertakluk kepada kelulusan MITI) untuk tempoh lima (5) tahun. Syarikat yang diluluskan dengan status ini boleh memohon pelanjutan dengan MIDA. Walau bagaimanapun, kelulusan adalah tertakluk kepada pertimbangan MITI dan MOF





5

Zon Pelaburan Pelancongan Khas (STIZ)

Kerajaan telah melancarkan Dasar Pelancongan Negara (NTP) 2020-2030 untuk merancakkan industri pelancongan negara dengan sasaran untuk menjadikan Malaysia di antara 10 destinasi pelancongan global teratas dalam ketibaan dan perbelanjaan pelancong

Pendekatan utama adalah untuk memanfaatkan kerjasama sektor awam-swasta dan **menggalakkan pendigitalan untuk memacu inovasi dan daya saing ke arah pembangunan lestari dan inklusif** selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Pelan Eko Pelancongan Kebangsaan 2.0 dan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu



Dasar ini akan dilaksanakan melalui enam teras strategik utama termasuk transformasi tadbir urus, mewujudkan zon pelaburan pelancongan yang inklusif dan mempergiatkan pendigitalan dalam sektor pelancongan. Enam jawatankuasa kecil telah ditubuhkan untuk memastikan strategi ini dilaksanakan

MIDA telah dilantik untuk mengetuai Jawatankuasa Kecil Pelaburan (JKP) untuk membangunkan Zon Pelaburan Pelancongan Khas (STIZ) melalui perkongsian awam-swasta dan merangka strategi untuk menggalakkan pembangunan pelancongan bernilai tinggi di STIZ ini



MIDA dan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) telah menjalankan beberapa siri roadshow untuk mendapat penglibatan pihak berkepentingan dan pihak berkuasa di seluruh Malaysia dalam mengenal pasti potensi STIZ





3.2

PERKHIDMATAN MEMBERANGSANGKAN

Sektor perkhidmatan telah mencapai kejayaan yang memberangsangkan dalam menarik para pelabur apabila negara beralih kepada tahap endemik. Dengan kemajuan digital yang menggariskan pertumbuhan, subsektor yang menjadi penyumbang terbesar kepada pertumbuhan pelaburan diterajui oleh maklumat dan komunikasi, perdagangan pengedaran, kesihatan dan R&D.



Pertubuhan Global

Selaras dengan keperluan perniagaan semasa yang semakin berkembang, Syarikat Multinasional (MNC) sedang mengkonfigurasi semula struktur hab mereka dengan memindahkan semula fungsi ibu pejabat sebagai strategi untuk mendekatkan lagi kedudukan mereka dengan pasaran sasaran dan rantaian bekalan di luar wilayah asal mereka. Malaysia yang terletak di tengah-tengah Asia Tenggara menawarkan kedudukan menarik untuk MNC dari segi ketersediaan bakat global, kos yang kompetitif, serta akses kepada pasaran ASEAN dan pelbagai rakan dagangan dua hala.

Kuasa perubahan baharu membawa model struktur hab yang lebih tirus yang memberi tumpuan kepada fungsi perniagaan yang paling strategik dan inovatif. Daripada mengendalikan operasi menerusi satu pusat arahan, ibu pejabat serantau baharu akan berfungsi sebagai hab kerjasama dinamik yang menghubungkan para profesional daripada jabatan yang merentas fungsi dengan menerapkan kepakaran digital dan penyelesaian secara interaktif.

Perkembangan ini sejajar dengan aspirasi Kerajaan Malaysia—seperti yang ditekankan di dalam RMKe-12 untuk menjadi ekonomi berdasarkan pengetahuan dengan menarik lebih banyak syarikat untuk menyediakan perkhidmatan yang bernilai tambah tinggi dalam menjadikan negara ini sebagai Hab Perkhidmatan Global mereka. Sebagai menyokong


komitmen Kerajaan untuk mencapai karbon neutral menjelang tahun 2050, banyak hab pengedaran dikuasakan oleh panel solar di atas bumbung dan menggunakan sistem pemantauan kuasa untuk kecekapan tenaga. Selain itu, terdapat juga syarikat yang menggunakan sistem penuaan air hujan untuk kegunaan dalaman dan luaran. Secara bersama, inisiatif-inisiatif ini membentuk sebahagian daripada strategi untuk hab ini mencapai pematuhan dengan pensijilan Kepimpinan dalam Reka Bentuk Tenaga dan Alam Sekitar (LEED) yang merupakan salah satu daripada sistem penarafan bangunan hijau yang paling banyak digunakan.

Sejak insentif Hab Prinsipal (PH) mula diperkenalkan pada bulan Mei 2015, MIDA telah meluluskan sejumlah 46 projek PH setakat ini dengan komitmen syarikat untuk melakukan perbelanjaan perniagaan bernilai RM68.8 bilion dan mewujudkan 10,866 pekerjaan dalam sektor seperti elektrik dan elektronik (E&E), pengangkutan, kimia dan teknologi makanan.

“

Malaysia yang terletak di tengah-tengah Asia Tenggara menawarkan kedudukan menarik untuk MNC dari segi ketersediaan bakat global, kos yang kompetitif, serta akses kepada pasaran ASEAN dan pelbagai rakan dagangan dua hala.

PRESTASI PROJEK HAB PRINSIPAL TAHUN 2022



PROJEK HUB PRINSIPAL PENTING TAHUN 2022



Mamee Double-Decker Distribution (M) Sdn. Bhd.

Selama lebih daripada 51 tahun, pengkhususan pengeluaran Mamee adalah dalam pengeluaran makanan dan minuman ringan di bawah jenama keluaran tempatan seperti Mamee Monster dan Mister Potato. Mamee baru menuju ke Pejabat Serantau pada tahun 2022 untuk mengedarkan lebih daripada 50 produk mereka ke lebih daripada 80 negara di seluruh dunia

- Hab ini akan mengurus dan menyokong kemudahan pengilangan Mamee di seluruh Malaysia, Indonesia dan Myanmar
- Melibatkan perkhidmatan rantaian bekalan seperti perolehan berpusat, aktiviti pemasaran untuk syarikat berkembang ke pasaran baharu dan fungsi perkhidmatan perkongsian yang disatukan untuk kewangan, IT dan HR
- Menyediakan kapakan profesional dan sokongan pengurusan kepada entiti Mamee di seluruh rantau ini
- Membangunkan keupayaan untuk mendapatkan sumber dan mengintegrasikan pengeluar pihak ketiga ke dalam rantaian bekalan global bersepada secara menegak

Pejabat Perwakilan / Pejabat Wilayah (RE/RO)

Syarikat asing boleh menuju ke Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau (RE/RO) di Malaysia sebagai pangkalan hadapan untuk menyelaras dan menyokong operasi mereka di rantau Asia Pasifik. RE dan RO ini digunakan untuk mengumpul maklumat dan menilai kebolehlaksanaan bagi syarikat induk mereka membuat keputusan komitmen pelaburan jangka panjang.

SOROTAN RE/RO TAHUN 2022



Maklumat dan Komunikasi

Malaysia adalah destinasi perniagaan digital yang semakin popular dengan pelbagai peluang pelaburan dalam infrastruktur digital seperti pusat data dan kabel dasar laut, penyediaan perkhidmatan IT, teknologi kandungan kreatif dan perkhidmatan perniagaan global digital. Kerajaan mengiktiraf keperluan untuk membangunkan sektor berteknologi tinggi ke arah meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi Malaysia seiring dengan evolusi pesat dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang semakin meningkat.

Sektor ICT merupakan salah satu daripada sektor yang paling pesat berkembang dalam pasaran Malaysia. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia

(DOSM), sumbangannya kepada ekonomi pada 2021 berkembang pada kadar 12.1 peratus berbanding 10.5 peratus pada 2020 dengan nilai berjumlah RM359.3 bilion. Di samping itu, sektor ICT menyumbang 23.2 peratus kepada KDNK, di mana nilai ditambah kasar Industri ICT (GVAICT) menyumbang 14 peratus manakala e-dagang industri lain menyumbang 9.2 peratus.

Teknologi baru muncul seperti Kecerdasan Buatan (AI), *Internet of Things* (IoT), analisis data besar dan rantaian blok sedang mengubah ekonomi global dan masyarakat moden. Kini syarikat amat digalakkan untuk menerima pendigitalan dan merebut peluang yang semakin meningkat ekoran daripada kemunculan trend baru ini.

Inisiatif Berpacukan Digital

Usaha bersepada oleh Kerajaan untuk menetapkan asas yang kukuh bagi ekonomi digital negara adalah merangkumi pengembangan infrastruktur, pembangunan dasar, promosi pelaburan, kesedaran terhadap kelestarian dan pembangunan bakat. MIDA dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah menubuhkan Pejabat Pelaburan Digital (DIO) untuk mengkoordinasi dan menyelaras pelaburan digital ke dalam negara sementara menyediakan kemudahan menyeluruh untuk pelabur dan membantu mereka merealisasikan pengembangan perniagaan mereka di Malaysia.

DIO komited untuk menarik pelaburan digital yang merangkumi teknologi berkualiti tinggi dan lestari bernilai RM70 bilion untuk mempercepatkan usaha

pendigitalan menjelang tahun 2025. Inisiatif ini adalah tepat pada masanya dan selaras dengan evolusi landskap pelaburan global ke arah pendigitalan dan Industri 4.0 yang mewujudkan cadangan nilai yang unik dan menarik bagi projek digital yang melibatkan infrastruktur digital seperti pusat data dan kabel dasar laut serta projek teknologi digital yang menggunakan teknologi Industri 4.0.


DIO juga menyokong penyediaan dasar masa depan dan panduan tentang keperluan bakat, rangkaian infrastruktur digital sambil menangani isu operasi yang dihadapi oleh perniagaan di luar jangkauan wabak. Usaha yang dijalankan oleh MIDA melalui pejabat cawangannya di peringkat tempatan dan antarabangsa serta melalui platform kemudahan digitalnya dengan agensi rakan kongsi dijangka akan menyumbang secara positif dalam memenuhi keperluan industri digital yang semakin berkembang.

Bagi mengukuhkan ekosistem digital negara, skim Pecutan Ekosistem Digital (DESAC) telah diperkenalkan melalui Bajet 2022. MIDA menyedari bahawa dasar dan peraturan yang tangkas adalah penting dalam menggalakkan lebih banyak pelaburan digital. Rangka kerja kawal selia sedia ada perlu responsif kepada model perniagaan berinovatif generasi akan datang yang timbul daripada pertumbuhan ekonomi digital dan teknologi digital yang berubah dengan pantas. DESAC bermatlamat untuk menggalakkan infrastruktur digital berkualiti ke dalam negara bagi mempercepatkan pembangunan rantaian nilai ekonomi digital.

AKAUN SATELIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI 2021

ICT menyumbang
23.2% kepada KDNK
dengan pertumbuhan **12.1%**.

RM359.3 bil
2020: RM320.4bil



Nilai Ditambah Kasar Industri ICT (GVAICT)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Pada 4 Julai 2022, Kerajaan melancarkan inisiatif Malaysia Digital (MD) untuk menggantikan Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia yang dipacu oleh Kementerian Komunikasi dan Digital melalui MDEC. Inisiatif MD adalah bertujuan untuk mewujudkan limpahan ekonomi digital yang besar melalui akses saksama kepada peralatan digital, pengetahuan dan peluang pendapatan.

Projek Diluluskan pada tahun 2022

Sektor perkhidmatan yang pelbagai di Malaysia terus melalui proses pendigitalan untuk meningkatkan rantaian nilai dan merangsang kecekapan operasi melalui kerja jarak jauh dan automasi di mana kedua-duanya adalah trend yang meningkat dengan pantas apabila negara beralih kepada tahap endemik dan menerusi penggunaan IoT untuk perkhidmatan baharu.


Subsektor maklumat dan komunikasi meliputi aktiviti berkaitan perkhidmatan ICT, telekomunikasi, status MSC, status MD (terdahulu dikenali sebagai

status MSC), perisian komputer, penyiaran dan kandungan kreatif.

Jumlah pelaburan yang diluluskan untuk status MSC pada tahun 2022 adalah RM5 bilion iaitu jumlah yang hampir sama disumbangkan oleh pelaburan domestik dan asing dan dijangka akan menjana 7,763 peluang pekerjaan. Sementara itu, projek berstatus MD yang diluluskan sejak penubuhannya (pada bulan Julai 2022) untuk tahun 2022 berjumlah RM43.1 bilion dan ianya berpotensi untuk mewujudkan 5,571 peluang pekerjaan. Jumlah pelaburan di bawah status MD juga termasuk projek yang diluluskan di bawah skim insentif DESAC.

Bagi subsektor telekomunikasi, berdasarkan data kelulusan pelaburan yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang hanya meliputi sembilan bulan pertama 2022, pelaburan berjumlah RM3.7 bilion telah diluluskan yang didorong sepenuhnya oleh sumber domestik.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DAN PROJEK PENTING DALAM ICT TAHUN 2022



Kesalinghubungan – Daya Penggerak di Sebalik Transformasi Digital

Melangkah ke hadapan, sektor ICT dijangka berkembang sebanyak 4.6 peratus pada tahun 2023 yang terutamanya akan dipacu oleh peningkatan penggunaan digital merentas semua sektor ekonomi. Fasa 2 Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) dijangka akan meningkatkan kesalinghubungan digital melalui penggunaan akses tanpa wayar tetap. Sehingga bulan Jun 2022, sebanyak 95.8 peratus daripada semua kawasan berpenduduk mempunyai akses kepada rangkaian 4G di bawah program JENDELA. Sementara itu, kelajuan jalur lebar telah meningkat kepada 47 megabit sesaat (Mbps) yang melebihi sasaran 35 Mbps sebagai sebahagian daripada Fasa 1 yang berakhir pada bulan Disember 2022.

Berikutnya ini, liputan 5G akan diperluaskan kepada 80 peratus daripada kawasan berpenduduk negara menjelang tahun 2024. Sebanyak 839 tapak telah disediakan kemudahan jalur lebar satelit manakala perkhidmatan 5G disediakan di kawasan terpilih di Cyberjaya, Putrajaya dan Kuala Lumpur. Tambahan pula, pelaburan berkualiti tinggi dalam infrastruktur berkaitan digital seperti pusat data dan perkhidmatan pengkomputeran awan serta pertumbuhan berterusan dalam aktiviti e-dagang dan hiburan atas talian akan meningkatkan lagi subsektor tersebut.

Inisiatif ESG oleh Pusat Data Malaysias

Dengan pecutan transformasi digital yang berterusan, adalah dijangkakan permintaan terhadap penyelesaian pengkomputeran dan digital akan meningkat. Menurut Technavio iaitu sebuah firma penyelidikan pasaran yang berpangkalan di London, pasaran pusat data di Malaysia dijangka akan berkembang sebanyak US\$2.08 bilion (RM8.8 bilion) di antara 2021 dan 2026. Pertumbuhan pasaran yang ketara ini akan dipacu oleh pelaburan dalam pembesaran dan pembinaan kemudahan pusat data baharu.

Memandangkan pusat data menggunakan tenaga elektrik pada kadar yang tinggi yang akan turut menyumbang kepada pelepasan karbon, pengusaha pusat data sentiasa mencari cara inovatif untuk meningkatkan kecekapan tenaga dan mempromosikan ESG. Membina pusat data yang lebih hijau secara proaktif mengikut dasar Kerajaan adalah kritikal dalam memastikan jejak karbon diurus dengan baik.

Kerajaan mengiktiraf kepentingan pelaburan pusat data sebagai tulang belakang kepada infrastruktur digital negara dan telah mengumumkan peruntukan dan pengagihan 1,200 MW RE untuk tenaga solar. Ini termasuk bekalan elektrik ke pusat data semasa Sidang Kemuncak Tenaga Lestari Antarabangsa (ISES) ke-5 pada 29 Ogos 2022.

Syarikat pusat data global mempunyai sasaran korporat untuk mengurangkan jejak karbon mereka dan ketersediaan RE merupakan faktor penting dalam menarik pelaburan sedemikian. MNC Malaysia juga memainkan peranan mereka seperti mana YTL Power menggunakan tenaga solar untuk menggerakkan kampus pusat datanya.

Akhirnya, amalan ESG yang berpandangan ke hadapan akan memberi manfaat kepada alam sekitar dan masyarakat. Dengan mengambil peranan proaktif dalam mempromosi dan melaksanakan inisiatif kelestarian, industri pusat data Malaysia akan berada pada kedudukan terbaik untuk melaksanakan peranan pentingnya dalam menghubungkan ekonomi global.

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Pengurusan dan penggalakan pelaburan R&D adalah penting apabila Malaysia mara menuju matlamatnya untuk diiktiraf sebagai negara yang dipacu pengetahuan dengan transformasi sosio-ekonomi dan pertumbuhan inklusif. Bagi mencapai sasaran RMKe-12 iaitu Perbelanjaan kasar R&D (GERD) sebanyak 2.5 peratus menjelang tahun 2025, (berbanding 1.44 peratus pada tahun 2019), tumpuan mesti ditujukan kepada memupuk kerjasama antara sektor swasta, akademik dan Kerajaan, memperkemas fasilitasi R&D dan pengkomersilan R&D.

Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (NPSTI) 2021-2030 telah menggariskan strategi dan rancangan untuk mencapai aspirasi STI negara. Sepuluh program lonjakan sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) telah digubal di bawah pelan ini untuk mencapai matlamat GERD sebanyak 3.5 peratus menjelang tahun 2030. Penyertaan sektor swasta dari segi pembiayaan dan penerimaan adalah penting untuk kemajuan R&D dan 70 peratus daripada perbelanjaan R&D dijangka akan datang daripada pembiayaan modal teroka, dana endowmen dan sumber antarabangsa lain untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan. Setakat tahun 2020, nisbah

perbelanjaan R&D di antara sektor awam dan swasta adalah 35:65; dan 40 peratus GERD terdiri daripada ujikaji penyelidikan pembangunan.

Pengkomersilan R&D merupakan matlamat utama kerana ia mencipta nilai dan membolehkan negara bersaing dalam ekonomi dunia menerusi produk inovatif dan kompetitif yang boleh dieksport.

Kerajaan telah meluluskan 99 projek dan program penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan inovasi pada tahun 2021 dan 2022 bernilai RM5.6 bilion. Komitmen Malaysia untuk merancakkan semula R&D juga dicerminkan dalam RMKe-12 dengan penubuhan Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) di bawah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Antara fungsi utamanya ialah untuk memantau kualiti pelaburan R&D dan memastikan sekurang-kurangnya separuh daripada perbelanjaan R&D adalah ke arah ujikaji penyelidikan pembangunan yang berpotensi komersial. RMU juga akan memastikan bahawa faedah

cukai yang diberikan kepada syarikat yang layak sebenarnya dapat menghasilkan pemindahan teknologi seperti yang diingini.

Kerajaan memberi mandat kepada MIDA untuk menggalakkan pelaburan dalam R&D dengan insentif bagi pelbagai peringkat operasi perniagaan R&D. Insentif R&D utama termasuk Status R&D, Syarikat R&D Kontrak, Syarikat R&D dan R&D Dalaman. Syarikat R&D ialah syarikat yang menyediakan perkhidmatan R&D di Malaysia kepada syarikat berkaitan atau kepada mana-mana syarikat lain. Ini membolehkan pelanggan syarikat Status R&D menikmati potongan dua kali ke atas perbelanjaan R&D.

MIDA memainkan peranan penting dalam kerjasama dengan Pusat Penyelidikan Kolaboratif Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST) dan industri E&E bagi R&D dan pengkomersilan yang dipacu pasaran, pembangunan bakat dan keterlibatan rangkaian industri. MIDA komited untuk terlibat sama dengan

SOROTAN R&D DARI TAHUN 2017 HINGGA 2022



Jenis	PELABURAN AKTIVITI R&D DARI TAHUN 2017 HINGGA 2021				
	Bil	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
R&D Kontrak	9	285	157.5	-	157.5
R&D Dalaman	6	76	20.8	130.3	151.1
Syarikat R&D	3	39	1.4	22.5	23.8
Pra-pakej R&D	2	134	42.9	66.5	109.5
Status R&D	13	543	28.7	130.5	159.2
Jumlah	33	1,077	251.3	349.8	601.1

Nota: Data kumulatif di atas adalah projek yang diluluskan oleh MIDA untuk tempoh lima tahun

PELABURAN AKTIVITI R&D DILULUSKAN TAHUN 2022 OLEH MIDA

Jenis	2022				
	Bil	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
 Taraf R&D	3	91	20.8	3.5	24.3
 Syarikat R&D	1	5	-	4	4
 R&D Kontrak	1	15	0.6	-	0.6
Jumlah	5	111	21.4	7.5	28.9

pelbagai pemain industri serta pihak berkepentingan yang berkaitan dalam ekosistem teknologi untuk memudahkan kerjasama strategik di antara pemain industri dan institusi penyelidikan R&D bersama universiti selaras dengan model inovasi *triple helix*.

Tinjauan untuk pelaburan R&D pada tahun 2023 adalah positif kerana terdapat banyak peluang terutamanya dalam sektor E&E di mana semikonduktor dan elektronik telah dikenal pasti sebagai pemboleh utama yang merentasi semua bidang pertumbuhan berpotensi untuk teknologi dalam pelbagai sektor perindustrian. Prestasi sektor E&E Malaysia telah mencabar aliran global yang menurun apabila penghantaran terus mengatasi prestasi jualan global pada bulan September 2022. Industri semikonduktor memainkan peranan penting dalam pembangunan aplikasi teknologi utama, termasuk komunikasi, pengkomputeran, penjagaan kesihatan, sistem pertahanan, mobiliti, tenaga bersih dan banyak lagi aplikasi teknologi mendalam yang lain.

Teknologi Hijau

Kerajaan adalah komited untuk mengubah landskap tenaganya daripada bahan api fosil kepada sumber tenaga yang lebih bersih iaitu berjanji untuk mengurangkan keamatan karbon seluruh ekonominya dengan menyasarkan pengurangan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) dan seterusnya menjadi negara karbon neutral menjelang tahun 2050. Pengenalan Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Diperbaharui Malaysia (MyRER) menyokong penyahkarbonan sektor bekalan elektrik selanjutnya dengan matlamat untuk meningkatkan komitmen kapasiti terpasang Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) semasa daripada 23 peratus (8.5 GW) pada tahun 2020 kepada sasaran 31 peratus

(12.9. GW) pada tahun 2025 dan 40 peratus (18 GW) menjelang tahun 2035.

Peningkatan kapasiti RE menyasarkan untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon dalam sektor bekalan elektrik sebanyak 45 peratus pada tahun 2030 dan 60 peratus pada tahun 2035. Inisiatif MyRER akan menjana limpahan ekonomi bernilai kira-kira RM20 bilion menjelang tahun 2025, RM33 bilion lagi menjelang tahun 2035 dan mewujudkan lebih kurang 47,000 pekerjaan dalam bidang RE. Sumber RE semasa negara diperoleh daripada solar, biojism, biogas dan kuasa hidro. Bagi menjelaskan keutamaan Kerajaan dalam tempoh 18 tahun akan datang, Dasar Tenaga Nasional 2022-2040 (DTN) telah diterbitkan dengan menyediakan butiran untuk sektor tenaga merangkumi kemampuan, kelestarian dan keselamatan tenaga serta mengoptimumkan peluang ekonomi selaras dengan trend pembangunan sektor tersebut. Pelan hala tuju turut disertakan mengenai cara negara boleh mencapai inisiatif Aspirasi Rendah Karbon 2040 di bawah DTN dengan sumbangan tahunan sebanyak RM13 bilion kepada KDNK yang berpotensi mewujudkan lebih 207,000 peluang pekerjaan baharu dan menarik pelaburan bernilai RM9.2 bilion.

Salah satu daripada bidang utama Teras Strategik 1 DTN ialah membuka potensi sumber solar dengan peningkatan akses kepada modal untuk pengagihan tenaga solar, dengan pengagregatan atas bumbung dan menggalakkan faedah ekonomi solar teragih dengan rakan setara (P2P) dan Perjanjian Pembelian Kuasa Maya (VPPA). Bagi memudahkan syarikat RE100 (syarikat global yang telah komited untuk 100 peratus penggunaan RE) dan syarikat yang

mempunyai kesedaran hijau yang sama untuk mencapai komitmen ESG dan kelestarian mereka. Kerajaan telah memperkenalkan Program Tenaga Hijau Korporat (CGPP) sebagai platform untuk pembelian RE secara maya melalui VPPA dengan terma dan syarat yang telah dipersetujui bersama oleh penjana tenaga solar. Sebanyak 600 MW diperuntukkan untuk CGPP dan syarikat yang layak perlu menandatangani Perjanjian Penyertaan Tenaga Hijau Korporat (PTHK).

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM TEKNOLOGI HIJAU TAHUN 2022



Projek dan Perkhidmatan Teknologi Hijau yang Diluluskan



697 Jumlah Peluang Pekerjaan



Tenaga Boleh Diperbaharui

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI (RE) TAHUN 2022



307 Jumlah Peluang Pekerjaan



Lima projek mini hidro oleh RP Hydro (Kelantan) Sdn. Bhd. (tiga projek), SDF Hydro Sdn. Bhd. dan Topaz Diamond Sdn. Bhd.



Pengurusan Sisa

PROJEK PENTING DALAM PENGURUSAN SISA TAHUN 2022



Borneo Waste Industries Sdn. Bhd.

Pada tahun 2022, Borneo Waste Industries Sdn. Bhd., telah diluluskan untuk menjalankan pengurusan sisa bersepadu di Tapak Pelupusan Sanitari Kayu Madang, Kota Kinabalu yang melibatkan pelaburan modal berjumlah RM101 juta dan dijangka akan menjana 351 pekerjaan baharu

- Aktiviti-aktiviti tersebut akan merangkumi pengumpulan sisa, penyimpanan, kitar semula, pemulihan dan rawatan sisa dengan produk bernilai tambah sampingan seperti pelet bahan mentah alternatif dan pelet bahan api yang berasal dari sampah.
- Inisiatif ini adalah contoh pendekatan kitaran pengurusan sisa dalam usaha ke arah pengeluaran sisa sifar. Ini juga adalah selaras dengan sasaran negara untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 40% menjelang tahun 2025 dengan pencapaian semasa sebanyak 33.17% pada tahun 2022

Kecekapan Tenaga

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, pelaburan dalam projek kecekapan tenaga (EE) / penjimatan tenaga (EC) sangat memberangsangkan memandangkan permintaan dan penggunaan tenaga telah berkembang pesat untuk sektor perindustrian dan komersial. Pelaburan dalam EE memberikan peluang besar kepada industri untuk menjadi lebih berdaya saing kerana mereka memperolehi penjimatan kos tenaga melalui pelaksanaan teknologi EE baharu dan menyediakan peluang pekerjaan melalui amalan terbaik antarabangsa.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM KECEKAPAN TENAGA TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Bangunan Hijau

Bangunan bertanggungjawab untuk hampir 50 peratus pelepasan CO₂ global tahunan dan penyelesaian bangunan hijau telah muncul untuk memastikan pelepasan adalah terkawal sambil membolehkan urbanisasi berskala besar yang lebih hijau yang dapat mengurangkan kesan negatif pembangunan dan memberikan impak positif dengan persekitaran sekeliling yang lestari.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM BANGUNAN HIJAU TAHUN 2022



5 Projek Diluluskan
• 4 Di Lembah Klang
• 1 Di Johor

RM25.7 juta
Jumlah Pelaburan

Perkhidmatan Hijau

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM PERKHIDMATAN HIJAU TAHUN 2022

2 Projek Diluluskan

RM7.5 juta
Jumlah Pelaburan

24
Peluang Pekerjaan Bernilai Tinggi

Aktiviti perkhidmatan hijau yang diluluskan untuk tenaga boleh diperbaharui (solar) dan pembekal perkhidmatan berkaitan kecekapan tenaga

Tinjauan untuk Teknologi Hijau adalah menggalakkan di Malaysia terutamanya dengan peningkatan tumpuan global terhadap tenaga boleh diperbaharui, penjimatan tenaga dan menyelamatkan planet ini. Selain daripada sasaran RE yang ditetapkan Malaysia di bawah MyRER, Akta tentang kecekapan dan penjimatan tenaga juga akan diperkenalkan untuk mengawal penggunaan tenaga oleh pengguna berintensiti tinggi dalam sektor komersial dan perindustrian. Ini menggariskan keutamaan Malaysia adalah selaras dengan usaha global berterusan terhadap pertumbuhan hijau yang dilengkapkan oleh syarikat dan perniagaan yang mematuhi prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) untuk berdaya saing di peringkat global.



Perkhidmatan Logistik

Pasaran logistik kontrak global melonjak semula sebanyak 8.7 peratus pada tahun 2021 dan diramalkan akan berkembang sebanyak 7.1 peratus lagi pada tahun 2022 menurut laporan *Global Contract Logistics* 2022 oleh Transport Intelligence (Ti-Insight). Sementara itu, laporan interim *Global Contract Logistics* 2023 oleh Ti-Insight mengunjurkan rantau Asia Pasifik sebagai pemacu utama (unjuran pertumbuhan 5.7% tahun-ke-tahun) disokong oleh pertumbuhan industri perkilangan dan runcit yang kukuh yang menyumbang kepada kira-kira 41.6 peratus daripada bahagian pasaran logistik kontrak global.

Di Malaysia, Tinjauan Ekonomi 2023 oleh Kementerian Kewangan melaporkan subsektor pengangkutan


dan penyimpanan mengalami peningkatan ketara sebanyak 30.7 peratus pada separuh pertama tahun 2022 di tengah-tengah peralihan kepada tahap endemik. Dengan pembukaan semula sempadan pada bulan April 2022, pertumbuhan jumlah kargo dan kontena yang dikendalikan di pelabuhan telah meningkat disebabkan oleh permintaan luar yang kukuh apabila jumlah perdagangan meningkat sebanyak 28.2 peratus kepada RM1.35 trilion dalam tempoh tersebut.

Pertumbuhan mendadak e-dagang telah memberi kesan langsung kepada industri logistik Malaysia terutamanya bagi *e-fulfillment* dan pengusaha penghantaran *last-mile*. Rantaian bekalan hari ini semakin dikuasakan oleh teknologi baharu muncul yang menggabungkan sistem ICT dan IoT berteknologi tinggi. Dengan lonjakkan 68 peratus tahun ke tahun dalam e-dagang yang dialami Malaysia pada tahun 2021, negara ini pastinya merupakan pasaran yang menarik di Asia Tenggara. Artikel *Commission Factory* (CF) 2022 bertajuk '*Malaysia eCommerce Statistics and Trends in 2022*' melaporkan bahawa di antara akhir tahun 2021 dan suku terakhir tahun 2022, Malaysia telah menambah 1.2 juta pengguna digital baharu. Di samping itu, di kalangan pengguna internet Malaysia, lebih 9 daripada 10 kini adalah pengguna digital (90%) menduduki tempat kedua selepas Singapura di rantau Asia Tenggara yang mempunyai kira-kira 97 peratus pengguna internet sebagai pengguna digital.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM LOGISTIK TAHUN 2022

Perkhidmatan Logistik Bersepadau (ILS)

ILS meliputi aktiviti yang disediakan oleh syarikat logistik di sepanjang rantaian bekalan logistik seperti penghantaran barang, pergudangan, pengangkutan dan perkhidmatan nilai ditambah lain yang berkaitan iaitu pengedaran, pemasangan produk, penggabungan, perolehan, kawalan kualiti dan pengurusan rantaian bekalan



Perkhidmatan Logistik Bersepadau Antarabangsa (IILS)

Status IILS diberikan kepada syarikat logistik yang menyediakan perkhidmatan logistik bersepadau dan lancar dari hujung-ke-hujung di sepanjang rantaian nilai logistik sebagai satu entiti pada skala serantau atau global



Bagi menyokong aspirasi negara untuk menjadi hab pengangkutan dan logistik di Asia Tenggara menjelang tahun 2025, Kerajaan telah memberi mandat dalam RMKe-12 terhadap pembangunan Rangka Kerja Prestasi Kelestarian Logistik (LSPF) yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti, prestasi dan daya saing di samping menangani dan mengurangkan masalah yang dihadapi dalam industri logistik Malaysia.

PROJEK PENTING DALAM LOGISTIK TAHUN 2022



Superb Cold Chain Logistics Sdn. Bhd.

- Nilai pelaburan >RM50 juta
- Pada mulanya terlibat dalam perkhidmatan penghantaran barang atas talian
- Membesarkan perniagaannya untuk menjadi penyedia perkhidmatan logistik bersepadan
- Menyediakan perkhidmatan pengangkutan rantaian sejuk, pengedaran dan pergudangan
- Pembesaran melibatkan storan rantaian sejuk baharu dengan sistem penyejukan berbilang suhu dan sistem pergudangan automatik
- Tambahan sebanyak 28 peluang pekerjaan

Peluang pelaburan adalah besar memandangkan industri memberi tumpuan dalam membangunkan keupayaan dan kecekapan penyedia perkhidmatan logistik menerusi pengembangan dan peningkatan kepada teknologi canggih seperti Sistem Pengurusan Gudang (WMS) dengan sistem IoT terbenam dan logistik pintar untuk meningkatkan daya saing. Selain itu, permintaan untuk penyimpanan dan pengedaran vaksin dalam industri rantaian sejuk telah meningkat selepas tempoh wabak. Pembekal perkhidmatan logistik rantaian sejuk telah membangunkan kemudahan dan infrastruktur logistik pintar yang dilengkapi dengan sistem penyejukan rantaian sejuk. Pelaburan masuk daripada penyedia besar perkhidmatan logistik yang memenuhi pasaran khusus seperti barang berbahaya (DG) terus meningkat di mana beberapa syarikat telah mula membina gudang bersaiz mega untuk memenuhi segmen khusus ini.

Malaysia juga berada pada kedudukan yang baik untuk menjadi pusat pengedaran serantau dan global (RDC/GDC) yang mantap bagi pelabur multinasional dan asing. Menerusi landskap semasa industri, insentif dan geran menarik yang tersedia melalui pelbagai skim di bawah MIDA dan agensi berkaitan

yang lain menjadikan negara sebagai destinasi pelaburan yang berdaya maju.

Merangkumi ESG dalam rantai bekalan

Agensi Tenaga Antarabangsa (2019) melaporkan bahawa sektor pengangkutan adalah penyumbang kedua terbesar pelepasan CO₂ di Malaysia selepas pengeluaran elektrik dan haba. Kesan buruk tahap pelepasan CO₂ memerlukan syarikat merangka strategi dalam mengoptimumkan rangkaian logistik mereka melalui penerimaan ESG.

Beberapa contoh elemen ESG yang telah dilaksanakan dalam industri logistik di Malaysia termasuk pembinaan gudang yang mematuhi indeks bangunan hijau, pemasangan panel PV solar, lampu pintar dan sistem penuaian air hujan. Inisiatif ESG lain adalah termasuk peningkatan penggunaan kelengkapan pengendalian bahan elektrik untuk operasi pergudangan seperti forklift elektrik, e-trak untuk aktiviti pengangkutan harian dan penggunaan kelengkapan pengendalian kontena elektrik di fasiliti pelabuhan.

Perkhidmatan Kesihatan

Pemulihan sektor penjagaan kesihatan di Malaysia dijangka akan terus berkembang semula dalam jangka masa sederhana ketika sekatan perjalanan dilonggarkan dan pada masa yang sama, cabaran dalam dua tahun lalu juga telah menunjukkan penambahbaikan dalam banyak bidang. Artikel oleh Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) mencadangkan usaha yang boleh menghasilkan peningkatan dalam penjagaan kesihatan asas di samping menangani kemungkinan berlakunya pandemik pada masa hadapan termasuk mewujudkan sistem pengawasan dan tindak balas terhadap virus yang berkesan, membina kepercayaan orang ramai terhadap perkhidmatan kesihatan negara dan mengukuhkan logistik dan bekalan vaksin.

Berasaskan model perkongsian awam-swasta (PPP), kejayaan yang disaksikan dalam sektor penjagaan kesihatan Malaysia adalah berdasarkan usaha dalam semua sektor industri. Secara bersama, sistem dwi penjagaan kesihatan Malaysia telah memupuk ekosistem yang kukuh yang seterusnya meletakkan negara sebagai destinasi yang selamat dan dipercayai untuk pelancong penjagaan kesihatan.

Walaupun kebanyakan penyedia penjagaan kesihatan swasta hanya beroperasi di kawasan bandar secara

eksklusif, sektor penjagaan kesihatan awam adalah penting kepada keseluruhan ekosistem kesihatan Malaysia yang memenuhi keperluan dua pertiga daripada pesakit luar dan pesakit dalam negara. PPP dan kerjasama dari penggunaan pendekatan sedemikian terbukti bermanfaat dalam menangani isu kesesakan semasa pandemik dan juga dari segi perolehan dan pentadbiran vaksin COVID-19 yang berkesan. Apabila sempadan di buka semula, hospital swasta terus menerima kemasukan pesakit asing dengan penyediaan langkah keselamatan yang aktif. Ini dijangka dapat menggiatkan semula sektor pelancongan perubatan negara.

Menurut *Medical Tourism Report November 2022* oleh Straits Research, pasaran pelancongan perubatan global dijangka mencapai kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) dua digit sebanyak 30 peratus dari tahun 2022 hingga 2030 yang dipacu oleh

permintaan pesakit yang lebih tinggi terhadap pilihan penjagaan kesihatan pada kos yang berpatutan dengan peningkatan dalam kualiti perkhidmatan. Saiz pasaran dianggarkan bernilai US\$4.5 bilion pada tahun 2021 dan dijangka mencecah US\$47.7 bilion menjelang 2030 dengan majoriti pesakit yang mendapatkan rawatan penjagaan kesihatan di rantau Asia Pasifik - trend dijangka berterusan dalam tempoh yang diunjurkan.

Industri pelancongan penjagaan kesihatan Malaysia terus menunjukkan tanda-tanda pemulihan pantas dengan sebuah hospital swasta melaporkan peningkatan lima kali ganda dalam bilangan pelancong perubatan dan lebih daripada 31,000 lawatan pesakit antarabangsa direkodkan dari Januari hingga Julai 2022. Rawatan utama yang diperlukan oleh pelancong asing termasuk prosedur dan penjagaan kanser, penyakit darah, obstetrik dan ginekologi, hepatologi, ortopedik dan isu otorhinolaringologi. Negara ini merupakan pilihan utama bagi pesakit asing berdasarkan rawatan yang boleh dipercayai, selamat dan berkesan serta kemudahan akses dan harga yang kompetitif di rantau ini.

SOROTAN STRATEGI DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN



MIDA bersedia untuk memudahkan pelaburan penjagaan kesihatan dalam bidang pertumbuhan dan kepakaran yang berpotensi seperti perkhidmatan penjagaan kesihatan untuk warga emas, perubatan tradisional dan komplementari (TCM) serta penjagaan kesihatan/teleperubatan digital.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN TAHUN 2022



Apabila sempadan di buka semula, hospital swasta terus menerima kemasukan pesakit asing dengan penyediaan langkah keselamatan yang aktif. Ini dijangka dapat menggiatkan semula sektor pelancongan perubatan negara.

PROJEK PENTING DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN TAHUN 2022



UCSI Hospital

- Bandar Springhill Port Dickson, Negeri Sembilan
- Kemudahan penjagaan kesihatan 130 katil
- Sebuah hospital swasta yang lengkap dengan kemudahan hospital pengajar
- Disokong oleh pakar berpengalaman dalam anestesiologi dan penjagaan kritis, perubatan kecemasan, pembedahan kolorektal, ortopedik, trauma dan radiologi
- Bertujuan untuk menyediakan penjagaan kesihatan bertaraf dunia yang lestari dan meletakkan negara sebagai hab global untuk perubatan dan kesejahteraan
- Inisiatif ESG: Melabur dalam tenaga boleh diperbaharui dengan memasang panel solar dan melaksanakan dasar tanpa plastik untuk meningkatkan kesedaran tentang gaya hidup hijau



Hospital Antarabangsa Kuala Lumpur

- Terletak di lokasi strategik di bahagian selatan Kuala Lumpur
- Diluluskan untuk 624 katil dengan kemampuan untuk berkembang kepada 1,000 katil
- Menyediakan perkhidmatan untuk semua keperluan yang diperlukan di hospital tertiar
- Dilengkapi dengan teknologi canggih terkini dan kelengkapan perubatan seperti teater pembedahan angiografi hibrid, Teater Operasi MRI, 3 MRI Tesla, Cath lab dengan angiografi *biplane* dan *single plane*, 256 slice CT Scans dan robotik
- Inisiatif ESG: bangunan hospital sedang dibina mengikut piawaian skim akreditasi bangunan hijau yang diiktiraf, menampilkan strategi pengurusan air keseluruhan hospital untuk mengurangkan penggunaan air dan beroperasi di bawah dasar dan prinsip tadbir urus yang baik

Pelaburan dalam penyelesaian digital mampu milik akan meningkatkan produktiviti dan kecekapan dengan manfaat dalam kedua-dua hasil dan kos rawatan pesakit. Dengan menerima sepenuhnya transformasi digital sistem penjagaan kesihatan, Malaysia akan berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mencapai objektif bagi menambah baik pengalaman pesakit, meningkatkan pengalaman klinikal dan produktiviti, menurunkan kos penjagaan kesihatan per kapita dan meningkatkan kesihatan penduduk serta menyediakan akses kepada penjagaan mengikut keperluan.

Memperkuuh kapasiti institusi penjagaan kesihatan swasta adalah penting dalam melengkapkan tanggungjawab Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat. Sebagai contoh, semasa pandemik COVID-19, hospital swasta telah memikul tanggungjawab menjaga pesakit bukan COVID-19. Kejayaan pelaksanaan kempen vaksinasi COVID-19 menghasilkan penyertaan aktif 6,000 pengamal umum dari sektor swasta serta 20,000 graduan perubatan yang membantu Kerajaan.

Perkhidmatan Pendidikan

Pendidikan menyumbang secara langsung dan tidak langsung ke arah pertumbuhan sosio-ekonomi negara dengan modal insan yang memacu ekonomi negara. Menurut kenyataan akhbar Jabatan Perangkaan

Malaysia (DOSM) bertajuk '*Graduate Statistics 2021*', bilangan graduan universiti di Malaysia meningkat sebanyak 4.7 peratus pada tahun 2021 iaitu seramai 5.61 juta daripada 5.36 juta graduan pada tahun 2020.

Sebagai sebahagian daripada pelan strategik bertajuk '*Way Forward for Private Higher Education Institutions (2020-2025)*' yang dimulakan pada tahun 2020, pendidikan sebagai industri berfungsi untuk menjadikan Malaysia sebuah hab pendidikan tinggi antarabangsa bertaraf dunia dengan mensasarkan 250,000 pelajar asing menjelang tahun 2025.

Walau bagaimanapun, sekatan perjalanan antarabangsa semasa pandemik COVID-19 pada tahun 2020 dan 2021 memberi kesan besar kepada institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang banyak bergantung kepada yuran pelajar antarabangsa. Bagi menarik pelajar asing, Kerajaan telah menubuhkan *Education Malaysia Global Services (EMGS)* iaitu sebuah syarikat di bawah bidang kuasa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan yang dipertanggungjawabkan untuk mempromosi Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa. EMGS mensasarkan untuk menjadikan Malaysia sebagai salah satu daripada 10 destinasi pendidikan terbaik di peringkat global.

Selain institusi pengajian tinggi, Kerajaan mengiktiraf Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)

sebagai sebahagian daripada pendidikan arus perdana. Graduan TVET yang mahir dan berdaya tahan untuk masa hadapan akan menjadi tambahan penting kepada tenaga kerja bagi Malaysia berkembang menjadi sebuah negara perindustrian yang maju. Bagi menyelaras pendidikan TVET dengan keperluan tenaga manusia semasa industri, Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri (GITEC) telah ditubuhkan. Badan ini menyediakan platform kerjasama bagi sektor awam dan swasta untuk memacu 12 hab yang dikenal pasti seperti automotif, semikonduktor, marin, aeroangkasa, robotik, telekomunikasi, hospitaliti dan pelancongan dalam pendidikan TVET.

LANGKAH EMGS KE ARAH PENDAFTARAN 50 RIBU

Permohonan

mengikut jenis institut



Institusi Pengajian Tinggi Swasta	23,978
Institusi Awam	15,174
Pusat Bahasa	1,442
Pusat Kemahiran	55
Jumlah Besar	40,649

Sumber: Education Malaysia Global Services

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM PERKHIDMATAN PENDIDIKAN TAHUN 2022

236 •
Projek Diluluskan

- 20 Universiti/kolej swasta
- 184 Sekolah antarabangsa/prasekolah/pusat tuisyen/pusat bahasa
- 32 institusi TVET



RM618 juta

Jumlah Pelaburan



1,246

Jumlah Peluang Pekerjaan

4.0 negara. Contohnya, Vision Diagnostic Sdn. Bhd., telah mendapat manfaat daripada SAG dalam pembelian sistem ultrasound diagnostik berteknologi tinggi untuk aktiviti pengajarannya. IPTS termasuk institusi TVET juga boleh memohon Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) di bawah PENJANA untuk menyokong penggunaan teknologi dan inovasi.

SOROTAN UTAMA EDUCATION MALAYSIA GLOBAL SERVICES (EMGS)

Pada suku ketiga 2022, EMGS melaporkan bahawa **40,649** permohonan pelajar asing diterima

Merupakan **81%** daripada 50,000 pendaftaran yang disasarkan untuk tahun 2022



Majoriti pelajar antarabangsa adalah dari:



PRC (45.63%)



Indonesia (7.37%)



Bangladesh (6.76%)



India (2.92%)

Kerajaan meramalkan bahawa sektor pendidikan berpotensi untuk merangsang sektor perkhidmatan untuk menyumbang 70 peratus kepada KDNK. Ia menyumbang RM31.5 bilion kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2018 dan dijangka akan menyumbang RM84 bilion menjelang tahun 2030 berdasarkan kadar pertumbuhan 5 hingga 6 peratus setahun.

Akses kepada pendidikan berkualiti adalah penting untuk meminimumkan ketidaksamaan sosial. Dalam mengiktiraf peluang ini, IPTS telah membuka peluang kepada lepasan sekolah menengah untuk meneruskan pengajian mereka walaupun mereka tidak ditawarkan tempat di institusi pengajian tinggi awam. Malah, TVET

Selain insentif di bawah PIA, 1986 dan Akta Cukai Pendapatan (ITA), 1967, MIDA telah menawarkan Geran Automasi Pintar (SAG) kepada sektor pendidikan semasa pandemik. Inisiatif ini adalah untuk menggalakkan pelabur supaya terus melabur dalam automasi yang selaras dengan dasar Industri

swasta seperti Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) telah berjaya menarik ramai pelajar untuk melanjutkan pelajaran dalam kursus yang diterajui industri yang mempunyai kadar kebolehpasaran yang tinggi. Pada masa ini, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menawarkan kemudahan pinjaman kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di kedua-dua institusi awam dan swasta.

Hotel dan Pelancongan

Menurut Pertubuhan Pelancongan Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWTO), pelancongan global kembali pulih dengan pesat pada separuh pertama tahun 2022 dengan ketibaan pelancong mencapai hampir tiga kali ganda antara bulan Januari dan Julai berbanding jumlah ketibaan di seluruh dunia dalam tempoh yang sama. Dianggarkan seramai 474 juta pelancong telah melakukan perjalanan luar negara sepanjang tempoh berkenaan berbanding 175 juta dari bulan Januari hingga Julai 2021. Ini merupakan pemulihan hampir 60 peratus daripada tahap pra-pandemik.

Namun demikian, baki tahun 2022 adalah mencabar berpunca daripada kenaikan harga minyak yang disebabkan oleh gangguan rantaian bekalan, dasar sifar COVID yang ketat di sesetengah negara dan perang Rusia-Ukraine. Kesemua ini telah memberi kesan kepada industri. Di peringkat tempatan, Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) menjangkakan bahawa pemulihan berterusan dalam ketibaan pelancong antarabangsa ke tahap pra-pandemik akan berlangsung sekurang-kurangnya dua hingga tiga tahun. Ini merupakan masa yang mencukupi untuk pemulihan penuh dengan syarat sumber telah tersedia dan boleh diakses.

Rangka Kerja Pemulihan Pelancongan (TRF) 2.0 (2022 hingga 2024)

Untuk menyusun semula dan merangsang industri pelancongan supaya menjadi lebih kukuh dan berdaya tahan, MOTAC telah melancarkan Rangka Kerja Pemulihan Pelancongan (TRF) 2.0 pada 21 Jun 2022. TRF 2.0 menggariskan lima strategi utama untuk menggiatkan semula industri pelancongan di mana antaranya ialah penciptaan semula dan peningkatan produk dan perkhidmatan pelancongan serta kebudayaan serta menyelaraskan aktiviti pelancongan dengan kelestarian dan keterangkuman.

Memandangkan terdapat kesukaran untuk meramalkan sasaran berkenaan ketibaan pelancong, pelarasian

semula sasaran pelancong telah beberapa kali dibuat berdasarkan bilangan positif pelancong yang direkodkan memasuki Malaysia. Pada bulan September 2022, MOTAC telah menjangka sejumlah 10 juta ketibaan pelancong antarabangsa (kenaikan daripada anggaran awal seramai 9.2 juta) dengan RM26.8 bilion dalam perbelanjaan pelancongan pada tahun ini. Tinjauan positif ini berikutan kelonggaran peraturan selanjutnya bagi ketibaan pelancong yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang bebas daripada kerumitan untuk dikunjungi oleh pelancong.

Kemampuan membeli nilai Ringgit juga berkemungkinan menarik lebih ramai ketibaan pelancong dan seterusnya mengukuhkan ekonomi dengan kemasukan mata wang asing. Malaysia sentiasa menjadi destinasi yang menjimatkan perbelanjaan pelancong yang kini menjadi lebih menarik dengan harga barang dan perkhidmatan yang lebih berpatutan. Perniagaan pelancongan juga akan mendapat manfaat kerana kos penganjuran acara seperti persidangan dan pameran perdagangan akan menjadi lebih berpatutan di Malaysia dan dapat meningkatkan lagi penyertaan antarabangsa. Menurut Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC), Kerajaan mensasarkan hasil keuntungan hospital (resit perubatan sahaja) daripada pelancongan perubatan akan mencecah angka unjuran RM1.2 bilion tahun ini, meningkat antara RM1.5 bilion hingga RM1.7 bilion pada tahun 2023, RM1.7 bilion hingga RM2 bilion pada tahun 2024 dan seterusnya antara RM2 bilion hingga RM2.4 bilion pada tahun 2025.

Walaupun terdapat pemulihan dalam trafik penumpang dan perjalanan antarabangsa, pelaburan dalam sektor pelancongan telah ketinggalan di peringkat global. UNWTO dan *fDi Intelligence's Tourism Greenfield Investment Report 2022* menyatakan bahawa walaupun trafik penumpang telah meningkat dan pelancongan antarabangsa semakin pulih, pelaburan dalam industri pelancongan tidak berkembang seiringan. Ini adalah kerana pengendali pelancongan perlu menambah semula kapasiti sedia ada di pasaran maju dan menilai semula pendedahan risiko dalam ekonomi bangunan.

Pada tahun lepas, sebanyak 250 projek pelaburan langsung asing (FDI) bernilai kira-kira US\$9.5 bilion (RM45.07 bilion) telah diumumkan dalam kluster pelancongan iaitu penurunan sebanyak 8 peratus daripada 271 projek bernilai US\$17 bilion (RM80.65 bilion) yang diumumkan pada tahun 2020.

Di bawah Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030, salah satu teras strategik adalah ‘Mengamalkan Pelancongan Lestari dan Bertanggungjawab’ selaras dengan prinsip ESG. MIDA terus menggalakkan supaya langkah lestari dalam pembinaan dan pembangunan projek seperti pemasangan panel solar, penjimatan air, penggunaan bahan semula jadi dan tumbuhan asli di dalam landskap diamalkan dan diikuti secara berterusan.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM HOTEL DAN PELANCONGAN TAHUN 2022

16 Projek Diluluskan

 **RM2.1 bil**
Jumlah Pelaburan

 **1,917**
Jumlah Peluang Pekerjaan

PROJEK PENTING DALAM HOTEL DAN PELANCONGAN TAHUN 2022



The Regent Kuala Lumpur oleh Golden Eagle Majestic Sdn. Bhd.

- Hotel 37 tingkat ini mempunyai 259 bilik yang dilengkapi dengan kemudahan terbaik
- Terletak bersebelahan dengan projek ikonik Tun Razak Exchange (TRX), yang bersedia untuk menjadi hab kewangan seterusnya di bandar ini. The Regent Kuala Lumpur adalah lokasi utama untuk pengalaman komprehensif sebenar di Kuala Lumpur



Skyline Luge Kuala Lumpur dari New Zealand

- Terletak 15 minit dari pusat bandar KL yang merupakan bahagian rekreasi pembangunan Taman Gamuda
- Meliputi
 - 4 trek *luge* yang saling berkait (berjumlah 1,600 meter)
 - Sistem terowong terpanjang dan terluas di dunia
 - *Zipline* dwi selari sepanjang 380 meter (dengan reka bentuk 'sistem kereta api' yang inovatif)
- Komited kepada prinsip ESG
 - Contohnya, *luge ride* menggunakan graviti dan bukannya motor atau elektrik untuk mengurangkan pelepasan karbon dan trek *luge* akan direka bentuk berdasarkan topografi sedia ada untuk mengurangkan gangguan terhadap landskap semula jadi

Hartanah

Subsektor harta tanah terdiri daripada projek perumahan dan pangrupi berservis di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Pembangunan Kerajaan Tempatan.

Walaupun menghadapi cabaran tahun lalu, sektor harta tanah telah bertahan di kalangan subsektor perkhidmatan dengan sumbangan ketara kepada sektor perkhidmatan sebanyak 18.8 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2022. Namun begitu, pelaburan yang diluluskan adalah sederhana. Dalam usaha untuk merancakkan industri, Kerajaan mengumumkan pemansuhan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) di bawah Bajet 2022 bagi penjualan harta tanah oleh individu yang terdiri daripada warganegara Malaysia dan

pemastautin tetap dan ianya bermula dari tahun keenam. Oleh itu, kadar CKHT bagi pelupusan harta tanah dalam tahun keenam dan seterusnya selepas pembelian adalah sifar peratus.

ESG memainkan peranan penting dalam harta tanah. Bangunan dan pembinaan bertanggungjawab ke atas 39 peratus daripada pelepasan karbon di seluruh dunia dan program serta pelan hala tuju berkesan untuk mengurangkan pelepasan ini adalah penting. Membina bangunan lebih hijau dengan ciri tenaga dan penjimatan serta merancang projek perumahan berdasarkan kemajuan dalam inovasi dan teknologi adalah sebahagian daripada inisiatif ESG yang diambil oleh pemaju. Ini adalah selaras dengan sasaran RMKe-12 Malaysia untuk menjadi karbon neutral menjelang tahun 2050.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM HARTANAH TAHUN 2022



Perkhidmatan Kewangan


Perbankan, insurans dan pasaran modal (pembrokeran, pengurusan dana, nasihat pelaburan, perancangan kewangan, *clearing houses* untuk sekuriti atau derivatif, nasihat mengenai kewangan korporat) dan modal teroka adalah komponen di bawah subsektor perkhidmatan kewangan.

Menurut laporan Bank Negara Malaysia (BNM) 2022 bertajuk ‘Perkembangan Monetari dan Kewangan pada bulan Mei 2022’, bank kekal dengan tahap modal yang baik dan mampu menyokong pemulihran ekonomi kerana daya tahan mereka disokong oleh kualiti aset yang kukuh. Sektor perbankan menjangkakan pertumbuhan pinjaman yang baik pada tahun 2023 berdasarkan unjuran KDNK 4.5 peratus dan penarafan RAM meyakini bahawa industri perbankan domestik secara dasarnya kekal berdaya tahan walaupun berhadapan cabaran ekonomi makro.

Institusi kewangan domestik sedang menuju ke arah pembiayaan dan amalan operasi yang lebih lestari dengan menggabungkan pertimbangan ESG ke dalam tadbir urus, strategi perniagaan, operasi dan pengurusan risiko mereka. Ini adalah sejarah dengan Pelan Tindakan Sektor Kewangan 2022-2026, yang dikeluarkan oleh BNM awal tahun ini. Pelan Tindakan ini adalah berpaksikan usaha untuk memupuk pasaran dinamik, menyokong objektif pembangunan lestari dan memudahkan peralihan yang teratur kepada ekonomi dan sektor kewangan yang lebih hijau serta berdaya tahan iklim.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM PERKHIDMATAN KEWANGAN TAHUN 2022

Pada tahun 2022, kelulusan adalah menerusi 49 projek yang kebanyakannya adalah daripada segmen insurans dan perbankan terutamanya daripada aktiviti perbankan konvensional dan Islam tempatan



Utiliti

Subsektor utiliti terdiri daripada perkhidmatan utiliti tenaga dan air. Perkhidmatan tenaga merangkumi penjanaan kuasa, penghantaran dan pengagihan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sarawak Energy dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Perkhidmatan utiliti air meliputi perkhidmatan yang disediakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAA).

Perbelanjaan Kerajaan dalam menyokong subsektor ini di bawah Bajet 2022 adalah dengan memperuntukan sebanyak RM485 juta untuk projek penambahbaikan infrastruktur seperti bekalan elektrik luar bandar dan sejumlah RM382 juta untuk bekalan air luar bandar dan alternatifnya serta pembangunan infrastruktur luar bandar lain di kawasan terpencil di Sarawak dan Sabah yang bertujuan untuk mengurangkan jurang pembangunan bandar-luar bandar di seluruh negara. Hasilnya, tahun 2022 mencatatkan peningkatan pelaburan yang besar dalam industri perkhidmatan air berbanding tahun 2021.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM UTILITI TAHUN 2022




Prospek untuk sektor utiliti pada tahun 2023 kekal positif dengan pendapatan berdaya tahan yang disokong oleh aset terkawal bagi syarikat utiliti tenaga dan gas. TNB telah berjanji untuk memberi tumpuan kepada RE dan melabur sebanyak RM20 bilion setahun untuk mencapai karbon sifar bersih menjelang tahun 2050.

Syarikat utiliti nasional tersebut menggunakan kedua-dua loji janakuasa haba dan loji janakuasa hidroelektrik untuk menjana elektrik dan bertanggungjawab dalam memastikan bekalan yang mencukupi dan secara teliti mengimbangi pertimbangan sosio-ekonomi serta pemuliharaan alam sekitar sebagai sebahagian daripada strategi kelestariannya. TNB telah pun mengambil langkah penting pertama dalam mencapai sasaran ini dengan menutup loji arang batu 1,400 MW di Selangor iaitu lebih awal daripada rancangan penutupannya pada tahun 2029.

Perdagangan Pengedaran

Perdagangan pengedaran terdiri daripada perdagangan borong dan runcit, pasar raya besar dan pasar raya, gedung serbaneka dan jualan langsung yang dikawal selia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Selain itu, projek berkaitan petroleum diluluskan di bawah Akta Pembangunan Petroleum, 1974 (PDA) dan aktiviti francais adalah di bawah Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS). Perdagangan runcit melonjak ke rekod tertinggi baharu pada bulan Mei 2022 berdasarkan perbelanjaan yang diterajui oleh industri pelancongan yang lebih tinggi.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM PERDAGANGAN PENGEDARAN TAHUN 2022




“

Perdagangan pengedaran terdiri daripada perdagangan borong dan runcit, pasar raya besar dan pasar raya, gedung serbaneka dan jualan langsung yang dikawal selia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Perkhidmatan Pengangkutan

Subsektor perkhidmatan pengangkutan terdiri daripada tiga kategori utama iaitu:

- Maritim yang meliputi semua projek dan aktiviti yang berkaitan dengan kapal, pelabuhan, akademi maritim dan projek pelayaran lain
- Penerbangan yang meliputi pesawat sayap tetap dan berputar serta infrastruktur lapangan terbang
- Jalan raya yang meliputi terminal pengangkutan dan lebuh raya termasuk pembinaan dan penyelenggaraan



PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN TAHUN 2022



Perkhidmatan Lain

Status BioNexus diberikan kepada syarikat bioteknologi berkelayakan yang menjalankan aktiviti bioteknologi dan/atau sains hayat yang bernilai ditambah. Syarikat berstatus BioNexus menikmati insentif fiskal, dana dan jaminan lain untuk menyokong pertumbuhan mereka. Selain daripada faedah dan

sokongan keseluruhan, syarikat berstatus BioNexus juga diberi jaminan ke atas senarai keistimewaan seperti yang ditetapkan dalam Bil Jaminan Status BioNexus yang merangkumi kebebasan pemilikan, akses kepada makmal yang dikongsi bersama, pusat penyelidikan kecemerlangan dan kemudahan lain yang berkaitan serta sokongan berterusan serta bantuan lain daripada Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia (MBDC) di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Dasar Bioteknologi Negara 2.0 (NBP 2.0) yang baru dilancarkan akan membantu industri meningkatkan rantaian nilai dengan menggunakan teknologi termaju untuk bersaing di pasaran global dalam bidang pertanian dan keselamatan makanan, penjagaan kesihatan dan kesejahteraan, serta industri pengeluaran dan ekonomi kitaran.

Dalam memacu pertumbuhan industri, Kerajaan menggalakkan penyertaan aktif daripada pihak berkepentingan seperti MBDC untuk menambah baik Bil Jaminan BioNexus; Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM) untuk memperkuuh kemudahan dan perkhidmatan R&D; syarikat modal teroka tempatan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk menyokong pertumbuhan industri bioteknologi dan meneroka penyertaan dalam pasaran global; dan bank perdagangan untuk menawarkan pembiayaan. Bantuan pembiayaan selanjutnya sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan kepada program *Bio-based Accelerator* (BBA) bagi merancakkan pembangunan syarikat tempatan dalam industri bioteknologi. Kerajaan berhasrat untuk menarik lebih ramai pemain industri iaitu pelabur tempatan dan asing untuk mengambil bahagian dalam bidang bernilai tinggi dan berteknologi tinggi yang semakin berkembang ini.

STATUS BIONEXUS YANG DILULUSKAN TAHUN 2022



Melabur di Malaysia dengan Lebih Hijau demi Masa Depan



- Walaupun terdapat beberapa pendapat mengenai apa yang ditafsirkan sebagai pelaburan hijau, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mentakrifkan pelaburan hijau sebagai pelaburan awam dan swasta yang diperlukan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dan mengurangkan pencemaran udara tanpa menjelaskan pengeluaran dan penggunaan barang bukan tenaga Manakala, Kertas Kerja Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) mengenai Kewangan, Insurans dan Pencen Swasta, No.24 telah mengkategorikan pelaburan hijau sebagai sub-set tema pelaburan yang lebih luas atau berkait rapat dengan pendekatan pelaburan lain seperti:
 - Pelaburan sosial yang bertanggungjawab (SRI)
 - Pelaburan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG)
 - Pelaburan yang lestari, berjangka panjang atau konsep yang seumpama


Di peringkat tempatan, Malaysia telah mengambil inisiatif untuk merangsang penggunaan teknologi hijau melalui insentif cukai hijau sejak tahun 2001. Tanpa insentif cukai, aspirasi hijau negara akan kekal tidak tercapai dengan penyertaan yang minimum atau tiada penyertaan daripada pemain industri. Baru-baru ini, Malaysia telah mengumumkan Aspirasi Rendah Karbon 2040 di bawah Dasar Tenaga Negara 2022-2040 (DTN). Terdapat sembilan sasaran yang perlu dicapai menjelang tahun 2040 yang menyumbang kepada pengurangan pelepasan CO₂ selaras dengan sasaran untuk mencapai pelepasan GHG sifar-bersih menjelang tahun 2050. RMKe-12 juga menunjukkan komitmen Malaysia untuk menjadi negara pelepasan sifar-bersih karbon menjelang tahun 2050.

Mencapai pelepasan sifar-bersih secara mudahnya tiada pelepasan gas rumah hijau (GHG) ke atmosfera atau jika masih terdapat pelepasan tersebut, ia diimbangi dengan mengeluarkan jumlah yang setara dari atmosfera dan menyimpannya secara kekal di dalam tanah, tumbuhan atau bahan.

LALUAN MENUJU PELEPASAN SIFAR-BERSIH




Pelaburan teknologi hijau adalah laluan terbaik untuk mencapai pelepasan sifar-bersih termasuk:




Penjanaan tenaga elektrik tanpa pelepasan daripada sumber boleh diperbaharui seperti hidro dan solar yang digabungkan dengan simpanan elektrik termaju



Pengeluaran kendaraan dan kelengkapan berkuasa elektrik dan bukannya menggunakan bahan api fosil



Penggunaan teknologi dan proses cekap tenaga untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan meminimumkan pengeluaran sisa






Berdasarkan kajian bersama yang dijalankan oleh World Wide Fund for Nature (WWF) dan Boston Consulting Group (BCG), komitmen Malaysia untuk menjadi sebuah negara dengan GHG sifar-bersih menjelang tahun 2050 memerlukan pelaburan kumulatif berjumlah di antara RM350 bilion hingga RM400 bilion.

Bagi memudahkan pelaburan ini, Kerajaan secara berterusan menawarkan pelbagai insentif untuk menarik pelaburan dalam merancakkan pembangunan teknologi hijau. Ia termasuk rangka kerja kawal selia yang menyokong dalam merangsang pelaburan dan peralihan ke ekonomi hijau.

Syarikat-syarikat adalah digalakkan untuk melabur dalam sumber RE seperti solar, biojisim, biogas, hidro mini dan aktiviti teknologi hijau yang lain. Bidang lain yang memerlukan pelaburan termasuk kecekapan tenaga (EE), bangunan hijau, pusat data hijau dan pengurusan sisa bersepadan.

Kerajaan, melalui MIDA juga akan meneruskan usaha untuk mempromosi dan memudah cara pelaburan dalam projek dan perkhidmatan teknologi hijau serta menarik pelaburan dalam pembangunan teknologi rendah karbon. Ini akan membolehkan Malaysia menjadi peneraju dalam bidang pertumbuhan berpotensi tinggi seperti tenaga boleh diperbarui (RE), penyimpanan tenaga, ekonomi kitaran dan mobiliti karbon rendah seperti yang dinyatakan di dalam RMKe-12 dan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) di mana RE dan EE kekal sebagai titik fokus utama untuk mencapai matlamat kelestarian negara.

Akhirnya, peralihan ke arah kelestarian dan memenuhi komitmen Malaysia untuk menjadi negara sifar-bersih paling awal menjelang tahun 2050 mempunyai banyak limpahan manfaat yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan.



Memanfaatkan Sepenuhnya Pasaran Karbon Baru Muncul dan Ekonomi Rendah Karbon Malaysia



- Kerajaan di seluruh dunia, terutamanya dari negara maju telah mengikuti perkembangan perubahan iklim dan telah melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) di negara masing-masing melalui beberapa siri konvensyen (cth. Protokol Kyoto, Perjanjian Paris, pembentukan SDG, UNFCCC dan COP26 & COP27)

Walaupun Malaysia menyumbang kurang daripada 0.8 peratus daripada pelepasan CO₂ dunia pada tahun 2020 (334 mega tan CO₂ - MtCO₂), Kerajaan bagaimanapun telah mengumumkan sasaran untuk memperoleh pelepasan karbon sifar-bersih menjelang tahun 2050 dan mengurangkan keamatian CO₂ KDNK-nya sebanyak 45 peratus menjelang tahun 2030. Ini merupakan sebahagian daripada komitmen Sumbangan Nasional yang Ditentukan (NDC) dalam COP26 di mana Malaysia telah mengesahkan semula komitmennya dalam COP27. Salah satu daripada mekanisme untuk mencapai matlamat ini adalah melalui pelaksanaan penetapan harga karbon yang dianggap sebagai salah satu langkah terbaik untuk menangani pelepasan GHG yang berlebihan oleh kebanyakan ahli ekonomi dan penggubal polisi. Apabila dilaksanakan dengan betul, penetapan harga karbon

boleh meningkatkan kecekapan sumber, merangsang pelaburan dalam tenaga bersih, dan membawa kepada pelepasan GHG yang lebih rendah.

INSTRUMEN HARGA KARBON





Kerajaan secara amnya boleh melaksanakan penetapan harga karbon melalui gabungan tiga instrumen: cukai karbon, skim perdagangan pelepasan (ETS) dan kredit/pasaran karbon

Cukai karbon mengenakan levi ke atas pelepasan GHG; pendekatan 'pencemar bayar' ini adalah cara yang berkesan untuk mengurangkan pelepasan GHG disamping meningkatkan hasil Kerajaan dan ianya kurang rumit untuk dilaksanakan. Hasrat Kerajaan untuk cukai karbon digariskan dalam RMKe-12 dan dijadualkan siap sepanjang fasa pelaksanaan rancangan (2021-2025)

ETS ialah konsep had dan perdagangan ('cap and trade') yang menghadkan jumlah CO₂ yang dibenarkan untuk dilepaskan dalam sektor-sektor tertentu. Entiti yang menghasilkan pelepasan kurang daripada garis dasar yang ditetapkan boleh memperoleh kredit pelepasan yang kemudiannya boleh didagangkan kepada syarikat yang mempunyai pelepasan di atas garis dasar. Harga karbon akan ditentukan oleh penawaran dan permintaan kredit. ETS dirangka untuk menggalakkan syarikat mengkaji keseluruhan operasi mereka dan mula melaksanakan kecekapan tenaga, pemuliharaan, peningkatan penggunaan RE dan penyahkarbonan rantai bekalan

SKIM PERDAGANGAN PELEPASAN (ETS)





Menerusi Bursa Malaysia iaitu bursa saham di Malaysia dan salah satu daripada bursa terbesar di ASEAN, Malaysia melancarkan pasaran karbon sukarela (VCM) pertamanya pada bulan Disember 2022 sebagai salah satu daripada instrumen untuk menangani pelepasan karbon dan memenuhi komitmen ke arah mencapai sasaran tahun 2030 dan 2050. Program ini menyediakan platform bagi syarikat tempatan untuk mengimbangi pelepasan karbon sambil kekal berdaya saing dengan menawarkan kredit karbon berkualiti yang dijana oleh projek karbon yang diiktiraf di peringkat global. Memandangkan Malaysia masih 50 peratus diliputi oleh hutan, ini membuka peluang bagi projek dan penyelesaian karbon berasaskan alam semulajadi. Menurut *Centre for Nature-based Climate Solutions, National University of Singapore*, karbon hutan boleh dilabur bagi Malaysia boleh menghasilkan ROI dalam nilai semasa bersih sebanyak RM10.8 bilion setahun.

Menurut McKinsey & Company, Malaysia hanya mempunyai dua projek karbon aktif yang menyumbang kurang daripada satu mega tan CO₂ yang setara (MtCO₂e) dengan nilai pengeluaran kredit karbon. Sebaliknya, Indonesia, Cambodia dan Thailand masing-masing mempunyai 85, 40, dan 15 MtCO₂e. Biojisim yang banyak boleh digunakan untuk RE, biofuel dan biogas yang kemudiannya boleh menjana kewangan untuk pengurangan metana, kredit karbon dan Sijil Tenaga Boleh Diperbaharui (RECs). Negara ini juga mempunyai segelintir pemaju projek tempatan dan badan validasi dan verifikasi (VVB). Pembangunan kapasiti perkhidmatan karbon tempatan bagi pembangunan projek adalah penting untuk melaksanakan projek pada kos yang kompetitif.

Selain VCM, Malaysia juga merancang untuk melaksanakan ETS dan cukai karbon seperti yang diperincikan dalam Pelan Kelestarian Alam Sekitar Malaysia 2020-2030. Pelaksanaan penetapan harga karbon adalah penting bagi pengeluar Malaysia untuk kekal berdaya saing di peringkat global kerana banyak ekonomi maju telah mula menguruskan pelepasan karbon mereka dengan cekap.

Sebagai contoh, Mekanisme Pelarasian Sempadan Karbon (CBAM) akan berkuat kuasa pada tahun 2023 di negara-negara EU yang mengakibatkan tambahan mandatori dalam kos pelepasan GHG ke atas rantaian nilai produk oleh pengeluar. Ini berpotensi untuk menjadikan produk tidak kompetitif di peringkat tempatan. Simen, besi dan keluli, aluminium, baja, bahan kimia organik, plastik, elektrik, hidrogen dan ammonia telah dicadangkan untuk dimasukkan di bawah CBAM dan senarai produk tersebut dijangka akan diperluaskan lagi. Apabila ia diaktifkan sepenuhnya, CBAM akan mewujudkan halangan perdagangan walaupun terdapat beberapa perjanjian perdagangan bebas di mana syarat mekanisme penetapan harga karbon tidak diterima pakai.

Laporan bagi tahun 2021 oleh Sekretariat Komanwel menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai eksport berkaitan CBAM bernilai RM3.4 bilion ke EU pada tahun 2019. Sebahagian besarnya adalah daripada besi dan keluli (RM2.5 bilion), aluminium (RM796 juta), baja (RM61 juta) dan simen (RM44 juta). Apabila produk yang terjejas bertambah kepelbagaiannya, nilai dan risiko kepada pengeksport Malaysia akan meningkat. Menurut *University College London's Institute for Sustainable Resources*, jumlah perdagangan di antara Malaysia dan negara EU yang bernilai lebih daripada RM112 bilion mungkin mengalami kesan buruk jika barang dengan kecekapan GHG yang lebih tinggi tidak dihasilkan. Selain pematuhan ESG, penggunaan proses pengeluaran yang lebih mesra alam akan memberi manfaat dari segi ekonomi berdasarkan perspektif pemasaran, kerana lebih ramai pengguna akan memilih jenama yang lebih hijau. Mengenal pasti dan mengurangkan ketidakcekapan dalam proses pengeluaran juga akan memberi manfaat dari segi kewangan.

Malaysia bermatlamat untuk menjadi destinasi utama bagi pelaburan ESG, dengan memberi tumpuan kepada produk bernilai tinggi, industri rendah karbon, penyahkarbonan, ekonomi kitaran, bioekonomi dan peralihan tenaga. Pelabur berpotensi dalam ruang ESG digalakkan untuk menghubungi Unit Bioekonomi Kitaran MIDA untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang bagaimana MIDA boleh membantu pelaburan mereka di Malaysia.

4.0





PRESTASI SEKTOR UTAMA

"Melabur dalam daya tahan. Rejutan akan terus dirasai. Akan tetapi adalah jelas, jika kita melabur dalam pertanian yang mempunyai daya tahan iklim dan pembangunan rendah karbon, kita boleh mencapai taraf hidup yang lebih tinggi bagi semua orang di mana-mana saja."

Kristalina Georgieva, Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
(Ucapan di Sidang Kemuncak Pemimpin G20, 15 November 2022)



PELUANG CERAH

Pemulihan pesat permintaan global telah menyaksikan kebanyakan harga komoditi beransur pulih ke tahap pra-pandemik walaupun terdapat keimbangan yang meningkat mengenai kelembapan ekonomi global. Begitu juga Malaysia, ketiga-tiga subsektor tersebut telah mencatatkan pertumbuhan yang ketara dalam pelaburan yang diluluskan pada tahun 2022.



Kestabilan Sektor Utama


Harga komoditi global bertambah baik ke tahap pra-pandemik pada tahun 2022 berikutan pemulihan pesat dalam permintaan disebabkan oleh pembukaan sempadan antarabangsa dan gangguan bekalan akibat pencerobohan Rusia ke atas Ukraine. Kebanyakan harga komoditi mula meningkat selepas bermulanya serangan pada bulan Mac dan Mei, dengan minyak mentah Brent meningkat sehingga US\$128 setiap tong pada 8 Mac 2022 tetapi mula menurun kepada US\$83.63 setiap tong pada 22 Disember 2022 ditengah-tengah kebimbangan yang semakin meningkat mengenai kelembapan ekonomi global.

Kenaikan harga minyak mempunyai kesan positif dan negatif kepada Malaysia di mana walaupun hasil minyak meningkat melalui cukai dan peningkatan perbelanjaan modal bagi projek minyak dan gas, nilai subsidi yang dibayar oleh Kerajaan untuk mengurangkan inflasi juga

meningkat pada masa yang sama. Kesan ini bukan sahaja diperhatikan dalam harga tenaga tetapi juga ke atas komoditi pertanian yang penting kepada rantai bekalan makanan seperti gandum dan jagung yang digunakan untuk makanan haiwan, yang mana ianya turut meningkat ke paras tertinggi pada tahun 2022 dengan kesan limpahan negatif terhadap peningkatan kos untuk ayam itik dan telur.

Harga minyak sawit mentah (CPO) menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2022 dengan mencapai kenaikan tinggi pada RM6,270 setiap tan pada bulan April dan kekal pada paras RM6,000 setiap tan pada separuh pertama tahun 2022. Ini adalah disebabkan oleh harga yang kompetitif berbanding minyak kacang soya serta kebimbangan mengenai ketersediaan minyak sawit selepas banjir di beberapa kawasan di Indonesia seperti Kalimantan. Kekurangan pekerja asing yang telah meninggalkan kesan buruk terhadap

SOROTAN SEKTOR UTAMA TAHUN 2022



industri minyak sawit Malaysia secara beransur-ansur menunjukkan pemulihan dan memerlukan masa untuk pulih sepenuhnya.

Pertanian

Menurut Kementerian Kewangan (MOF), bagi meningkatkan pengeluaran makanan, 800 ekar tanah terbiar milik agensi persekutuan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) serta agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) telah diperuntukkan untuk pembangunan tanaman makanan.


Pelan tindakan khusus untuk mengukuhkan keterjaminan makanan negara juga telah dirangka memandangkan terdapat isu dan cabaran dalam rantai bekalan makanan bermula daripada input pertanian sehingga kepada sisa makanan. Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 terus digerakkan bagi memastikan kelestarian bekalan makanan negara terjamin sepanjang masa. Selain tanaman, subsektor pertanian turut meliputi penternakan dan perikanan laut dalam. Industri ternakan dijangka terus berkembang, disokong oleh permintaan yang lebih tinggi terutamanya daripada permintaan isi rumah dan perniagaan makanan.

PERTANIAN TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing

10 Projek Diluluskan

Jumlah **RM154.4 juta** • Peningkatan sebanyak **651.4%** berbanding tahun 2021



Peluang Pekerjaan



279 Jumlah Peluang Pekerjaan

Perlombongan

Subsektor perlombongan sedang beralih ke arah subsektor yang lebih cekap, mampan dan berdaya

sing dalam menyediakan sumber untuk industri lain. Dalam hal ini, industri pertengahan dan hiliran akan diperkuuhkan untuk meningkatkan aktiviti nilai tambah yang tinggi berkaitan dengan perlombongan. Kerjasama industri dalam R&D, khususnya dalam teknologi pemprosesan dan reka bentuk produk juga akan digalakkan untuk mencipta lebih banyak produk bernilai tambah tinggi.

Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 yang telah dilancarkan adalah untuk memacu pembangunan industri mineral secara holistik, menambah baik tadbir urus dan perundangan serta pembangunan modal insan dan rantaian nilai. Seterusnya, kerjasama antarabangsa dilihat berpotensi untuk memudahkan pemindahan teknologi dan pelaburan asing dalam industri mineral dan industri perkilangan berdasarkan mineral. Di samping itu, pelan hala tuju kimia yang komprehensif sedang dibangunkan untuk menangani jurang dalam ekosistem hiliran minyak dan gas, terutamanya dalam petrokimia. Pelan hala tuju ini juga akan menyediakan sokongan infrastruktur yang diperlukan untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti. Pada tahun 2023, subsektor perlombongan dijangka berkembang sebanyak 1.1 peratus berikutan pengeluaran gas asli yang lebih tinggi dengan siapnya projek baharu di Sarawak, iaitu Kasawari, Jerun dan Timi. Ketiga-tiga projek baharu ini dijangka akan meningkatkan pengeluaran gas terutamanya pada separuh kedua tahun ini. Selain itu, permintaan yang lebih tinggi daripada rakan perdagangan utama

PERLOMBONGAN TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing

26 Projek Diluluskan

• **18 Projek O&G (RM23.9 bil)**
• **8 Projek dalam mineral lain (RM50.4 juta)**

Jumlah **RM23.9 bil**

• Peningkatan sebanyak **40.3%** berbanding tahun 2021
• Merangkumi **90.9%** daripada keseluruhan pelaburan sektor utama



Peluang Pekerjaan



153 Jumlah Peluang Pekerjaan

khususnya Jepun serta permintaan baharu daripada segmen industri dan petrokimia dalam negara dijangka akan meningkatkan lagi pengeluaran gas asli.

Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak mentah dan kondensat diunjurkan lebih sederhana berikutan penurunan kadar pengeluaran dari medan minyak sedia ada di Semenanjung Malaysia. Pertumbuhan ekonomi global yang perlahan dijangka akan mengurangkan permintaan tenaga yang seterusnya menjurus kepada trend penurunan dalam harga minyak mentah dunia. Oleh itu, harga minyak mentah Brent dijangka akan mencatatkan purata lebih rendah sebanyak US\$90 setiap tong pada tahun 2023 selaras dengan jangkaan Organisasi Negara Pengekspor Petroleum (OPEC) terhadap pengurangan permintaan minyak di seluruh dunia.

Perladangan dan Komoditi

Subsektor perladangan dan komoditi yang meliputi kelapa sawit, getah, penanaman hutan, kenaf dan lada hitam telah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi negara sejak 50 tahun lalu. Minyak sawit kekal sebagai salah satu daripada tanaman komoditi terpenting dan eksport pertanian utama negara.

Eksport barang pertanian dijangka meningkat sebanyak 1.7 peratus pada tahun 2023 yang disokong oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap minyak sawit dan produk pertanian berdasarkan minyak sawit serta getah asli. Harga minyak sawit dijangka mencapai purata RM4,300 setiap tan pada tahun 2023 berbanding RM5,000 setiap tan pada tahun 2022. Ini merupakan peningkatan lebih tinggi berbanding purata sebanyak RM2,685 setiap tan bagi 10 tahun yang lalu yang disebabkan oleh bekalan minyak dan lemak boleh dimakan global yang dijangka akan terus kekal terkawal.

Aktiviti pertanian boleh memberi kesan buruk terhadap alam sekitar. Namun begitu, amalan pengurusan ekosistem pertanian dan tanah secara lestari akan dapat mengumpulkan gas rumah hijau dalam tanaman dan tanah, mengurangkan pelepasan gas, meningkatkan kesuburan tanah, memulihkan biodiversiti serta memulihara sumber semula jadi. Salah satu inisiatif tersebut adalah daripada Nano Malaysia Bhd yang memperkenalkan Program Ekonomi Kitaran Inovasi Biojisim (BICEP) yang merupakan satu inisiatif pertanian lestari dengan mempromosikan penggunaan bahan sisa biojisim

daripada sumber pertanian untuk menghasilkan produk dan bahan termaju berkualiti tinggi.

Industri minyak sawit Malaysia juga telah mengambil langkah dalam menangani keimbangan mengenai kelestarian termasuk kriteria alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) sewal tahun 2000-an melalui Amalan Pertanian Baik seperti Dasar Pembakaran Sifar dan pengenalan skim kelestrarian sukarela [cth. Meja Bulat mengenai Minyak Sawit Lestari (RSPO)]. Syarikat perladangan telah pun meningkatkan komitmen kelestarian mereka melalui pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang merupakan agenda nasional dan telah diwajibkan sejak akhir tahun 2019. Industri minyak sawit Malaysia merupakan salah satu daripada beberapa komoditi yang mempunyai komitmen penebangan hutan sifar yang dikawal dan diaudit dan dinyatakan dalam skim-skim pensijilan kelestarian.

Kriteria 'Tiada Penebangan Hutan' dalam MSPO dan RSPO adalah bagi memastikan minyak sawit yang diperolehi dari Malaysia dihasilkan secara lestari dan bukannya daripada aktiviti perladangan yang melibatkan penebangan hutan secara haram. Alat pengesahan untuk mengesahkan bahawa minyak sawit Malaysia diperolehi daripada aktiviti perladangan yang dihasilkan secara lestari mudah didapati dan boleh diakses seperti aplikasi MSPO *Trace* dan RSPO *Palm Trace*. Penggunaan teknologi IR4.0 oleh industri minyak sawit seperti rantai blok akan memperkuuh lagi integriti dan keberkesanan alat pengesannya. Ini adalah penting untuk memastikan kesinambungan dan pematuhan terhadap kriteria ESG melalui pensijilan MSPO.


PERLADANGAN DAN KOMODITI TAHUN 2022

Pelaburan Domestik berbanding Asing

36 Projek Diluluskan → Sebahagian besar projek yang diluluskan adalah dalam kelapa sawit berjumlah **RM75 juta**

Jumlah **RM2.2 bil** ↑ Peningkatan sebanyak **958.5%** berbanding tahun 2021

Pelaburan Domestik
99.8%
RM2.2 bil



Pelaburan Asing
0.2%
RM4 juta

Peluang Pekerjaan

381 Jumlah Peluang Pekerjaan

Meningkatkan Juara Global Masa Hadapan



- Malaysia berbangga menjadi sebuah negara yang kaya dengan ciri-ciri geografi, kawal selia, ekonomi dan demografi yang kondusif
- Walau bagaimanapun, untuk kekal berdaya saing dalam pasaran global yang semakin mencabar, pemain industri tempatan digalakkan untuk bangkit sebagai juara global dan bersaing dalam ekosistem perniagaan antarabangsa
- Menyedari perkara ini, Kerajaan sentiasa menyelaras laluan strategik dan menjadi pemangkin untuk menyokong pemain industri tempatan serta agenda Pelaburan Langsung Domestik (DDI) dan Pelaburan Rentas Sempadan (CBI)

Antara pendekatan penting bagi perniagaan untuk mewujudkan ekosistem yang dipacu oleh inovasi dan berorientasikan teknologi yang terdiri daripada industri bernilai tambah tinggi adalah:-

INOVASI, AUTOMASI DAN BANTUAN KEWANGAN



Inovasi





MIDA telah mempergiat usaha untuk menggalakkan kolaborasi antara universiti dan industri bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan membentuk masa depan Malaysia melalui R&D dan inovasi. Dengan ini, syarikat berpeluang untuk mendapat manfaat melalui penerokaan pelbagai hasil penyelidikan dan inovasi melalui kolaborasi tersebut, khususnya yang berpotensi untuk memberi kesan dan merubah landskap industri



Automasi

Walaupun gangguan dari pandemik COVID-19 sentiasa mengubah susunan rantaian bekalan global, mempercepat pendigitalan dan menggalakkan penggunaan teknologi, syarikat yang memilih untuk menggunakan automasi perkilangan dan beralih ke kilang pintar memperoleh fleksibiliti lebih tinggi serta mengoptimumkan produktiviti dan pertumbuhan

PKS perlu mempertimbangkan untuk menangani jurang penting dan mereka bentuk semula rantaian bekalan ketika mereka mengharungi kepelbagaiannya serantau dengan menggabungkan keupayaan digital termaju dalam usaha untuk mengekalkan ketersediaan rantaian bekalan masa depan dan mentransformasikan tenaga kerja mereka



Bantuan Kewangan

Seiring dengan peningkatan aktiviti perniagaan di Malaysia selepas pandemik, sempadan yang mula dibuka telah mendorong kepada permintaan dan pesanan pelanggan yang kukuh. Pemilik perniagaan perlu mempertimbangkan untuk terus melbur dalam perniagaan mereka dalam memenuhi permintaan ini

Selain daripada perbankan konvensional, PKS juga boleh menggunakan penyedia kewangan alternatif bagi kadar pusingan balik yang lebih singkat dengan kriteria kelulusan yang lebih mudah





AGENDA PELABURAN RENTAS SEMPADAN (CBI) - PERANAN MIDA DALAM MENYOKONG CBI

Penjelasan tentang CBI

- CBI juga dikenali sebagai pelaburan langsung di luar negara
- Satu strategi perniagaan di mana syarikat domestik meluaskan operasi ke luar negara melalui:-
 - Pelaburan Baharu
 - Pengambilalihan, dan/atau pembesaran fasiliti asing sedia ada



- MIDA diberi mandat untuk menjalankan fungsi CBI yang diambil alih daripada MATRADE pada 17 Ogos 2022
- Bertujuan membantu syarikat Malaysia yang sedang mencari peluang teknologi dan pelaburan di luar negara iaitu merupakan salah satu daripada fungsi MIDA di bawah Akta MIDA, 1965. Pada peringkat awal, MIDA telah menjalankan program CBI seperti berikut:
 - Penglibatan dan sesi libat urus dengan Kedutaan Asing, Dewan, Persatuan Perniagaan dan Agensi Penggalakan Pelaburan
 - Pertemuan dengan syarikat tempatan yang berpotensi untuk melabur di luar negara
 - Program kerjasama dengan Industrial and Commercial Bank of China Malaysia (ICBCM) dan Bank of China (Malaysia) Berhad
 - Sesi libat urus dan menghadiri acara yang dianjurkan oleh Duta dan Kedutaan Asing



Dengan melaksanakan keseluruhan spektrum CBI ini, juara global masa hadapan boleh mendapat manfaat daripada peranan advokasi polisi MIDA yang dipertingkatkan dalam fasilitasi pelaburan keluar dan masuk yang akan menyumbang kepada bidang berikut:

- Menjana pendapatan kewangan
- Meningkatkan eksport
- Memudahkan pelaburan domestik
- Pemindahan pengetahuan
- Memupuk inovasi
- Menaik taraf industri
- Meningkatkan standard
- Meningkatkan produktiviti
- Memudahkan akses kepada sumber dan aset fizikal
- Mewujudkan peluang pekerjaan
- Menggalakkan pertumbuhan ekonomi

CBI adalah penting kepada pertumbuhan pembangunan perindustrian Malaysia dan ianya termasuk dalam senarai inisiatif MIDA

Pada tahun 2002, MIDA telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pembangunan dan mempromosikan CBI dengan memanfaatkan hubungan baik dan rangkaian strategik MIDA dengan syarikat global. Ini adalah bagi memudahkan kemasukan pelaburan untuk syarikat Malaysia dan juga bagi mereka mengembangkan pelaburan di luar negara

Syarikat Malaysia

Syarikat Global

Menuju ke hadapan, MIDA akan terus menggalakkan dan mengukuhkan pelaburan CBI dengan:

- Menjalankan kajian mengenai CBI termasuk Analisis Kos Faedah untuk mengkaji semula keberkesanan dalam menyelaras dan mengukuhkan fungsi MIDA bagi menarik lebih banyak CBI
- Membangunkan pangkalan data yang informatif mengenai negara yang disasarkan bagi CBI serta syarikat Malaysia
- Menganjurkan program pembangunan kapasiti (cth. seminar dan lawatan)
- Menjalin kerjasama rapat dengan rakan kongsi utama (cth. institusi kewangan, lembaga pengarah pelaburan, agensi penggalakan pelaburan, rakan kongsi MOU MIDA, persatuan dan dewan perniagaan, Syarikat Sendirian Berhad dan syarikat Malaysia yang melabur di luar negara)
- Meluaskan penglibatan di luar negara (pelantikan Pegawai Pelaburan atau Penasihat dan/atau penuhanan pejabat baharu di luar negara, terutamanya di ASEAN)



Membentuk Bakat Masa Hadapan



Terdapat keperluan mendesak untuk transformasi digital pantas yang memerlukan pelaburan dalam teknologi baharu disebabkan oleh pandemik dan perubahan berterusan dalam tingkah laku pengguna yang seterusnya telah membentuk semula landskap pekerjaan. Oleh itu, permintaan semakin meningkat untuk bakat mahir dan cekap dalam mengendalikan teknologi semasa.

Selain daripada menangani permintaan melalui latihan khusus industri, pendekatan lain adalah dengan mengukuhkan pelaburan modal insan menerusi program latihan semula dan peningkatan kemahiran secara berkala. Penambahbaikan secara berterusan dalam pembangunan bakat masa hadapan ini merupakan salah satu daripada pemangkin dasar di bawah RMKe-12. Bidang keutamaan yang dikenal pasti di bawah RMKe-12 adalah termasuk meningkatkan kualiti pendidikan, mengukuhkan tadbir urus pendidikan tinggi, memanfaatkan teknologi baru muncul, memastikan hasil pembelajaran yang saksama dan menangani pertindihan dalam tadbir urus Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

MIDA secara berterusan telah berinteraksi dengan pihak berkepentingan untuk bertukar maklumat di antara industri dan institut pengajian tinggi bagi membangunkan kemahiran yang diperlukan selaras dengan keperluan ekonomi Malaysia. Dalam menghadapi cabaran baharu pada tahun 2023, MIDA akan meneruskan usahanya untuk memastikan ketersediaan bakat tempatan dengan memberi tumpuan kepada keperluan Industri.

SOROTAN PENGLIBATAN MIDA PADA TAHUN 2022

Program Outreach yang melibatkan pelajar Malaysia di luar negara

- Kerjasama di antara MIDA dan Pejabat Pendidikan dan Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Seoul dan Simmtech Co. Ltd. (syarikat induk Sustio Sdn. Bhd.)
- Pengajuran sesi taklimat untuk pelajar Malaysia di Republik Korea melalui program pengambilan untuk kilang di Batu Kawan, Pulau Pinang
- Kerjasama di antara MIDA dan JPA
- Menghadiri majlis penutup SK Nexilis Global Internship Programme
- Berjaya memulakan kerjasama di antara SK Nexilis, MIDA Seoul dan JPA Seoul
- 10 pelajar Malaysia telah disenarai pendek untuk menyertai satu program latihan amali selama 6 bulan
- Tujuh orang pelajar telah diterima untuk jawatan tetap di SK Nexilis Malaysia dengan purata gaji bulanan sebanyak RM6,000

Talent Outreach Programme: STMicroelectronics Sdn. Bhd. dan graduan JPA

- Sesi sidang video yang dianjurkan oleh Bahagian Bakat MIDA dan JPA
- Seramai 294 graduan kejuruteraan rakyat Malaysia dari universiti tempatan dan luar negara telah mengambil bahagian
– 400 resume telah diterima oleh syarikat

Nov 2021-
Feb 2022

22-23
Feb 2022

Mac
2022

Ogos
2022

2-3 Ogos
2022

14-15
Sep 2022

Program fasilitasi latihan amali bakat secara 'pintu ke pintu'

- MIDA membantu syarikat Airfoil Services Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) aeroangkasa Jerman. Ini merupakan kerjasama di antara UniKL, Kolej Yayasan Teknikal Sabah dan Institut Kemahiran Belia Negara
- Program ini memberi manfaat kepada 50 orang pelajar dengan program latihan amali yang menarik

Membantu dalam kerjasama di antara AT&S iaitu MNC Austria dan universiti tempatan

- Untuk menubuhkan Institut Substrat IC bagi pembangunan bakat
- Untuk meningkatkan daya saing industri Malaysia

Career Crafting – Engineering and Technology Programme

- Anjuran bersama MARA dan MIDA
- Menyediakan sebanyak 1,500 peluang pekerjaan kepada 3,000 pelajar MARA
- Antara syarikat yang mengambil bahagian: AT&S, Plexus, Proton, Micron dan STMicroelectronics

Peserta Pameran Kerjaya Universiti Teknologi Petronas di Seri Iskandar

- MIDA mewakili 14 syarikat untuk pengambilan bakat (119 jawatan dan 1,181 kekosongan)
- MIDA mengumpul sebanyak 120 resume selama 2 hari acara itu berlangsung



Pameran Kerjaya MIDA: Hari MITI 2022

- Pameran kerjaya fizikal pertama selepas pandemik
- Satu platform bagi fasilitasi modal insan untuk pembangunan industri
- Mewujudkan kesedaran tentang kepentingan penjanaan peluang pekerjaan yang selaras dengan pembangunan perindustrian
- Peluang pekerjaan ditawarkan kepada kira-kira 3,000 rakyat Malaysia daripada 27 buah syarikat
- Antara MNC yang mengambil bahagian: AT&S, Panasonic, SK Nexilis, Lam Research, STMicroelectronic, Wistron, Wiwyn
- Antara syarikat tempatan yang mengambil bahagian: Proton, Pusat Data YTL, UMW, UNISEM dan Pentamaster
- Industri yang diwakili: E&E, automotif, mekanikal & kejuruteraan dan IT

Program baru: Lawatan **Benchmarking** dan Program **Talent Outreach**

Lawatan **Benchmarking** ke Belanda, Jerman dan Austria

- MIDA Munich dan Frankfurt mengatur lawatan ke Brainport Industries Campus (BIC) di Eindhoven bersama Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Jabatan Pendidikan Politeknik, Kolej Komuniti (JPPKK) dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan MARA
- Untuk mempelajari dan menanda aras ekosistem industri (fokus kepada bekalan dan kesediaan bakat)
- Penglibatan dengan Dewan Industri: Industrie- und Handelskammer (IHK), Dewan Perindustrian dan Perdagangan di Kassel, Jerman and Wirtschaftskammer Österreich (WKO) dan Dewan Ekonomi Austria di Vienna, Austria

Program **Talent Outreach**

- MIDA bersama MARA dan JPA telah menganjurkan 2 program outreach untuk syarikat OSRAM Opto Semiconductors (Malaysia) Sdn. Bhd. di Munich dan Frankfurt
- Memperkenalkan pengetahuan industri dan peluang pekerjaan kepada pelajar Malaysia di luar negara

Okt
2022

Nov
2022

Nov-Dis
2022

20 Nov 2022-
31 Dis 2022

18 Julai-
31 Dis 2022

Sesi Dialog Industri-Akademia

- Anjuran bersama MIDA dan Invest Kedah
- Platform untuk industri berkongsi pandangan mengenai pengambilan tenaga kerja tempatan
- Wakil akademia: Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti, KPT, MARA, PERKESO dan USM
- Wakil industri: 23 buah syarikat dari Kedah dan Pulau Pinang termasuk OSRAM, First Solar, AT&S, Silterra, Everbest, Inari, Ibiden, SUSTIO, Pentamaster, Eko Metal dan B. Braun

Program pembangunan bakat bagi menyokong ekosistem E&E

- Kerjasama antara MIDA dan *Federation of Malaysian Skills Development Centres*
- Menyediakan kumpulan bakat bagi keperluan bidang digital
- Program yang ditawarkan: Kejuruteraan Big Data (E&E, analisis data, kesedaran Industri 4.0 dan pendigitalan dalam mekatronik)
- Telah mengenal pasti 15 bidang tumpuan untuk memenuhi keperluan industri E&E
- Penekanan: Pembangunan kumpulan bakat ekonomi digital

Program peningkatan kemahiran dan latihan semula PENJANA

- Kerjasama di antara MIDA dan penyedia latihan
- 18 program kursus pendek yang ditawarkan melalui institut latihan: Pusat Pembangunan Tenaga Manusia Selangor (SHRDC), Pusat Pembangunan Kemahiran dan Pengurusan Perindustrian Kedah (KISMEC) dan Kulim Advanced Technologies Sdn. Bhd. (KAT)
- Bagi mengurangkan jurang kemahiran dan menangani masalah pengangguran graduan rakyat Malaysia serta pekerja yang diberhentikan
- Program kesediaan pendigitalan: Kecerdasan Buatan (AI) dan Kompetensi Pembelajaran Mesin untuk Industri 4.0, Automasi Data dan Analitik untuk Industri 4.0, Kompetensi ICT untuk Industri 4.0, Pengalaman Teknologi Sensor & IOT dan Industri Robotik & Automasi
- Hasil pelaksanaan: sebanyak 1,176 peserta (1,139 telah menamatkan kursus dan 77% telah diambil bekerja)

5.0





MELANGKAH KE HADAPAN

Risiko kekal signifikan. Dalam tempoh yang sukar dan tidak menentu ini, polisi sekali lagi memainkan peranan yang penting. Lanjutan mengetatkan polisi kewangan adalah penting untuk mengekang inflasi, sementara sokongan polisi fiskal pula seharusnya lebih tersasar dan bersifat sementara. Mempercepat pelaburan dalam penerapan serta pembangunan sumber dan teknologi tenaga bersih akan memainkan peranan penting untuk mempelbagaikan bekalan tenaga dan memastikan keterjaminan tenaga. Tumpuan baharu terhadap struktur polisi akan membolehkan penggubal polisi untuk merangsang pekerjaan dan produktiviti serta memastikan pertumbuhan dapat dirasai oleh semua pihak. Oleh itu, peranan kita untuk mengatasi krisis ini adalah dengan menetapkan dan melaksanakan polisi yang tepat bagi meningkatkan peluang kejayaan.

Álvaro Santos Pereira, Ketua Pakar Ekonomi Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) ad interim
(OECD Economic Outlook, Volume 2022 Issue 2, 22 November 2022)



TINDAKAN SEIRING GLOBAL

Pertumbuhan global yang lebih perlakan dan kadar faedah lebih tinggi disebabkan oleh inflasi yang tercetus akibat ketidaktentuan geopolitik telah dijangkakan akan berlaku pada tahun 2023. Preskripsi polisi dari aspek langkah kehematan makro sehingga ke perubahan iklim perlu disasarkan untuk mengatasi kebimbangan semasa sehingga ke jangka panjang. Malaysia kekal komited untuk melaksanakan pembaharuan melalui Dasar Pelaburan Baharu (NIP) yang bukan sahaja menggalakkan keterangkuman dan pembangunan lestari malah turut menekankan teras integriti dan tadbir urus yang teratur.



Malaysia telah bersedia untuk menghadapi cabaran global pada tahun 2023 dan kekal untuk bertindak melalui polisi, pembaharuan dan inisiatif yang berteraskan pelbagai lapisan ekonomi, sosial dan tadbir urus dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang saksama dan mampan disamping meningkatkan daya tarikan negara sebagai destinasi pelaburan. Sepertimana negara-negara ekonomi terbuka yang lain, Malaysia juga dijangka bakal terdedah kepada iklim ekonomi global yang semakin lemah. Pelbagai ketidaktentuan dijangka akan menyumbang kepada prospek pertumbuhan global yang suram bagi tahun 2023 seperti yang diunjurkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia, OECD dan Persidangan Bangsa-Bangsa mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD).

Pada bulan Januari 2023, IMF mengunjurkan pertumbuhan global yang perlahan daripada 3.4 peratus pada tahun 2022 kepada 2.9 peratus pada tahun 2023 dan meningkat semula kepada 3.1 peratus pada tahun 2024 (0.2 mata peratusan lebih tinggi berbanding kemaskini laporan pada bulan Oktober 2022 tetapi di bawah purata 2000-2019 iaitu 3.8 peratus). Pembukaan semula Republik Rakyat China (PRC) dijangka bakal membuka laluan kepada pemulihan yang lebih pantas berbanding jangkaan. Inflasi global dijangka akan menurun daripada 8.8 peratus pada tahun 2022 kepada 6.6 peratus pada tahun 2023 namun kekal di atas paras pra-pandemik yang dianggarkan sebanyak 3.5 peratus.

Meskipun risiko buruk telah mulai reda, masih ada risiko lain yang masih kekal. Perkembangan mungkin dapat dikaitkan dengan rangsangan kukuh daripada permintaan tertunggak di kebanyakan ekonomi dan penurunan inflasi lebih pantas berbanding jangkaan. Kelemahan yang menjelaskan pemulihan pertumbuhan global meliputi situasi kesihatan yang semakin merosot di PRC, ketegangan geopolitik yang mungkin meningkat dan kos pembiayaan kewangan global yang bertambah ketat menyebabkan tekanan hutang di mana pasaran kewangan berpotensi membuat penentuan semula harga sebagai reaksi kepada berita negatif inflasi. Ini mungkin memberi kesan kepada kestabilan kewangan dan hutang ketika kebanyakan ekonomi berhadapan dengan krisis kos sara hidup. Bagi mengekang inflasi, IMF menyatakan bahawa pelaksanaan langkah kehematan makro kewangan dan memperkuuh rangka penstruktur semula hutang adalah kritikal. Dengan mempercepat vaksinasi COVID-19 di PRC, sokongan fiskal yang bersasar di negara yang terjejas teruk ekoran kenaikan harga makanan dan tenaga serta menarik balik langkah-langkah bantuan fiskal yang meluas boleh menjamin pemulihan di samping pengukuhan kerjasama multilateral serta mitigasi perubahan iklim dengan mengekang emisi dan peningkatan pelaburan hijau.

Sementara itu, *Economic Outlook November 2022* OECD menjangkakan pertumbuhan global bakal menurun kepada 2.2 peratus pada tahun 2023 dan pulih semula kepada kadar sederhana 2.7 peratus


pada tahun 2024 di mana Asia akan menjadi enjin pertumbuhan utama di tengah-tengah kemerosotan Eropah, Amerika Utara dan Amerika Selatan. Bagi memastikan pemulihan yang lebih kukuh, OECD menggesa penggubal polisi untuk mengambil langkah berani dan penting untuk melabur dalam sekuriti tenaga dan mempelbagaikan bekalan tenaga, memastikan perdagangan pasaran terbuka dan antarabangsa terus kekal serta menjana pekerjaan untuk meningkatkan potensi pertumbuhan sambil mencapai pemulihan yang lebih kukuh dan inklusif.

Berdasarkan laporan *Global Economic Prospects* (GEP) June 2022 Bank Dunia, KDNK global diunjurkan akan tumbuh sebanyak 3 peratus pada tahun 2023 tetapi telah dikemaskini menurun kepada 1.7 peratus di dalam GEP terbaru pada bulan Januari 2023. Unjuran terbaru ini juga merupakan kadar paling rendah sejak tahun 1993

yang tidak mengambil kira kemelesetan ekonomi pada tahun 2009 dan 2020. Walau bagaimanapun, laporan ini menyatakan bahawa pertumbuhan di rantau Asia Timur dan Pasifik (EAP) berpotensi untuk naik kepada kadar 4.3 peratus (anggaran 3.2 peratus pada tahun 2022) selaras kelonggaran sekatan berkaitan pandemik oleh PRC yang membolehkan pemulihan aktiviti secara beransur-ansur – jumlah di bawah unjuran pertumbuhan serantau pada bulan Jun 2022 melepas paras 5 peratus pada tahun 2023 hingga 2024.

Selain daripada pertumbuhan eksport barang EAP yang lemah berbanding jangkaan, semakan menurun ini juga adalah secara meluas dan mengambil kira gangguan berkaitan COVID-19 serta kelemahan berlarutan dalam sektor harta tanah PRC. Sementara itu, inflasi dijangka akan mula menurun sedikit setelah berada pada paras tertinggi pada tahun 2022.

UNJURAN PERTUMBUHAN MENGIKUT RANTAU



PENURUNAN UNJURAN BAGI PRC DAN ASIA TIMUR MENJEJASKAN UNJURAN PERTUMBUHAN SERANTAU

Pertumbuhan KDNK, %

	2022		2023			2022		2023	
	Kemaskini September	ADOS Disember	Kemaskini September	ADOS Disember		Kemaskini September	ADOS Disember	Kemaskini September	ADOS Disember
Asia Membangun (DA)	4.3	4.2 ↓	4.9	4.6 ↓	Caucasus & Asia Tengah	3.9	4.8 ↑	4.2	4.2 –
DA tidak termasuk PRC	5.3	5.4 ↑	5.3	5.0 ↓	Kazakhstan	3.0	3.0 –	3.7	3.7 –
Asia Timur	3.2	2.9 ↓	4.2	4.0 ↓	Asia Tenggara	5.1	5.5 ↑	5.0	4.7 ↓
Hong Kong, China	0.2	-3.3 ↓	3.7	2.9 ↓	Indonesia	5.4	5.4 –	5.0	4.8 ↓
Republik Rakyat China	3.3	3.0 ↓	4.5	4.3 ↓	Malaysia	6.0	7.3 ↑	4.7	4.3 ↓
Republik Korea	2.6	2.6 –	2.3	1.5 ↓	Filipina	6.5	7.4 ↑	6.3	6.0 ↓
Taipei, China	3.4	3.4 –	3.0	3.0 –	Singapura	3.7	3.3 ↓	3.0	2.3 ↓
Asia Selatan	6.5	6.5 –	6.5	6.3 ↓	Thailand	2.9	3.2 ↑	4.2	4.0 ↓
India	7.0	7.0 –	7.2	7.2 –	Vietnam	6.5	7.5 ↑	6.7	6.3 ↓
					Pasifik	4.7	5.3 ↑	5.5	4.8 ↓

Nota: Data untuk India adalah berdasarkan tahun fiskal di mana FY2022 berakhir pada 31 Mac 2023. ↑= unjuran meningkat, ↓= unjuran menurun, – = tiada perubahan.
Sumber: Pangkalan Data Asian Development Outlook

Laporan ini juga mencatatkan bahawa kelembapan ketara EAP pada tahun 2022 hampir keseluruhannya adalah disebabkan oleh PRC yang menguasai sebanyak 85 peratus daripada KDNK. Walau bagaimanapun, Malaysia, Filipina dan Vietnam telah memperoleh manfaat daripada pemulihan kukuh eksport barang. Melangkah ke hadapan, pada tahun 2023, pertumbuhan di negara-negara ini dijangka akan tumbuh secara sederhana (diunjurkan pada 4% untuk Malaysia) disebalik pertumbuhan eksport yang perlahan ke pasaran utama.

Di dalam terbitan suplemen terbaharunya iaitu Asian Development Outlook pada bulan Disember 2022, Bank Pembangunan Asia (ADB) menjangkakan bahawa pertumbuhan KDNK di Asia Tenggara adalah pada kadar 4.7 peratus pada tahun 2023. Meskipun ciri-ciri penggunaan, eksport dan perkhidmatan yang lebih kukuh (khususnya pelancongan) pada bulan Disember dijadikan faktor penyumbang kepada unjuran kenaikan tahun 2022 (daripada 5.1% pada bulan September kepada 5.5% pada bulan Disember), ADB menyatakan bahawa kadar pertumbuhan serantau pada tahun 2023 mungkin terjejas ekoran permintaan global yang lemah. Oleh itu, tahap pertumbuhan pada tahun 2023 dikurangkan daripada 5 peratus (unjuran bulan September 2022) kepada 4.7 peratus pada bulan Disember 2022.

ADB juga menurunkan unjuran tahun 2023 bagi Malaysia daripada 4.7 peratus (bulan September 2022) kepada 4.3 peratus (bulan Disember 2022). Penurunan ini adalah mengambil kira persekitaran global yang lemah walaupun pertumbuhan suku ketiga negara pada tahun 2022 adalah kukuh (14.2%) yang diteraju oleh permintaan domestik yang kukuh ketika ekonomi kembali normal dengan sokongan iklim pasaran buruh yang bertambah baik, langkah polisi kenaikan gaji minimum dan program bantuan tunai Bantuan Keluarga untuk merangsang ekonomi. Selain itu, kelonggaran sekatan pergerakan serta pembukaan semula sempadan pada bulan April 2022 telah menggalakkan lagi perbelanjaan pengguna dan rekreasi yang seterusnya mencergaskan sektor perkhidmatan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) juga menjangkakan pertumbuhan sederhana dalam negara pada tahun 2023. Pada bulan November 2022, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus mengingatkan tentang iklim

ekonomi yang mencabar pada tahun 2023 boleh menjadkan pertumbuhan berikutnya rantaian bekalan yang semakin teruk, ketidaktentuan geopolitik dan ketidakstabilan pasaran disamping risiko utama inflasi domestik yang lebih tinggi boleh mengurangkan aktiviti pelaburan dan perbelanjaan isi rumah. Walau bagaimanapun, dalam situasi risiko dalaman dan luaran yang berlariutan ini, beliau menegaskan bahawa Malaysia tidak akan menuju ke arah kemelesetan pada tahun 2023 dan dijangka akan berkembang di antara 3 hingga 5 peratus. Ini adalah didorong oleh permintaan dalam negeri yang sebahagian besarnya dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta seterusnya meningkatkan pasaran pekerjaan. Tambahan pula, kepelbagaiannya struktur eksport negara juga dijangka dapat menampung sebarang kemerosotan.

Dalam Buletin Suku Keempat 2022 (Februari 2023) yang terbaru, BNM menyatakan bahawa selain daripada sokongan permintaan domestik dan pemulihan pasaran buruh yang berterusan, pertumbuhan ekonomi negara akan dipacu oleh realisasi projek-projek pelaburan berbilang tahun seiring dengan pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Sementara itu, kelembapan eksport berikutan permintaan global yang lebih lemah sebagianya akan diimbangi dengan aktiviti pelancongan yang lebih tinggi. Inflasi keseluruhan dijangka akan kekal tinggi pada tahun 2023.

Pada bulan September 2022, Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar juga menyatakan bahawa kemelesetan tidak mungkin berlaku memandangkan polisi negara yang pragmatik dan responsif serta kepelbagaiannya struktur ekonomi yang tidak banyak bergantung kepada komoditi. Menurut beliau, sektor pertanian dan perlombongan hanya menyumbang sebanyak 14 peratus kepada KDNK Malaysia, manakala sektor perkhidmatan dan perkilangan masing-masing menyumbang sebanyak 57 peratus dan 24.3 peratus. Di samping itu, daya tahan ekonomi Malaysia diperkuuh lagi dengan pelbagai rakan perdagangan negara tanpa terlalu bergantung kepada negara tertentu.

Di dalam Penyata Monetari bertarikh 3 November 2022, BNM menyatakan bahawa kebanyakan bank pusat dijangka akan menaikkan kadar faedah untuk mengurangkan tekanan inflasi yang timbul daripada permintaan yang kukuh, pasaran buruh yang ketat

dan peningkatan harga komoditi walaupun keadaan rantaian bekalan global telah bertambah baik.

BNM menaikkan Kadar Dasar Semalam (OPR) sebanyak empat kali pada tahun 2022 di mana OPR terkini (3 November 2022) telah mencecah 2.75 peratus. Pada tahap OPR ini, kedudukan dasar monetari Malaysia kekal dapat menampung dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Memandangkan bank pusat tersasar daripada ketetapan asal, keputusan dasar monetari pada masa hadapan akan bergantung kepada perubahan keadaan dan implikasi yang dibawa ke atas prospek keseluruhan terhadap inflasi dan pertumbuhan domestik. Pelarasan selanjutnya ke atas ketetapan dasar monetari akan dibuat dengan langkah terbaik dan secara berperingkat bagi menyokong kemampuan pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran harga yang stabil.

Terdahulu pada bulan Oktober 2022, MIDF Research mengunjurkan inflasi akan kekal lemah dalam menjangkakan pendekatan Kerajaan terhadap mekanisme subsidi bahan api. Melangkah ke tahun 2023, firma penyelidikan itu mengunjurkan faktor inflasi ke atas kos bekalan akan menurun bergantung kepada peningkatan dolar AS berbanding ringgit, pengurangan harga makanan, pemulihan seterusnya ke atas tekanan rantaian bekalan global dan penurunan harga komoditi. MIDF mengunjurkan (pada bulan Disember 2022) pertumbuhan KDNK Malaysia yang sederhana kepada 4.2 peratus bagi tahun 2023 disebabkan oleh penurunan prestasi perdagangan luar berpunca daripada permintaan global yang lemah. Walaupun unjuran pertumbuhan eksport sebenar Malaysia merundum kepada 2.8 peratus pada tahun 2023 berbanding 12.5 peratus pada tahun 2022, MIDF menjangkakan eksport perkhidmatan akan bertambah baik yang sebahagiannya disokong oleh kerancakan aktiviti pelancongan sekiranya PRC dibuka semula lebih awal daripada jangkaan*.

*PRC melonggarkan dasar Sifar COVID-19 pada 7 Disember 2023

Dari segi perdagangan barang, MIDF mengunjurkan Malaysia bakal beroleh manfaat daripada eksport komoditi memandangkan harga purata minyak sawit, petroleum, Gas Asli Cecair (LNG), Minyak Sawit Mentah (MSM) dan minyak mentah Brent dijangka akan kekal tinggi pada tahun 2023. Sektor pertanian dan perlombongan pula dijangka mencatatkan kadar pengembangan sebanyak satu peratus masing-masing manakala keluaran sektor perkilangan

dijangka menyaksikan pertumbuhan sederhana sebanyak tiga peratus pada tahun 2023.

Malaysia Terus Bersedia

Pelabur terus mempamerkan keyakinan terhadap Malaysia susulan kepimpinan baharu yang memberi sepenuh tumpuan untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara sambil mengekalkan reputasinya sebagai destinasi pelaburan yang stabil. MITI dan agensinya akan memastikan peluang pelaburan baharu akan dapat membangunkan keperluan kapasiti dan asas bakat dalam industri yang disasarkan demi kemampanan ekonomi negara pada masa hadapan. Bersama MITI, MIDA sedang giat berusaha untuk menarik pelaburan dalam industri-industri yang disasarkan dari seluruh dunia untuk memantapkan ekosistem perindustrian dan landskap perdagangan. Inisiatif ini adalah termasuk menyediakan fasilitasi perniagaan dan rangkaian nilai yang diperlukan oleh syarikat asing, tempatan dan permulaan bagi mengoptimumkan operasi mereka dalam pasaran yang dinamik.

Kerajaan kekal berdaya tahan dalam meneroka bidang pertumbuhan baharu dan memperkasakan perniagaan dan komuniti tempatan sambil mempertahankan teras integriti, tadbir urus yang baik dan kedaulatan undang-undang di samping menggalakkan keterangkuman dan kelestarian pembangunan melalui Dasar Pelaburan Baharu (NIP) yang berdasarkan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA).

Pembaharuan melalui NIA

Ketika negara beralih ke arah endemik dalam persekitaran yang berlatarbelakangkan landskap perindustrian dan perdagangan global yang dipenuhi dengan perubahan dinamik, Kerajaan menyedari kepentingan untuk mencergaskan iklim pelaburan negara bagi merebut peluang menerusi perubahan perdagangan yang berterusan. Selaras dengan ini, NIP telah dilancarkan pada 6 Oktober 2022 sebagai rangka kerja yang berpandangan ke hadapan untuk mengemudi pelaksanaan pembaharuan dan memacu pelaburan dalam bidang pertumbuhan sedia ada dan akan datang. Dengan tumpuan yang lebih teliti untuk menarik projek pelaburan berimpak ekonomi tinggi, rangka kerja ini telah diselaraskan dengan hasil pembangunan NIA Malaysia pada masa hadapan.

NIP menggariskan 22 inisiatif peringkat kebangsaan yang berteraskan enam teras strategik seperti berikut:

TERAS STRATEGIK BAGI MEMPERKUKUHKAN EKOSISTEM PELABURAN MALAYSIA




Sumber: Laporan Awam Dasar Pelaburan Baharu, MITI

MIDA terlibat dalam pelaksanaan beberapa inisiatif utama yang digariskan dalam NIP, terutamanya yang memberi tumpuan kepada kemudahan bagi menjalankan perniagaan dan menangani perubahan keperluan pelabur.

INISIATIF UTAMA MELIBATKAN MIDA (KOLABORASI DENGAN KEMENTERIAN DAN AGENSI BERKAITAN)


Teras Strategik	Inisiatif	Catatan
 Penggabungan strategi pelaburan untuk memacu pelaksanaan berfokus ke atas NIA dan ESG	Menyelaras strategi dan dasar pelaburan Pelan hala tuju sektor yang terperinci sebagai panduan dalam peralihan ke arah mencapai sasaran kelestarian negara	Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 akan dikaji semula untuk mensasarkan peluang pelaburan melangkaui sektor tradisional Meneroka incentif fiskal dan kewangan untuk membantu syarikat beralih ke arah amalan lestari (seperti penerapan teknologi hijau) Program kesedaran dan latihan juga akan disediakan untuk menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dalam menerapkan amalan lestari.
 Pakej incentif yang tangkas dan berpandangan ke hadapan dalam memenuhi keperluan pelabur	Incentif berperingkat dan prakelulusan dengan tumpuan yang lebih utama melangkaui incentif fiskal dan kewangan	Untuk menyelaras perubahan keutamaan pelabur dan incentif yang menawarkan cadangan nilai yang lebih luas, memasukkan pakej bukan fiskal dan bukan kewangan akan diterokai. Ini termasuk akses ke laluan hijau untuk visa bakat dan pengecualian peraturan khas untuk memudahkan perjalanan perniagaan tempatan Sistem incentif berperingkat akan dipertimbangkan di mana tahap kelulusan incentif yang diberikan adalah berdasarkan sejauh mana projek pelaburan berpacukan NIA.
 Proses kajian semula incentif diselia oleh Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) bagi memastikan keberhasilan adalah selaras sasaran NIA	Proses kajian semula incentif diselia oleh Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) bagi memastikan keberhasilan adalah selaras sasaran NIA	Saluran maklum balas antara pelabur dan NCI akan dijadikan saluran rasmi untuk mengumpul maklumbalas pelabur tentang kualiti sokongan yang diberikan oleh MIDA dan agensi penggalakan pelaburan (IPA) berkaitan di peringkat pelaksanaan dan pasca-pelaburan. Ini juga akan menambah baik pemantauan incentif untuk memastikan pelabur melaksanakan komitmennya dan menyumbang kepada sasaran NIA

Teras Strategik	Inisiatif	Catatan
 <p>Landskap IPA dengan peranan dan tanggungjawab yang jelas untuk memudahkan perjalanan pelabur</p>	Memusatkan badan penyelaras nasional untuk tujuan promosi dan pemasaran	Peranan MIDA akan diperkuuh sebagai penyelaras utama untuk semua usaha membantu pelabur. Model penyelarasan ini diguna pakai untuk memantapkan kerjasama aktiviti pemasaran merentasi semua IPA
	Memperkasakan PACU untuk mempercepat pelaksanaan pelaburan	Unit Pecutan dan Penyelaras Projek (PACU) yang ditubuhkan di bawah MIDA pada tahun 2020 untuk memudah cara projek perkilangan yang diluluskan oleh NCI akan dipertingkatkan bagi meluaskan jangkaunya kepada pelabur di semua wilayah dan menyediakan fasiliti kepada semua projek pelaburan merentasi sektor

NIA adalah bertunjangkan keperluan untuk meningkatkan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang merentasi ekonomi. Selaras dengan NIP, Kerajaan merancang untuk meningkatkan usaha penggalakan ESG menerusi dasar dan sumber tersasar meliputi tenaga kerja, inisiatif pembinaan kapasiti dan pembiayaan ke arah pelaburan yang dapat mengukuhkan kedudukan ESG negara.

Bagi insentif fiskal dan bukan fiskal untuk pelabur, MITI dan MIDA akan mengutamakan projek pelaburan lestari yang berkaitan pembangunan dan penerapan teknologi hijau, melibatkan pendigitalan dan automasi serta penerapan model ekonomi kitaran. Projek lain yang disasarkan adalah termasuk bidang pertumbuhan hijau baharu seperti teknologi hidrogen, bioteknologi dan mobiliti elektrik yang bertindak sebagai penggerak kepada penerapan hijau merentasi sektor dan merupakan enjin ekonomi masa hadapan.

SASARAN MATLAMAT DAN METRIK DASAR PELABURAN BAHARU



1. Dikira berdasarkan nisbah jumlah pelaburan di setiap negeri sebagai perkadaruan kepada sumbangan KDNK negeri; 2. *Sustainalytics Country Risk Rating Report* -skor faktor ESG meliputi Modal Asli dan Dihasilkan, Modal Insan dan Modal Institusi; 3. Purata pematuhan melalui semakan syarikat senarai awam merentasi sektor dan modal pasaran; 4. Purata kualiti diukur melalui semakan 300 syarikat dalam senarai awam merentasi sektor dan modal pasaran dengan pemarkahan 0-3 (0=pemarahan umum, 1=penilaian kualitatif, 2=penilaian kuantitatif); 5. MSIC 2008 merangkumi 238 kumpulan; 6. Merujuk Rantaian Nilai Global; 7. Merujuk Pelaburan Domestik Luar Negara

Sumber: Laporan Dasar Pelaburan Baharu, MITI

Untuk meningkatkan akauntabiliti pemain industri dan pelaporan amalan ESG, MITI sedang berunding dan berbincang dengan pihak berkepentingan tempatan dan antarabangsa untuk membangunkan Rangka Kerja ESG Nasional bagi Sektor Perkilangan menjelang tahun 2024. Rangka kerja ini akan mengarusperdanakan elemen ESG dalam pembangunan sektor tersebut dan meliputi empat komponen utama iaitu piawaian ESG, sokongan dan insentif kewangan, pembinaan kapasiti dan mekanisme pasaran termasuk perdagangan karbon dan penetapan harga karbon.

Dengan berpandukan NIA, MIDA sedang mempergiatkan usahanya dan tertumpu untuk menarik pelaburan dalam aktiviti berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berpacuan inovasi bagi melengkapkan dan mengukuhkan lagi ekosistem perindustrian Malaysia. MIDA juga sedang menerokai peluang baharu yang tercusus daripada trend global yang sepadan dengan keupayaan unik Malaysia dalam sektor ekonomi digital, elektrikal dan elektronik, farmaseutikal, aeroangkasa, bahan kimia, peranti perubatan dan automotif.




Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe12) – Kajian Separuh Penggal




NIP melengkapkan objektif keseluruhan RMKe-12 untuk memfokus kepada kelestarian dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan inklusif. Kerajaan telah maju ke hadapan dengan melaksanakan strategi di bawah RMKe-12 dan kini sedang menjalankan Kajian Separuh Penggal untuk menilai prestasi ekonomi Malaysia bagi tahun 2021 dan 2022 di samping mengenal pasti bidang untuk penambahbaikan yang boleh merangsang ekonomi negara dalam landskap global yang kini kian berubah. Sebagai salah satu daripada pihak berkepentingan dalam Kajian Separuh Penggal ini, MIDA akan terus menyokong penambahbaikan dasar, memperkenalkan pakej fiskal dan bukan fiskal serta melaksanakan inisiatif di antara yang lainnya untuk mengukuhkan lagi syarikat dan bakat tempatan yang akan menyokong pertumbuhan sektor perkilangan dan perkhidmatan Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada Kajian Separuh Penggal, beberapa projek infrastruktur utama termasuk rangkaian rel dan jalan raya bersepudu yang menghubungkan lapangan terbang dan pelabuhan di kawasan perindustrian, bandar dan luar bandar telah dikenal pasti untuk diteruskan memandangkan kepentingan strategik mereka dalam memangkin aktiviti ekonomi seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang dijangka siap pada tahun 2027. Projek ECRL akan membantu menyumbang sekurang-kurangnya RM50 bilion kepada KDNK negara.

Polisi Pro-Perniagaan



Kerajaan terus mengamalkan polisi pro-perniagaan. Antara usaha untuk memacu Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi yang dipacu oleh sektor perkhidmatan ialah pengecualian syarat 30 peratus ekuiti Bumiputera yang diperkenalkan pada 20 Julai 2022. Pengecualian ini terpakai bagi pembelian tanah untuk projek pusat data yang diluluskan oleh Jemaah Menteri Malaysia bagi pemerolehan tanah bernilai melebihi RM20 juta dan adalah sah sehingga tahun 2025. Projek pusat data yang mendapat manfaat daripada dasar ini mesti dilaksanakan dalam tempoh dua tahun selepas tarikh selesai pemindahan hak milik. Dasar ini dijangka akan memangkinkan lagi pelaburan digital ke Malaysia dan menyumbang secara positif ke arah sasaran Kerajaan untuk menarik sejumlah RM70 bilion pelaburan digital menjelang tahun 2025.



Pembangunan Global Menggalakkan



Perkembangan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)

Terdapat beberapa perkembangan global penting pada tahun 2022 yang boleh memberi kesan kepada Malaysia untuk melangkah ke hadapan dan mempengaruhi dasar ekonomi Kerajaan seperti memperkuatkan perjanjian perdagangan bebas Malaysia. Pada 29 September 2022, Kerajaan Malaysia dan Türkiye telah menandatangani protokol untuk memperluas Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turkey (MTFTA) yang telah berkuat kuasa sejak 1 Ogos 2015. Dengan ini, skop MTFTA telah diperluas dengan merangkumi perdagangan dalam perkhidmatan, pelaburan dan e-dagang – satu langkah yang akan merangsangkan lagi aliran pelaburan bersilang antara Malaysia dan Türkiye. Pengeksport dari kedua-dua negara adalah digalakkan untuk memanfaatkan lokasi strategik mereka ke pasaran serantau.

Malaysia juga telah meratifikasi Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) pada 30 September 2022. Ratifikasi dan pelaksanaan CPTPP dijangka akan menjadi petanda yang baik untuk menonjolkan Malaysia sebagai ekonomi perdagangan global di mana eksport diunjurkan akan meningkat daripada US\$256.78 bilion pada tahun 2021 kepada US\$354.7 bilion pada tahun 2030 dan imbangan perdagangan dijangka kekal dengan lebih kukuh pada kadar 8.5 peratus daripada KDNK untuk tahun yang sama. Ratifikasi ini membuka peluang eksport kepada syarikat Malaysia untuk meneroka pasaran baharu seperti Kanada, Mexico dan Peru – negara yang sebelum ini tidak diliputi dalam mana-mana perjanjian perdagangan bebas sedia ada. Selain itu, CPTPP yang kini melibatkan 11 negara sebagai ahlinya dapat diperluas lagi melalui potensi penyertaan negara-negara tambahan seperti United Kingdom, Republik Rakyat China (PRC), Chinese Taipei, Ecuador dan Costa Rica yang kesemuanya telah memohon untuk menyertai pakatan perdagangan ini.

Di samping itu, Malaysia juga sedang meneruskan rundingan aktif untuk menaik taraf FTA serantau sedia ada khususnya Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA), Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA) dan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA).



Impak Kadar Cukai Minimum Global (GMTR)

Malaysia sentiasa responsif terhadap pembaharuan standard cukai yang dipersetujui secara global untuk memupuk persekitaran perniagaan yang kompetitif. Pada bulan Oktober 2021, Malaysia merupakan antara 136 negara dan bidang kuasa yang telah bersetuju dengan cadangan OECD untuk memperkenalkan kadar cukai minimum global (GMTR) sebanyak 15 peratus. Ini adalah untuk membendung pengelakan cukai oleh Syarikat Multinasional (MNC) yang mengalihkan keuntungan dan perolehan hasil cukai daripada sumber tidak ketara seperti paten ubat-ubatan, perisian dan royalti ke negara-negara bercukai rendah untuk mengelak cukai yang lebih tinggi di negara asal.

Malaysia bersetuju pada dasarnya untuk melaksanakan GMTR ke atas MNC terpilih dan sedang terlibat secara aktif dalam perbincangan kumpulan kerja untuk memastikan penyertaan dalam dasar yang dilaksanakan oleh OECD ini.

Dalam menjangkakan pelaksanaan GMTR pada tahun 2024, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk memperkenalkan Cukai Tambah Nilai Minimum Domestik yang Layak (QDMTT) iaitu cukai yang dikenakan ke atas lebihan keuntungan bagi entiti kumpulan di Malaysia yang mempunyai Kadar Cukai Berkesan (ETR) kurang daripada 15 peratus. QDMTT akan membolehkan Kerajaan membanteras ketirisan hasil dan aktiviti pengalihan keuntungan dan memberi hak pertama kepada Malaysia untuk mengenakan cukai tambah nilai bagi mengelak ianya diserahkan ke negara lain.

Belanjawan Negara 2023 - 'Membangunkan Malaysia MADANI'

BAJET
2023

Semakan semula Bajet 2023 yang diumumkan pada 24 Februari 2023 menyaksikan **peruntukan sebanyak RM388.1 bilion** meliputi perbelanjaan mengurus sebanyak RM289.1 bilion dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM99 bilion. Bajet ini **tertumpu untuk memacu ekonomi inklusif** dan mampu sebagai salah satu daripada objektifnya dan dijangka akan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan dan perdagangan di rantau Asia.

Ringkasan Ciri Utama Bajet 2023

Bil.	Inisiatif/ Insentif	Ciri-Ciri	Manfaat
1	Pengecualian Cukai Pendapatan dan Elaun Cukai Pelaburan untuk Pengilang Peralatan Pengelas Kenderaan Elektrik (EV)	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Pengecualian Cukai Pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun dari tahun taksiran (YA) 2023 hingga YA 2032 yang membolehkan syarikat yang membuat pelaburan awal dapat menikmati pengecualian cukai untuk tempoh sehingga 10 tahun. Syarikat yang membuat pelaburan selepas YA 2023 layak menikmati baki tempoh pengecualian sahaja; atau ◆ Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% untuk tempoh 5 tahun yang boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun untuk setiap YA 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Menarik pelaburan bernilai tinggi sedia ada dalam ekosistem EV

Bersambung pada halaman seterusnya

Belanjawan Negara 2023 - 'Membangunkan Malaysia MADANI'

2023

Bil.	Inisiatif/ Insentif	Ciri-Ciri	Manfaat
2	Lanjutan Insentif Utama di bawah MIDA	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Pakej Insentif untuk Industri Aeroangkasa (dilanjutkan dari 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025) ◆ Insentif Cukai Khas (Penempatan Semula) (dilanjutkan bagi sektor keutamaan selama 2 tahun sehingga tahun 2024) ◆ Pakej Insentif untuk Industri Pembinaan dan Pembaikan Kapal (dilanjutkan dari 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2027) 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Menarik pelaburan dalam industri dan aktiviti strategik
3	Perluasan Elaun Modal Automasi* (Automation CA) untuk Sektor Perkilangan, Perkhidmatan dan Pertanian	<p>Automasi CA ditambah baik seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Perluasan skop automasi untuk meliputi adaptasi elemen Industri 4.0 ◆ Perluasan insentif cukai untuk merangkumi sektor pertanian ◆ Menyelaras dan meningkatkan had perbelanjaan modal untuk kategori 1, 2 dan pertanian sehingga RM10 juta 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Membantu syarikat tempatan untuk mempercepat proses pendigitalan dan automasi
4	Mempercepatkan Pelan Jalinan Digital Nasional (JENDELA)	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) diperuntukkan RM725 juta untuk memastikan kesalinghubungan digital di 47 kawasan perindustrian dan hampir 3,700 sekolah 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Peningkatan kesalinghubungan internet di seluruh negara
5	Peningkatan Inisiatif TVET	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Kerjasama secara langsung dengan industri terutamanya Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) seperti PETRONAS, DRB-Hicom Bhd., Sunway Bhd. dan Malaysian Resources Corporation Bhd. yang akan mengambil alih sebahagian atau sepenuhnya operasi institusi TVET ◆ Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) diperuntukkan RM50 juta untuk memanfaatkan lebih daripada 8,000 pelatih ◆ Program Akademi-dalam-Kilang akan dilaksanakan untuk menyediakan peluang latihan di tempat kerja kepada lebih 50,000 pelatih 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Menangani kekurangan pekerjaan yang berkaitan dengan ketidakpadanan kelayakan dan gaji ◆ Memenuhi keperluan kemahiran industri
6	Insentif Cukai untuk Syarikat yang Menjalankan Aktiviti Teknologi Penangkapan dan Penyimpanan Karbon (CCS)	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Insentif cukai dan pengecualian duti import dan cukai jualan untuk: <ul style="list-style-type: none"> ■ Syarikat yang menjalankan aktiviti CCS secara dalaman dan perkhidmatan ■ Syarikat yang menjalankan perkhidmatan CCS ◆ Potongan cukai untuk perbelanjaan pra-permuallaan yang dibenarkan bagi syarikat yang menjalankan aktiviti CCS secara dalaman ◆ Potongan cukai ke atas yuran yang ditanggung oleh syarikat yang menggunakan perkhidmatan CCS 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Menggalakkan CCS sebagai sumber pertumbuhan ekonomi baharu dan penggerak untuk mencapai pelepasan sifar GHG bersih

Bersambung pada halaman seterusnya

BUDGET

2023

Bil.	Inisiatif/ Insentif	Ciri-Ciri	Manfaat
7	Peruntukan Pembiayaan untuk Menyahut Agenda Kelestarian	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Pinjaman oleh BNM sehingga RM2 bilion untuk menyokong syarikat permulaan teknologi yang lestari dan membantu PKS melaksanakan amalan rendah karbon ◆ Khazanah akan menyediakan RM150 juta untuk merangsang pembangunan projek mesra alam, termasuk menyokong pasaran karbon dan penghutanan semula ◆ Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) dipertingkatkan dengan nilai jaminan dinaikkan kepada RM3 bilion sehingga 2025 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Menggalakkan amalan dan prinsip hijau di kalangan perniagaan

Bajet 2023 juga menekankan langkah-langkah untuk menambahbaik prosedur Kerajaan bagi mengukuhkan peranan penggalakan dan fasilitasi pelaburan dalam memastikan kesan limpahan tarikan pelaburan dapat memberi manfaat kepada Malaysia. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- Penstrukturian semula Agensi Penggalakan Pelaburan dan insentif pelaburan ke arah insentif dengan kadar berperingkat berdasarkan hasil selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (akan dilancarkan selewat-lewatnya pada S3 2023)
- Pengukuhan terhadap pemantauan insentif pelaburan untuk meningkatkan keberkesanannya dan memastikan pelaburan yang diluluskan mematuhi syarat dan komitmen insentif
- Majlis Pelaburan Negara dan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) akan menerajui usaha untuk mempercepat kelulusan pelaburan yang berpotensi tinggi. Ini akan mempercepat usaha untuk merangsang pelaburan dalam sektor berimpak tinggi dan berteknologi yang selaras dengan NIP

Tinjauan Global

Bagi tahun 2023, beberapa trend global utama dijangka akan mempengaruhi prospek industri dan tumpuan pelaburan di Malaysia seperti trend dalam industri semikonduktor global dan kesannya terhadap industri E&E Malaysia. Menurut firma penyelidikan dan perunding teknologi Gartner, industri semikonduktor global dijangka bakal mengalami penurunan pertumbuhan dari 7.4 peratus pada tahun 2022 kepada -2.5 peratus pada tahun 2023. Ini adalah berpunca daripada permintaan yang semakin lemah terhadap komputer peribadi dan telefon pintar dalam pasaran pengguna. Hasil pendapatan semikonduktor global daripada telefon pintar akan merundum daripada pertumbuhan sebanyak 24.5 peratus pada tahun 2021 kepada 3.1 peratus pada tahun 2022.

Walau bagaimanapun, ketika ruang pengguna semakin perlahan, permintaan dalam pasaran pusat data akan kekal berdaya tahan di mana hasil pendapatan semikonduktor global dijangka berkembang sebanyak 20 peratus pada tahun 2022 yang didorong oleh pelaburan infrastruktur awan yang berterusan. Segmen elektronik automotif juga akan terus mencatat pertumbuhan dua angka dalam tempoh tiga tahun akan datang berikutan peningkatan kandungan semikonduktor setiap kenderaan yang kini beralih kepada kenderaan elektrik dan automatik.

Sementara itu, menurut Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA), kenaikan harga tenaga dan gangguan rantai bekalan yang teruk akibat perang Rusia-Ukraine dijangka akan mempercepat peralihan dunia ke arah penggunaan tenaga lebih hijau. Perang ini juga telah menyumbang kepada peningkatan harga makanan secara mendadak dan menjasarkan keterjaminan makanan global. Sebagai tindak balas, Kerajaan Malaysia akan mempercepat pelaburan dalam penerapan dan pembangunan sumber dan teknologi tenaga bersih serta terus membangunkan industri halal dan pertanian pintar yang telah dikenalpasti sebagai salah satu daripada Industri Strategik dan Berimpak Tinggi di bawah RMKe-12.

Kerajaan juga berusaha untuk terus mengukuhkan ekosistem digital Malaysia termasuk infrastruktur dan automasi 5G melalui inisiatif seperti MyDigital dan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Malaysia yang mensasarkan pelaburan bernilai RM70 bilion untuk mempercepat usaha pendigitalan menjelang tahun 2025. Antara usaha yang dijalankan ialah skim Pecutan Ekosistem Digital (DESAC) yang diumumkan di bawah Bajet 2022 untuk merancakkan pelaburan digital, membangunkan rantai nilai ekonomi digital tempatan dan menjana peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat Malaysia.



Lampiran 1: Projek Perkilangan yang Diluluskan, 2022 dan 2021

	2022			2021		
	BAHARU	PEMBESARAN/ PELBAGAIAN	JUMLAH	BAHARU	PEMBESARAN/ PELBAGAIAN	JUMLAH
Jumlah	416	385	801	386	316	702
Peluang Pekerjaan	39,027	37,066	76,093	42,204	32,371	74,575
Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)*	35,019.7	49,254.4	84,274.1	153,381.7	41,706.2	195,087.9
Domestik (RM juta)	9,760.9	8,491.9	18,252.8	8,725.1	6,764.2	15,489.3
Asing (RM juta)	25,258.9	40,762.5	66,021.3	144,656.6	34,942.0	179,598.6

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menebat jumlah yang dinyatakan

Lampiran 2: Projek Perkilangan Baharu yang Diluluskan Mengikut Saiz Pelabur Modal, 2022 dan 2021

SAIZ JUMLAH PELABURAN	2022			2021					
	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	PEKERJAAN BIL.	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*
Kurang daripada RM2.5 juta	8	35	5.7	2.8	8.5	7	75	6.2	0.4
RM2.5 juta - < RM5.0 juta	25	410	74.4	21.5	95.9	22	357	86.2	0.4
RM5.0 juta - < RM10.0 juta	90	2,904	530.8	136.6	667.4	90	2,755	604.4	84.6
RM10.0 juta - < RM50.0 juta	227	13,849	3,650.4	1,171.0	4,821.4	213	12,281	3,437.9	909.7
RM50.0 juta - < RM100.0 juta	29	3,490	1,199.8	842.6	2,042.4	16	1,770	564.6	566.7
RM100.0 juta - < RM500.0 juta	24	5,356	2,269.1	2,490.1	4,759.2	25	5,501	2,483.2	1,990.2
RM500.0 juta - < RM1.0 billion	7	4,840	0.0	4,758.1	4,758.1	1	1,884	0.0	663.1
RM1.0 bilion dan ke atas	6	8,143	2,030.7	15,836.2	17,866.8	12	17,581	1,542.5	140,441.5
JUMLAH	416	39,027	9,760.9	25,258.9	35,019.7	386	42,204	8,725.1	144,656.6
									153,381.7

Nota: * Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menebat jumlah yang dinyatakan

Lampiran 3: Projek Perkilangan yang Diluluskan mengikut Industri, 2022 dan 2021

INDUSTRI**	2022				2021			
	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)
Elektrik & Eletronik	106	27,072	1,398.6	27,853.1	29,251.7	94	28,362	1,711.2
Jentera & Kelengkapan	72	4,854	3,075.9	5,274.3	8,350.2	48	2,501	576.9
Kelengkapan Pengangkutan	49	3,815	1,446.5	6,602.7	8,049.1	44	2,318	992.1
Kimia & Produk Kimia	71	2,860	1,627.4	5,724.9	7,352.3	89	3,048	2,276.5
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	9	805	351.3	5,577.6	5,928.9	5	147	186.3
Produk Mineral Bukan Logam	29	3,201	490.9	5,331.9	5,822.8	17	782	311.3
Peralatan Saintifik & Pengukuran	25	3,389	182.8	4,561.8	4,744.6	13	807	85.7
Produk Getah	22	7,592	3,183.6	418.3	3,601.9	40	12,229	4,865.8
Pengilangan Makanan	93	5,344	2,068.4	1,454.1	3,522.5	77	5,354	1,574.3
Produk Logam Asas	31	2,894	1,083.8	900.3	1,984.1	22	9,283	264.7
Produk Fabrikasi Logam	79	3,899	889.1	765.6	1,654.7	90	3,392	1,176.9
Produk Plastik	82	3,788	806.9	615.1	1,422.0	45	2,006	488.6
Kertas, Percetakan & Penerbitan	42	2,400	486.6	605.9	1,092.5	34	1,413	392.8
Tekstil & Produk Tekstil	19	1,274	524.7	72.3	596.9	15	304	54.7
Perabot & Kelengkapan	34	1,484	327.0	174.7	501.7	30	1,033	203.4
Kayu & Produk Kayu	22	791	155.5	74.3	229.8	20	950	180.4
Minuman & Tembakau	8	431	112.0	0.9	112.9	6	38	28.6
Kulit & Produk Kulit	1	16	3.8	0.0	3.8	1	75	31.8
Lain-lain	7	184	38.1	13.6	51.6	12	533	87.3
JUMLAH	801	76,093	18,252.8	66,021.3	84,274.1	702	74,575	15,489.3
								179,598.6
								195,087.9

Note: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan
 **Pelaporan data adalah berdasarkan Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008)

Lampiran 4: Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Pelaburan berjumlah RM100 juta dan ke atas, 2022

INDUSTRI**	BAHARU					PEMBESARAN/PELBAGAIAN					JUMLAH				
	BIL.	PEKER -JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	PEKER -JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN ASING (RM JUTA)	BIL.	PEKER -JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)	
Elektrik & Elektronik	9	5,549	141.0	3,795.1	3,936.1	22	16,933	628.2	22,984.4	23,612.6	31	22,482	769.2	26,779.5	27,548.7
Kelengkapan Pengangkutan	2	236	434.7	0.0	434.7	3	1,680	416.5	6,492.9	6,909.3	5	1,916	851.2	6,492.9	7,344.0
Jentera & Kelengkapan	2	860	0.0	1,609.6	1,609.6	10	1,993	2,342.1	3,002.3	5,344.4	12	2,853	2,342.1	4,612.0	6,954.0
Kimia & Produk Kimia	7	1,404	972.1	5,129.6	6,101.7	2	101	106.2	180.8	287.0	9	1,505	1,078.3	5,310.4	6,388.7
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	2	533	270.4	5,270.1	5,540.5	1	19	0.0	266.3	266.3	3	552	270.4	5,536.4	5,806.8
Produk Mineral Bukan Logam	3	1,787	0.0	2,583.4	2,583.4	4	316	31.5	2,670.0	2,701.5	7	2,103	31.5	5,253.4	5,284.9
Peralatan Saintifik & Pengukuran	2	1,544	0.0	3,555.8	3,555.8	2	878	0.0	845.7	845.7	4	2,422	0.0	4,401.5	4,401.5
Produk Getah	2	3,920	2,186.9	0.0	2,186.9	5	2,686	664.9	410.6	1,075.5	7	6,606	2,851.8	410.6	3,262.4
Pengilangan Makanan	3	1,098	294.5	149.0	443.5	6	614	645.2	1,067.4	1,712.7	9	1,712	939.8	1,216.4	2,156.2
Produk Logam Asas	2	608	0.0	492.5	492.5	3	324	384.7	181.9	566.7	5	932	384.7	674.4	1,059.2
Produk Fabrikasi Logam	1	300	0.0	143.5	143.5	1	384	0.0	410.5	410.5	2	684	0.0	554.0	554.0
Produk Plastik	2	500	0.0	355.8	355.8	-	-	-	-	-	2	500	0.0	355.8	355.8
Kertas, Percetakan & Penerbitan	-	-	-	-	-	2	287	0.0	332.5	332.5	2	287	0.0	332.5	332.5
Tekstil & Produk Tekstil	-	-	-	-	-	1	325	245.5	0.0	245.5	1	325	245.5	0.0	245.5
JUMLAH	37	18,339	4,299.7	23,084.4	27,384.1	62	26,540	5,464.8	38,845.4	44,310.1	99	44,879	9,764.5	61,929.8	71,694.3

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

**Pelaporan Data adalah berdasarkan Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008)

Lampiran 5: Projek Perkילangan Baru dan Pembesaran/Pelbagaiian yang Diluluskan mengikut Industri, 2022 dan 2021

INDUSTRI**	2022				2021			
	BAHARU BIL.	PEMBESARAN/ PELBAGAIAN BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	BAHARU BIL.	PEMBESARAN/ PELBAGAIAN BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.
Elektrik & Elektronik	45	5,036.8	61	24,214.9	106	29,251.7	26	126,978.8
Jentera & Kelengkapan	28	2,137.8	44	6,212.4	72	8,350.2	27	912.0
Kelengkapan Pengangkutan	20	795.2	29	7,253.9	49	8,049.1	21	678.8
Kimia & Produk Kimia	39	6,698.6	32	653.7	71	7,352.3	53	2,796.9
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	6	5,649.0	3	279.8	9	5,928.9	4	221.1
Produk Mineral Bukan Logam	20	3,043.9	9	2,778.9	29	5,822.8	11	220.1
Peralatan Saintifik & Pengukuran	9	3,706.3	16	1,038.3	25	4,744.6	6	2,015.5
Produk Getah	7	2,289.5	15	1,312.4	22	3,601.9	22	2,765.0
Pengilangan Makanan	65	1,509.6	28	2,013.0	93	3,522.5	61	4,818.9
Produk Logam Asas	14	867.3	17	1,116.7	31	1,984.1	15	9,145.6
Produk Fabrikasi Logam	46	874.5	33	780.2	79	1,654.7	52	1,283.4
Produk Plastik	42	1,054.1	40	367.9	82	1,422.0	24	441.9
Kertas, Percetakan & Penerbitan	29	659.1	13	433.4	42	1,092.5	21	373.5
Tekstil & Produk Tekstil	9	164.6	10	432.3	19	596.9	4	39.1
Perabot & Kelengkapan	16	215.1	18	286.6	34	501.7	14	183.9
Kayu & Produk Kayu	11	167.2	11	62.6	22	229.8	18	347.5
Minuman & Tembakau	6	110.9	2	2.0	8	112.9	1	13.8
Kulit & Produk Kulit	1	3.8	-	-	1	3.8	1	31.8
Lain-lain	3	36.5	4	15.1	7	51.6	5	114.3
JUMLAH	416	35,019.7	385	49,254.4	801	84,274.1	386	153,381.7
							316	41,706.2
								702
								195,087.9

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menebat jumlah yang dinyatakan

**Pelaporan data adalah berdasarkan Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008)

Lampiran 6: Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Majoriti Milik Rakyat Malaysia mengikut Industri, 2022 dan 2021

INDUSTRI**	2022					2021				
	BAHARU		PEMBESARAN/ PELBAGAIAN		JUMLAH	BAHARU		PEMBESARAN/ PELBAGAIAN		JUMLAH
	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*
Produk Getah	7	2,289.5	13	901.2	20	3,190.7	20	2,737.3	12	2475.3
Jentera & Kelengkapan	18	283.2	26	2,806.6	44	3,089.8	15	225.5	15	363.1
Kelengkapan Pengangkutan	19	768.7	22	959.4	41	1,728.1	17	574.7	18	419.5
Kimia & Produk Kimia	29	1,440.0	16	199.6	45	1,639.6	41	741.2	20	1,131.4
Pengilangan Makanan	57	1,260.4	17	347.7	74	1,608.1	55	1,306.6	13	288.4
Elektrik & Elektronik	18	575.6	21	801.9	39	1,377.5	17	332.3	38	1,396.3
Produk Logam Asas	6	247.4	14	769.6	20	1,017.0	10	242.7	2	3.4
Produk Fabrikasi Logam	38	580.2	27	326.4	65	906.5	43	860.7	28	284.2
Produk Plastik	36	553.3	32	226.7	68	780.0	21	330.3	13	141.9
Tekstil & Produk Tekstil	6	123.6	10	432.3	16	555.9	4	39.1	5	24.8
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	4	527.8	2	13.5	6	541.3	3	171.1	1	4.0
Produk Mineral Bukan Logam	16	450.4	4	31.1	20	481.5	10	182.7	5	179.6
Kertas, Percetakan & Penerbitan	22	433.1	8	46.7	30	479.8	19	288.0	11	94.2
Perabot & Kelengkapan	12	172.6	12	156.8	24	329.4	12	147.2	14	56.2
Peralatan Saintifik & Pengukuran	4	55.5	10	132.4	14	187.9	4	56.2	2	29.9
Kayu & Produk Kayu	9	103.8	10	53.1	19	157.0	14	163.2	2	11.0
Minuman & Tembakau	6	110.9	1	2.0	7	112.9	1	13.8	4	14.8
Kulit & Produk Kulit	1	3.8	-	-	1	3.8	1	31.8	-	-
Lain-lain	1	23.2	3	14.8	4	38.0	4	58.1	5	29.2
JUMLAH	309	10,003.0	248	8,221.7	557	18,224.7	311	8,502.2	208	6,947.6
										519
										15,449.7

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

**Pelaporan data adalah berdasarkan Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008)

Lampiran 7: Projek yang Diluluskan dalam Industri Sokongan Kejuruteraan mengikut Subsektor, 2022

SUBSEKTOR	BAHARU				PEMBESARAN/PELBAGAIAN				JUMLAH						
	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)*	JUMLAH PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)*	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN ASING (RM JUTA)*		
Pemesinan	14	1,190	142.3	249.1	391.3	12	814	157.0	419.6	576.6	26	2,004	299.2	668.7	968.0
Acuan, Peralatan & acuan	5	310	98.1	0.0	98.1	5	28	11.6	0.0	11.6	10	338	109.7	0.0	109.7
Pengecapan	5	197	37.2	10.2	47.4	2	93	50.0	2.2	52.2	7	290	87.2	12.5	99.6
Permutus	3	215	53.2	0.0	53.2	2	57	12.6	21.6	34.2	5	272	65.8	21.6	87.4
Kejuruteraan Permukaan	6	258	63.9	17.6	81.5	-	-	-	-	6	258	63.9	17.6	81.5	
JUMLAH	33	2,170	394.6	276.9	671.6	21	992	231.2	443.4	674.7	54	3,162	625.9	720.4	1,346.2

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 8: Projek yang Diluluskan dalam Industri Jentera & Kelengkapan mengikut Subsektor, 2022

SUBSEKTOR	BAHARU				PEMBESARAN/PELBAGAIAN				JUMLAH				
	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN ASING (RM JUTA)	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN ASING (RM JUTA)	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN ASING (RM JUTA)	
Jentera dan Kelengkapan Khusus untuk Industri Tertentu	6	296	130.1	23.1	153.2	16	2,226	2,584.4	2,750.8	5,335.3	22	2,522	2,714.6
Modul Jentera/Kelengkapan atau Alat Gantik/Komponen Perindustrian	6	989	50.2	1,510.7	1,561.0	10	197	27.7	455.6	483.3	16	1,186	77.9
Jentera dan Kelengkapan Penindustrian Am	15	618	101.7	256.9	358.5	16	438	128.1	209.2	337.3	31	1,056	229.7
Jentera dan Kelengkapan Penjanaan Tenaga	1	10	0.0	65.0	65.0	-	-	-	-	-	1	10	0.0
Penyelenggaraan, Penalkitarafan atau Pembalikan M&E (Pengubahsuaian)	-	-	-	-	-	2	80	53.7	2.9	56.6	2	80	53.7
JUMLAH	28	1,913	282.0	1,855.7	2,137.8	44	2,941	2,793.8	3,418.6	6,212.4	72	4,854	3,075.9
												5,274.3	8,350.2

Nota : *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 9: Projek yang Diluluskan dalam Industri Elektrikal & Elektronik mengikut Subsektor, 2022

SUBSEKTOR	BAHARU				PEMBESARAN/PELBAGAIAN				JUMLAH					
	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	
Komponen Elektronik	11	1,422	33.4	1,613.1	1,646.4	29	16,076	212.9	21,841.6	22,054.5	40	17,498	246.3	23,454.6
Komponen Elektrik	12	2,929	210.2	1,565.3	1,775.5	9	561	105.4	98.1	203.5	21	3,490	315.6	1,663.4
Elektronik Industri	8	1,283	100.1	538.4	638.6	10	1,291	455.2	669.8	1,125.1	18	2,574	555.3	1,208.3
Elektrik Perindustrian	9	542	147.6	115.7	263.3	6	144	35.4	512.8	548.2	15	686	183.0	628.5
Peralatan Elektrik	5	1,645	91.6	621.3	713.0	3	45	6.8	22.9	29.7	8	1,690	98.4	644.2
Elektronik Pengguna	-	-	-	-	-	4	1,134	0.0	254.0	254.0	4	1,134	0.0	254.0
JUMLAH	45	7,821	582.9	4,453.9	5,036.8	61	19,251	815.7	23,399.2	24,214.9	106	27,072	1,398.6	27,853.1
														29,251.7

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak mencepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 10: Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Penglibatan Asing mengikut Sumber, 2022 dan 2021

NEGARA ***	2022			2021		
	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN ASING (RM JUTA)	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN ASING (RM JUTA)
Singapura	83	9,849	9,609.9	73	10,903	46,567.0
Rakyat Republik China	46	6,193	9,554.9	43	13,898	16,604.2
Jepun	35	4,659	9,184.7	25	3,318	7,536.5
Jerman	11	3,458	8,784.2	14	4,092	74,909.3
Belanda	13	2,156	8,775.2	13	554	820.8
Republik Korea	3	1,344	6,275.4	7	1,210	7,334.1
Hong Kong SAR, China	20	7,959	4,848.3	8	774	194.3
Amerika Syarikat	24	10,844	4,300.4	21	1,690	1,146.1
Switzerland	13	735	1,285.7	4	146	225.0
United Kingdom	11	1,021	659.7	13	1,297	142.2
Ireland	1	650	650.0	1	54	6.4
Taipei	20	2,201	572.3	15	1,571	648.5
Belgium	2	239	330.6	-	-	-
Sweden	1	109	163.0	-	-	-
Australia	6	489	146.4	9	317	117.6
Denmark	2	123	136.7	2	37	150.1
Afghanistan	1	75	112.6	-	-	-
Kepulauan Cayman	1	40	87.5	-	-	-
Austria	2	132	68.5	3	7,086	18,920.4
Poland	1	19	64.7	-	-	-
Mauritius	1	13	64.0	-	-	-
India	4	158	60.5	6	208	52.1
Emiriah Arab Bersatu	4	271	52.2	-	-	-
Turki	2	188	51.3	-	-	-
Perancis	3	212	48.3	1	11	2.2
Thailand	2	63	46.0	2	63	11.4
Samoa	2	72	39.8	-	-	-
Luxembourg	1	109	12.9	1	500	250.0
Jordan	1	144	7.7	-	-	-
Syria	1	26	6.3	-	-	-
Liechtenstein	1	5	0.7	-	-	-
Yaman	1	0	0.0	-	-	-
Kepulauan British Virgin	-	-	-	3	267	3,322.2
Macau SAR, China	-	-	-	1	26	7.3
Finland	-	-	-	1	0	21.3
New Zealand	-	-	-	1	81	11.6
Pakistan	-	-	-	2	22	2.7
Indonesia	-	-	-	2	329	14.1
Brunei	-	-	-	2	63	0.0
Kanada	-	-	-	3	184	65.5
Bermuda	-	-	-	2	28	4.9
Lain-lain	8	376	20.7	14	909	511.0
JUMLAH	**	**	66,021.3	**	**	179,598.6

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

**Angka ini tidak dijumlahkan bagi mengelakkan pengiraan dua kali

***Pelaporan pelaburan asing adalah berdasarkan negara pelaburan langsung

Lampiran 11: Projek Perkilangan yang Diluluskan mengikut Negeri, 2022 dan 2021

NEGERI	2022				2021							
	BIL.	BAHARU JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	PEMBESARAN/ PELBAGAIAN BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	BAHARU JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	PEMBESARAN/ PELBAGAIAN BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*			
Johor	90	11,333.0	76	3,249.5	166	14,582.5	59	3,239.9	75	3,713.4	134	6,953.2
Pulau Pinang	67	3,411.4	68	10,299.5	135	13,710.9	57	73,356.6	54	2,867.1	111	76,223.7
Selangor	138	4,485.7	127	7,722.1	265	12,207.7	152	2,992.2	95	4,518.8	247	7,511.0
Kedah	24	2,152.0	18	9,831.2	42	11,983.2	26	57,130.6	22	9,088.7	48	66,219.3
Sabah	17	8,342.6	6	38.6	23	8,381.2	11	4,848.0	3	13.4	14	4,861.4
Negeri Sembilan	16	610.2	17	6,521.8	33	7,132.0	15	605.0	15	2,296.1	30	2,901.2
Melaka	12	548.4	21	6,544.1	33	7,092.5	10	511.3	8	3,410.7	18	3,922.0
Perak	23	1,097.6	30	2,818.3	53	3,915.9	25	4,968.4	18	1,112.9	43	6,081.3
Pahang	6	2,513.9	7	23.5	13	2,537.3	7	2,020.5	7	8,469.9	14	10,490.4
Sarawak	4	36.6	4	1,249.1	8	1,285.7	2	49.4	4	5,618.5	6	5,667.9
Kelantan	4	54.5	3	938.0	7	992.5	3	90.7	-	-	3	90.7
Terengganu	8	298.0	3	12.0	11	310.0	7	3,365.0	5	466.4	12	3,831.4
W.P. Kuala Lumpur	6	132.7	5	6.7	11	139.4	10	166.5	7	111.8	17	278.4
W.P. Labuan	1	3.3	-	-	1	3.3	1	25.1	3	18.5	4	43.6
Perlis	-	-	-	-	-	-	1	12.3	-	-	1	12.3
JUMLAH	416	35,019.7	385	49,254.4	801	84,274.1	386	153,381.7	316	41,706.2	702	195,087.9

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 12: Pelaburan yang Diluluskan dalam Pelbagai Sektor Perkhidmatan, 2022 dan 2021

SEKTOR PERKHIDMATAN	BILANGAN		PELUANG PEKERJAAN		JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	
	2022	2021	2022	2021	2022	2021
Maklumat dan Komunikasi	330	450	13,712	2,026	84,707.0	11,037.6
Hartanah	754	1,044	TB	TB	28,888.3	28,811.7
Perkhidmatan Kewangan	49	53	124	969	11,196.1	12,029.7
Utiliti	20	27	TB	TB	10,776.2	9,611.5
Perdagangan Pengedaran	1,242	908	35,948	14,392	6,232.4	3,598.9
Perkhidmatan Sokongan	788	954	4,875	3,555	4,190.2	5,964.1
Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan	6	5	4,098	869	2,138.9	741.0
Hotel & Pelancongan	16	29	1,917	2,949	2,066.1	3,449.2
Pertubuhan Global	102	102	1,223	3,838	1,971.3	19,658.5
Perkhidmatan Pengangkutan	29	25	321	189	1,042.3	1,595.3
Perkhidmatan Pendidikan	236	202	1,246	934	618.0	410.5
Perkhidmatan Lain	9	8	0	198	139.3	76.2
JUMLAH	3,581	3,807	63,464	29,919	153,966.0	96,984.3

Note : TB - Butiran tiada tersedia

*Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 13: Pelaburan yang Diluluskan dalam Sektor Utama, 2022 dan 2021

SEKTOR UTAMA	BILANGAN		PELUANG PEKERJAAN		JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	
	2022	2021	2022	2021	2022	2021
Perlombongan	26	19	153	37	23,992.5	17,096.3
Perladangan & Komoditi	36	34	381	388	2,238.2	211.4
Pertanian	10	6	279	103	154.4	20.5
JUMLAH	72	59	813	528	26,385.1	17,328.3

Nota: * Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 14: Pelaburan yang Diluluskan dalam Pelbagai Sektor Ekonomi mengikut Negeri, 2022 dan 2021

Negeri	2022				2021				JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	
	BILANGAN PROJEK	PEKERJAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BILANGAN PROJEK	PEKERJAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	
Johor	570	16,762	11,819.7	58,786.0	70,605.7	586	12,186	8,273.5	4,001.9	12,275.4
Selangor	1,375	41,669	27,021.7	33,030.2	60,051.9	1,319	27,409	25,735.4	3,284.6	29,020.0
Sarawak	166	1,564	15,759.9	12,398.2	28,158.1	139	3,422	16,275.9	9,409.2	25,685.1
W.P. Kuala Lumpur	641	29,611	15,408.3	9,635.7	25,044.0	498	8,888	19,627.1	18,041.9	37,669.0
Pulau Pinang	303	17,672	6,172.3	10,157.1	16,329.4	307	14,195	5,699.0	77,820.7	83,519.7
Kedah	195	6,072	1,983.7	11,147.0	13,130.7	208	13,023	2,210.6	66,094.5	68,305.1
Sabah	89	4,566	2,319.1	9,171.7	11,490.8	54	1,956	1,646.7	4,399.0	6,045.7
Negeri Sembilan	166	3,597	2,298.1	6,583.1	8,881.3	171	3,715	3,350.7	2,408.3	5,758.9
Melaka	160	4,705	2,037.9	6,536.8	8,574.8	169	3,948	2,119.3	3,701.8	5,821.1
Perak	294	7,682	4,322.5	2,283.0	6,605.5	314	6,511	4,281.9	4,311.0	8,592.9
Pahang	141	4,622	5,179.4	31.3	5,210.7	202	4,846	2,206.4	10,486.4	12,692.9
Kelantan	72	932	1,838.4	918.9	2,757.3	43	294	384.4	1.2	385.6
Terengganu	52	474	521.6	28.1	549.7	61	3,814	301.9	3,759.3	4,061.3
W.P. Putrajaya	17	244	522.0	1.1	523.1	15	152	248.7	2.8	251.5
W.P. Labuan	24	127	83.7	139.1	222.8	29	452	150.6	515.2	665.8
Perlis	11	65	67.7	0.2	67.9	20	73	281.1	0.9	282.0
Belum tentu**	178	6	3,933.8	2,487.8	6,421.7	433	138	8,023.8	344.6	8,368.5
JUMLAH	4,454	140,370	101,289.9	163,335.4	264,625.3	4,568	105,022	100,817.0	208,583.5	309,400.4

Nota: * Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan
 **Butiran negeri yang dicadangkan tiada tersedia

Lampiran 15: Pelaburan yang Diluluskan dalam Pelbagai Sektor Ekonomi dengan Penglibatan Asing mengikut Sumber, 2022 dan 2021

NEGARA***	2022			2021		
	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN ASING (RM JUTA)	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN ASING (RM JUTA)
Rakyat Republik China	91	11,545	55,431.9	75	14,960	31,341.5
Amerika Syarikat	51	12,717	29,160.0	42	2,216	4,876.0
Belanda	44	4,775	20,368.1	40	4,618	78,020.3
Singapura	250	24,905	13,466.8	411	15,838	47,307.2
Jepun	174	17,218	11,396.3	180	5,664	9,939.1
Jerman	41	2,599	9,560.3	38	1,185	1,534.5
Korea, Rep.	39	2,323	6,406.7	81	1,636	7,579.3
Hong Kong SAR, China	50	8,769	5,130.6	101	2,018	539.0
United Kingdom	36	3,071	1,462.1	17	1,302	194.5
Switzerland	26	1,102	1,378.2	27	521	307.3
Taipei	42	2,472	1,344.5	35	1,671	667.8
Perancis	15	1,726	969.7	16	42	222.9
Ireland	2	780	711.9	4	72	9.5
Kepulauan British Virgin	10	703	570.7	17	418	3,326.1
Thailand	13	364	386.8	20	748	424.7
Australia	16	917	367.3	24	536	556.7
Belgium	3	240	331.6	3	18	4.5
India	22	959	245.9	18	448	206.2
Sweden	5	1,553	194.0	37	1,081	17.9
Emiriah Arab Bersatu	9	355	179.2	2	9	1.6
Turki	6	407	163.7	3	4	12.6
Denmark	7	316	149.1	7	184	172.9
Indonesia	15	147	115.9	9	348	19.1
Afghanistan	1	75	112.6	1	4	1.0
Kepulauan Cayman	3	116	88.5	1	2	4.3
Austria	7	551	81.8	4	7,138	18,933.8
Bangladesh	8	415	67.6	6	48	5.4
Poland	1	19	64.7	-	-	-
Mauritius	1	13	64.0	1	1	1.1
New Zealand	2	71	63.0	1	81	11.6
Yaman	8	32	52.3	3	5	4.0
Vietnam	2	3	45.4	2	7	2.2
Itali	8	160	43.7	3	19	7.7
Finland	1	85	43.4	1	0	21.3
Sri Lanka	3	59	40.2	1	8	1.0
Samoa	2	72	39.8	-	-	-
Kuwait	1	0	31.1	1	0	88.7
Luxembourg	1	109	12.9	7	658	513.5
Norway	1	8	9.0	2	50	4.4
Liberia	1	134	8.5	-	-	-
Jordan	1	144	7.7	-	-	-
Sepanyol	4	21	7.6	4	8	176.1
Syria	2	30	7.3	1	12	6.0
Pulau Marshall	1	351	7.1	-	-	-
Kanada	2	31	6.3	4	186	65.9
Filipina	1	1	5.0	1	1	5.0
Pakistan	3	13	3.0	4	28	4.7
Lubnan	2	7	2.0	-	-	-


Bersambung pada halaman seterusnya

NEGARA***	2022			2021		
	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN ASING (RM JUTA)	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN ASING (RM JUTA)
Mesir	1	2	1.2	11	7	1.0
Maldives	1	7	1.0	-	-	-
Iran	1	4	1.0	-	-	-
Portugal	1	5	1.0	1	1	1.0
Bermuda	1	2	0.8	3	28	13.8
Liechtenstein	2	5	0.8	-	-	-
Persekutuan Rusia	1	2	0.4	-	-	-
Brunei	-	-	-	4	70	162.3
Cyprus	-	-	-	1	71	10.0
St. Kitt dan Nevis	-	-	-	1	71	9.5
Macau SAR, China	-	-	-	1	26	7.3
Republik Czech	-	-	-	1	3	1.1
Kepulauan Virgin Amerika Syarikat	-	-	-	1	5	1.0
Sudan	-	-	-	1	2	0.6
Albania	-	-	-	1	48	0.5
Mexico	-	-	-	1	0	0.4
Seychelles	-	-	-	1	0	0.1
Lain-lain	263	1,464	2,923.2	72	2,952	1,236.1
JUMLAH	**	**	163,335.4	**	**	208,583.5

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

**Angka tidak dijumlahkan untuk mengelakkan pengiraan dua kali

***Pelaporan pelaburan asing adalah berdasarkan negara pelaburan langsung



www.mida.gov.my



MIDA Sentral

No.5, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603 2267 3633 | Fax: 603 2274 7970 | Web: www.mida.gov.my | E-mail: investment@mida.gov.my